

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 21

Rabu

10 Disember 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2015 (Halaman 29)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 10 Disember 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini adalah 10 hari bulan dan Yang Berhormat semua ada hari ini dan esok sahaja untuk membahaskan Bajet 2015. Oleh yang demikian saya fikir Yang Berhormat semua, yang mana belum menghantarkan nama sila kemukakan ya, untuk memberi peluang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap atau berbahas dalam perbahasan yang penting ini. Tanpa membuang masa saya mempersilakan pertanyaan lisan pada hari ini. Dipersilakan pertanyaan nombor satu, Dato' Muhammad Olian bin Abdullah.

1. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kesan penggunaan *benzoyl peroxide* (BP) kepada kesihatan jika melebihi standard; dan
- (b) kaedah pemantauan terhadap penggunaan BP oleh pengeluar tepung gandum negara ini dan apakah kerajaan bercadang untuk mengharamkan penggunaannya kerana ianya berbahaya kepada kesihatan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian. Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan *benzoyl peroxide*. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa prihatin akan isu berhubung keselamatan makanan termasuk isu penggunaan *benzoyl peroxide* dalam tepung gandum.

Tepung gandum mempunyai pigmen karotenoid yang ada secara semula jadi dan ini memberikan warna kekuningan kepada tepung tersebut. *Benzoyl peroxide* apabila ditambah bagi tujuan rawatan tepung akan mengoksidakan karotenoid semula jadi dalam tepung tersebut dan menghasilkan tepung yang putih. Peraturan 42(2), Peraturan-peraturan Makanan 1985 membenarkan penggunaan *benzoyl peroxide* sebagai *additive* makanan tepung pada kadar tidak melebihi 50mg/kg.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa, paras yang dibenarkan ialah 75mg/kg. Tuan Yang di-Pertua, kajian keselamatan yang dijalankan oleh JECFA ataupun *The Joint FAO/WHO Expert*

Committee and Food Additive mengesahkan bahawa penggunaan *benzoyl peroxide* dalam makanan tidak mendatangkan kemudaratan dan ia bukan karsinogenik.

Menurut laporan tersebut semasa pemprosesan makanan hampir keseluruhan *benzoyl peroxide* akan bertukar kepada *benzoic acid*. Oleh itu pengambilan tepung yang dirawat dengan *benzoyl peroxide* hampir menyerupai pengambilan makanan yang mengandungi bahan asid *benzoyl*, sejenis bahan pengawet yang dibenarkan dalam pelbagai makanan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985 Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Memang benar bahawa menurut World Health Organization, membenarkan 75mg/kg tepung dan persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, negara Eropah, China, Jepun malahan negara Indonesia telah mengharamkan penggunaan *benzoyl peroxide* ini.

Menurut kajian oleh dua universiti di China iaitu Beijing Medical University and Jiangxi Medical University, *benzoyl peroxide* ini boleh menyebabkan kanser. Persoalan saya, apakah jaminan kementerian boleh menentukan bahawa setiap satu kilo tepung akan menggunakan tidak lebih daripada 50mg/kg. Apa jaminan kementerian? Kalau kementerian bercadang untuk mengharamkan penggunaan *benzoyl peroxide* ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sebutlah di sini beberapa negara yang masih membenarkan. Antaranya Singapura, Jepun, Amerika, Australia dan New Zealand dan negara yang mengharamkan China dan juga Indonesia. Akan tetapi yang saya diberitahu bahawa China mengharamkan *benzoyl peroxide* dalam tepung kerana *pressure* daripada industri.

Akan tetapi dari segi kajian yang telah dibuat oleh World Health Organization atau WHO memang tidak ada unsur-unsur karsinogenik dalam *benzoyl peroxide*. Walau bagaimanapun kalau ada bukti-bukti yang lebih kukuh maka pihak kementerian akan bersedia untuk buat *review* semula tentang peraturan tersebut Tuan Yang di-Pertua.

Pihak kementerian di bawah kawalan pemakanan memang kita membuat *sampling* berkala. Cuma ada tujuh buah kilang sahaja, tujuh kilang tepung di seluruh Malaysia, jadi mudah kita buat pemantauan berkala. Makna kita pergi ke kilang ambil *sample* dan *check*. Jadi sangat mudah. Jadi tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bercakap tentang *benzoyl peroxide* ini di dalam makanan, bagaimana pula tentang penggunaan *benzoyl peroxide* ini di dalam ubat-ubatan. Maksud saya dalam ubat gigi dan juga di dalam pewarna-pewarna rambut yang mana penggunaannya secara meluas di pasaran. Terima kasih.

■1010

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, *benzoyl peroxide* di dalam makanan akan bertukar menjadi *benzoic acid*. *Benzoic acid* memang terdapat di pelbagai makanan sebagai bahan pengawet makanan ataupun apa-apa juga ubatan dan ia memang tidak ada masalah dari segi *benzoic acid* Tuan Yang di-Pertua. Jadi boleh digunakan dengan selamat.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya silakan pertanyaan nombor dua, Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum mengemukakan soalan, ingin saya mengalu-alukan rombongan daripada *All-China Youth Federation* datang daripada negara China sempena 40 tahun diplomatik dengan Malaysia. *[Tepuk]* Soalan saya nombor dua.

Tuan Yang di-Pertua: *So, we welcome you to this House this morning. Thank you.*

2. **Tuan Chong Sin Woon** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk menambah bilangan rumah transit yang dilihat mampu mengurangkan beban penghuni yang baru berkahwin.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya *handicap* sedikit, saya kena minta bantuan daripada Bentara lebih sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon di atas soalan yang telah pun diutarakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Rumah Transit 1Malaysia ini Yang Berhormat dilaksanakan oleh kementerian dengan tujuan untuk kita mengurangkan beban terutama kepada pasangan-pasangan muda yang baru sahaja berkahwin dan berpendapatan rendah iaitu RM3,000 ke bawah.

Untuk mereka memulakan bukan sahaja kehidupan berkeluarga tetapi kehidupan berkeluarga sambil itu memerlukan kepada tempat tinggal sementara secara menyewa dalam pada mereka akan berusaha untuk mengisi dan mewujudkan tabungan perumahan iaitu dana yang boleh dikumpulkan antara suami isteri untuk kumpul duit untuk beli rumah pada masa yang akan datang. Jadi untuk sementara waktu, maka kementerian menyediakan satu kemudahan iaitu Program Rumah Transit bagi pasangan-pasangan muda yang baru berkahwin bagi perkahwinan yang pertama.

Selain daripada itu Yang Berhormat, sebagai peringkat permulaan, kementerian juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan kerana di bawah Program Rumah Transit ini kita menyediakan sebanyak 632 unit rumah yang berkeluasan kepada 650 kaki persegi bagi setiap unit di PPR Pinggiran Bukit Jalil. PPR Pinggiran Bukit Jalil ini Yang Berhormat, kita ada 12 blok dan dengan kerjasama daripada Kementerian Wilayah Persekutuan telah dapat memperuntukkan dua blok iaitu dengan jumlah sebanyak 632 unit untuk kita tawarkan sebagai Program Rumah Transit kepada pasangan-pasangan muda yang berpendapatan RM3,000 ke bawah. Kadar sewaan yang perlu dibayar oleh mereka, pasangan suami isteri ini ialah sebanyak RM250 sebulan.

Selain daripada itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, surat tawaran kepada kumpulan pertama, pemohon bagi Rumah Transit 1Malaysia di PPR Pinggiran Bukit Jalil ini Yang Berhormat akan dikeluarkan kepada pemohon yang layak mulai pada pertengahan Januari 2015 pada tahun depan. Sekarang ini kita telah terima permohonan-permohonan dan sedang dinilai oleh jawatankuasa dan tawaran akan dikemukakan kepada mereka pada bulan Januari 2015.

Pemohon yang berjaya Tuan Yang di-Pertua, akan menandatangani kontrak sewaan selama dua tahun dengan Jabatan Perumahan Negara. Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam tempoh dua tahun ini kita mengharapkan mudah-mudahan mereka akan dapat mencari ataupun telah mempunyai pilihan kepada rumah-rumah yang mungkin sekiranya tabungan perumahan yang dibuat oleh pasangan suami isteri ini cukup untuk membolehkan mereka membeli rumah, maka selepas itu mereka akan keluar daripada kontrak dua tahun untuk mereka keluar dan kita berikan peluang kepada pasangan yang lain pula.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian menerima sambutan yang amat menggalakkan terhadap Program Rumah Transit kepada pasangan muda yang baru berkahwin ini. Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, terdapat 3,179 permohonan yang telah pun dihantar oleh pemohon-pemohon yang mengemukakan permohonan untuk menduduki rumah projek perintis iaitu Rumah Transit 1Malaysia di Bukit Jalil ini. Berdasarkan kepada permintaan yang tinggi ini, menjawab kepada soalan Yang Berhormat, adakah kementerian bercadang untuk menambahkan lagi kepada Program Rumah Transit bagi pasangan muda pada masa yang akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian bercadang untuk menambah lagi dan akan memperluaskan lagi program ini ke bandar-bandar besar, bandar-bandar utama dan antara cadangan lokasi baru yang akan dikenal pasti oleh pihak kementerian ialah di PPR Sungai Melana di Johor Bahru dan juga di PPR Kepayan Ridge di Kota Kinabalu. Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara Tuan Yang di-Pertua, kita akan berbincang dengan pihak kerajaan-kerajaan negeri bagi kita menentukan berapa keperluan untuk diletakkan bagi bilangan rumah transit yang akan disediakan di negeri-negeri terutama di kawasan-kawasan bandar besar. Selain daripada itu, kita mengharapkan mudah-mudahan Tuan Yang di-Pertua, usaha ini akan dapat menambah lagi bekalan rumah sewa bagi pasangan-pasangan muda sementara mereka merancang untuk membeli rumah pada masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan cukup baik sekali sungguh pun *handicapped* ataupun *arm sling* tetapi tangan Yang Berhormat yang belah kiri aktif nampaknya. Silakan soalan tambahan.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang jelas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya hendak tanya memang sekarang yang di Bukit Jalil, dekat sangat dengan rumah saya. Masalah yang dihadapi oleh PPR di Bukit Jalil tersebut pertama, *public transport* pengangkutan awam. Kedua, satu jalan yang pintas untuk ke stesen LRT yang sedang dibina telah dihalang oleh penduduk di sebelah taman kerana takut digunakan jalan itu untuk penduduk PPR. Apakah tindakan kementerian nanti boleh membantu kepada penduduk yang bakal masuk, tinggal atau menduduki di kawasan tersebut.

Kedua, di kawasan tersebut tidak ada kemudahan, tidak ada kedai-kedai, tidak ada gerai-gerai. Kalau mereka yang tidak ada kenderaan, maka sukar untuk mereka hidup di dalam kawasan yang seperti itu. Apakah bantuan akan diberikan kepada mereka yang menduduki di kawasan tersebut. Akhir

sekali, adakah dalam kemudahan ini mempunyai sistem kuota untuk kaum-kaum tertentu. Sekian, terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, PPR yang terdapat di PPR Pinggiran Bukit Jalil adalah satu projek yang telah pun dibangunkan oleh Jabatan Perumahan Negara dan telah diserahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Ini adalah merupakan projek yang terdahulu. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi projek-projek baru PPR ini pada masa kini dan seterusnya pada masa yang akan datang, komponen projek perumahan PPR yang baru ini datang dengan *design* yang lebih moden dan ia datang dengan segala keperluan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Maknanya kepada komponen baru dalam pembinaan PPR-PPR yang telah pun bermula pada tahun 2010 sehinggalah pada seterusnya, ada komponen gerai, ada komponen kedai-kedai dan sebagainya. Selain daripada itu, saya dah nyatakan tadi bagi PPR Pinggiran Bukit Jalil ini ada dua belas blok, kita ambil dua blok, Blok 'L' dan Blok 'M' dan blok yang lain itu semua telah pun dibuat pengisian oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat, kenapa kita pilih PPR Pinggiran Bukit Jalil ini, kerana setelah berbincang dengan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan terutama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, ada kemudahan pengangkutan dan pihak Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang berbincang dengan pihak SPAD untuk kita menyediakan penyediaan. Contohnya dari segi pengangkutan bas-bas *feeder* untuk tujuan pengangkutan ke stesen LRT Bukit Jalil yang ada berhampiran dengan kawasan tempat tinggal Yang Berhormat dan juga PPR Rumah Transit pasangan muda ini. Selain daripada itu, sebuah stesen LRT juga sedang dibina bersebelahan dengan rumah transit yang berkenaan dan turut juga akan menjadi sebahagian daripada projek sambungan LRT laluan Ampang yang dijangka akan beroperasi tidak lama lagi.

Ini bermakna Yang Berhormat, penghuni-penghuni Rumah Transit Bukit Jalil ini akan menikmati kemudahan pengangkutan yang pantas dan cekap ke pusat bandar dengan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak DBKL bersama-sama dengan pihak SPAD. Dari segi kemudahan kedai tadi, buat masa ini oleh kerana struktur itu dia datang tidak dengan komponen seperti yang saya nyatakan, maka pihak pasangan yang muda ini berserta dengan semua sepuluh blok lagi kerana total keseluruhannya ialah 12 blok dan bersama-sama dengan total keseluruhan yang sepuluh blok lagi tentulah terpaksa berusaha mendapatkan kemudahan untuk mendapatkan barangan daripada kedai dan sebagainya pada kawasan-kawasan yang berhampiran. Terima kasih Yang Berhormat.

■1020

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk mewujudkan rumah transit ini adalah sangat baik. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, bagaimana sambutan daripada kerajaan-kerajaan negeri dalam penyediaan tapak lokasi? Adakah baik dan bagaimana pula sambutan dari negeri-negeri Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor? Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada masalah kerana setiap perancangan pembinaan

PPR baru terutama yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajet yang telah pun dibentangkan, perancangan untuk tahun 2015 sebanyak 26,000 unit PPR akan dibina pada tahun depan. Kebiasaannya Tuan Yang di-Pertua, pada setiap tahun sebelum ini sebanyak 16,743 unit rumah PPR yang kita bina. Kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan terutama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menambahkan bilangan itu kepada 26,000 yang akan dibina pada tahun hadapan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum pihak kementerian terutama Jabatan Perumahan Negara merancang sesuatu pembinaan PPR, kita akan berunding dengan pihak kerajaan negeri kerana Tuan Yang di-Pertua, dari segi peruntukan pembinaan ia datang daripada peringkat Kerajaan Pusat iaitu melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi tanah itu perlu datang daripada kerajaan negeri. So, modal datang daripada Kerajaan Pusat dan kita pohon kerjasama daripada kerajaan negeri untuk menyediakan tapak tanah yang sesuai.

Setakat ini, belum ada masalah lagi walaupun terdapat sesetengah kerajaan negeri, saya ingin menyeru kepada kerajaan negeri dari Pulau Pinang, Kelantan, Selangor supaya apabila perancangan untuk pembinaan PPR pada negeri masing-masing beri tapak tanah yang sesuai. Kadang memberikan tapak tanah ini bukan satu perkara yang sukar kepada kerajaan negeri Yang Berhormat tetapi kadang-kadang dari segi logistik tapak tanah itu, kesesuaian tapak tanah itu tidak sesuai untuk pembinaan PPR yang kadang-kadang menelan kos yang lebih tinggi untuk penyediaan tapak tanah kepada pembinaan PPR.

Ada sesetengah kerajaan negeri dia berikan tapak tanah tetapi kepada kawasan lokasi yang akan perlukan lebih banyak lagi kos untuk penyediaan infrastruktur dan sebagainya. Saya mengharapkan Tuan Yang di-Pertua pada tahun 2015 ini, oleh kerana kesungguhan daripada Kerajaan Barisan Nasional terutama melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kita akan berikan komitmen untuk membina 26,000 unit rumah PPR pada tahun akan datang, tahun 2015. Kepada semua kerajaan negeri, kita pohon supaya boleh mengenal pasti tapak-tapak tanah yang sesuai dan apabila pihak Jabatan Perumahan Negara turun untuk berbincang dengan kerajaan negeri maka tanah yang sesuai itu telah pun dikenal pasti tanpa kita membuang masa.

Ini kerana ada sebahagian daripada projek PPR ini Tuan Yang di-Pertua, ada yang bila sudah separuh jalan kita terpaksa pindahkan tapak tanah apabila duit peruntukan telah turun, lokasi tanah tidak sesuai dan lokasi tanah ada masalah dan kadang kerajaan negeri pula datang tiba-tiba untuk menukar tapak-tapak lokasi tanah. Jadi, saya harap mudah-mudahan dengan sedikit masalah yang telah pun berlaku pengalaman-pengalaman yang lepas dia akan lebih memudahkan kita untuk menguruskan terutama mengenal pasti tapak tanah bermula daripada sekarang dan kerajaan negeri memberikan komitmen yang tinggi untuk pelaksanaan 26,000 unit rumah PPR pada tahun 2015. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

3. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan penagih dadah terkini mengikut kaum, kumpulan umur dan jantina, dan nyatakan langkah berterusan kerajaan bagi membendung ancaman penagihan dadah di kalangan rakyat negara ini terutama golongan muda.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Agensi Antidadah Kebangsaan ataupun (AADK) bilangan penagih dadah pada tahun 2014 setakat bulan September adalah seramai 13,788 orang. Kaum Melayu mencatatkan bilangan penagih yang tertinggi dengan 10,910 orang diikuti kaum Cina seramai 1,099 orang. Penagih lelaki mencatatkan 13,380 orang dan perempuan 407 orang. Kumpulan umur 25-29 tahun mencatatkan bilangan penagih dadah seramai 2,564 orang dan kumpulan berumur 20 hingga 24 tahun mencatatkan bilangan penagih dadah seramai 2,242 orang.

Pihak kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan dan Polis Diraja Malaysia mengambil langkah berterusan bagi membendung ancaman penagih dadah. Program AADK yang bertujuan untuk mendidik masyarakat terutama golongan muda tentang bahaya dadah dijalankan seperti berikut:

- (i) program SHIELDS ataupun Sayang Hidup, Elak Derita Selamanya dilaksanakan kepada pelajar sekolah menengah dalam bentuk kem tiga hari dua malam dengan kerjasama Kementerian Pendidikan;
- (ii) program SMART ataupun Sukses, Matang, Aktif, Rasional dan Tanggungjawab bertujuan memastikan golongan muda berumur 18 hingga 29 tahun diberi bimbingan dan didikan supaya dapat mengamalkan dan mengekalkan cara hidup yang sihat dan positif serta bebas daripada dadah;
- (iii) kempen dalam media baru yang menjadikan medium golongan muda berinteraksi telah digunakan sepenuhnya bertujuan memastikan golongan muda mendapat maklumat yang terkini berkaitan bahaya dan kesan dadah serta ancaman dadah jenis baru di pasaran.

Di samping itu, AADK juga menjalankan Program rawatan dan pemulihan di bawah konsep *Cure & Care* seperti berikut:

- (i) Klinik *Cure & Care* Malaysia menerima kemasukan pelan secara sukarela;
- (ii) *Cure & Care Rehabilitation Center (CCRC)* menerima kemasukan pelan melalui perintah mahkamah di bawah seksyen 6 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;
- (iii) *Cure & Care Vocational Center* memberi latihan vokasional kepada *client* mereka; dan
- (iv) *Cure & Care Service Center* dan *CARE and Community Center*.

Selain itu, jawatankuasa khas di bawah Majlis Sosial Negara yang saya sendiri mempengerusikan juga akan mengkaji semula isu-isu dadah negara secara holistik. Ini meliputi kajian

berhubung masalah dadah, dan keperluan prasarana, kewangan dan kepakaran seperti pegawai psikiatri, psikologi, pegawai perubatan untuk mendapat cabaran dadah jenis baru termasuk *New Psychoactive Substances* (NPS). Keperluan kewangan yang secocok untuk badan bukan kerajaan juga dipertimbangkan bagi menggerakkan dan meningkatkan penglibatan NGO dalam masalah menangani masalah dadah di negara ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya sangat berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu baik. Masalah penagihan dadah semakin serius di negara kita ini semenjak tahun 1970-an lagi sehinggalah kerajaan mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara dalam tahun 1983.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah trend atau pola penagihan dadah negara ini bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini iaitu antara 2009 hingga 2013? Apakah punca atau faktor utama kes penagihan dadah bagi penagih dadah baru dan penagih dadah berulang? Saya juga tertarik dengan remaja berumur 13 hingga 18 tahun. Apakah langkah khusus kerajaan bagi membendung dan mencegah penagih dalam usaha yang sedemikian? Apakah langkah dan tindakan kerajaan bagi mencegah pengedaran dadah jenis opiat jenis seperti heroin dan morfin serta apakah dadah jenis sintetik seperti NPS ini berleluasa? Ini kerana pada masa ini daripada laporan dan kenyataan Yang Berhormat Menteri di dada-dada akhbar juga hari-hari kita mendapati banyak tangkapan dibuat.

■1030

Saya pun hairan di mana kurang ataupun lompongnya atau penguatkuasaan kita kurang kemas lagi, tidak mencukupi atau pun ada dalang kerana kalau kita dapati melalui udara, laut semua sempadan telah pun dibuat. Saya pohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya banyak soalan. Yang pertama soalan perubahan penagihan dadah ini. Semenjak kebelakangan ini sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa pihak penggunaan dadah ini telah bertukar daripada dadah jenis tradisi iaitu opiat, morfin dan sebagainya dan bertukar kepada dadah jenis sintetik. Sebagaimana yang kita juga sedia maklum bahawa dadah jenis tradisi ini datangnya daripada *Golden Crescent* dan juga daripada *Golden Triangle* dan juga *Admiral Triangle* iaitu di Selatan Amerika dan sekarang dadah jenis sintetik ini datang dari negara China, Afrika turun ke Malaysia dan ke pasaran dunia sekarang ini iaitu telah mengubahkan oleh kerana kedatangan masyarakat daripada bukan daripada tradisi ini telah memasuki negara kita.

Itulah kenapa pertukaran penggunaan dan lagi dadah jenis sintetik ini banyak diguna dalam bidang-bidang sosial, NEG dan sebagainya, di kelab malam dan bermacam lagi. Jadi itulah pertukaran penerimaan masyarakat muda dan belia ini telah kita lihat menumpu kepada dadah jenis sintetik bukan lagi dadah jenis tradisi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pihak polis dan pihak kementerian mengetahui pertukaran, perubahan ini. Walau bagaimanapun, kita telah melihat semula kembalinya dadah jenis morfin dan opiat ini kembali kepada negara kita, dengan itu pihak kementerian dan pihak PDRM merancang untuk menubuhkan satu lagi badan bahkan sekarang saya meminta supaya pihak PDRM memberi kepada

saya strategi perancangan untuk menjaga kemasukan dadah-dadah ini menerusi laut darat dan udara. *Every check point* kita diadakan pegawai-pegawai polis yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan daripada sudut menangani masalah dadah.

Kita tidak lagi boleh menggunakan polis-polis biasa sebagai *shift duty* dan sebagainya tapi polis yang mengetahui gerak geri manusia, *body language* dia, pengimport-pengimport dadah masuk ke negara ini. Jadi ini telah kita rancang dan kita berharap Yang Berhormat sekalian boleh menyokong dalam peruntukan ini dengan mendesak kerajaan memberi sumber kewangan dan keanggotaan kepada kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita lagi satu dalam perancangan ini dan saya akan membuat laporan saya dalam masa tiga bulan, telah ditetapkan daripada 6 Disember kepada *Cabinet Committee* pada bulan Mac yang akan datang. *Insyallah* apabila laporan itu sampai kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri nanti, kita berharap kerajaan boleh menerima cadangan-cadangan yang kita buat untuk memperbaiki secara holistik semua sekali. Bukan saja soalan kemasukan dadah tetapi juga menangani masalah mereka yang telah terjebak dengan masalah dadah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya begitu, kenapa pusat serenti dulu ditukar jadi *Cure & Care* dan bagaimana sambutan *Cure & Care* ini memandangkan dia secara sukarela. Memandangkan kerajaan memang ada langkah-langkah, program-program dijalankan tetapi angka penagih dadah kita bertambah, meningkat. Jadi adakah langkah-langkah dan program-program kerajaan itu efisien, berkesan. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang saya untuk memberi maklumat-maklumat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia berhubung dengan pertanyaan ini. Pertanyaan ini memang relevan lah Yang Berhormat. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana soalan ini amat jauh, itu dia.

Semenjak kebelakangan ini, dalam konteks global dadah, *drug policy* ialah kita menjurus kepada dua tindakan Tuan Yang di-Pertua. Satu, tindakan untuk penguatkuasaan iaitu menghalangkan dadah untuk masuk ke negara masing-masing. Kedua untuk menangani masalah penagih dadah yang telah ada dalam negara kita, bagaimana kita mengurangkan kesan kepada penagihan dadah ini.

Ini adalah selaras dengan apa yang dikatakan *United Nations Office on Drug and Crime*, *talk* di *United Nations* dan *World Health Organization* punya garis panduan yang kita guna pakai apabila kita menukarkan pusat serenti dengan *Cure & Care* ini secara *voluntary* ataupun secara sukarela untuk memasukinya. Jadi dalam keadaan ini kita telah cuba mengguna pakai garis panduan-garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak *drug policy* ataupun dasar dadah dunia yang ada sekarang ini yang melaksanakan apa dikehendaki oleh *United Nations Office on Drug and Crime* ini. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita hendak menyelaraskan. Kita *cannot be normal land* dalam keadaan kita menangani masalah global ini, itu pertama.

Yang kedua masalah kita Tuan Yang di-Pertua ialah oleh kerana banyak negara-negara di dunia sekarang khususnya di Eropah cuba untuk *legitimize* ataupun menghalalkan penggunaan

beberapa jenis dadah di negara-negara yang tertentu di dunia sekarang. Ada penilaian dan rasional mereka sendiri untuk menangani masalah ini dan juga di Amerika telah mendebatkan berhubung dengan undang-undang ini juga sama ada menghalalkan ataupun tidak penggunaan dadah jenis yang dipakai, morfin, opiat dan sebagainya itu.

Namun bukan semua negeri-negeri di Amerika itu sudah menerima hakikatnya yang kita boleh menghalalkan penggunaan dadah di Amerika. Jadi oleh kerana inilah, desakan daripada inilah kita maka negara kita merasa kesannya. Dalam masa yang sama di *Emerald Triangle* iaitu di *South America* memang secara terbuka pihak-pihak mereka kata ini adalah satu industri. Jadi mendatangkan keuntungan kepada mereka dan di *Golden Crescent* umpamanya, pilihannya ialah sama ada menanam *drug* ataupun mengangkat senjata. Mana satu negara dunia mahu. Jadi pilihannya amat jelas, mengelak daripada angkatan senjata ini, mereka berdiam dirilah berhubung dengan penanaman dadah.

Di *Golden Triangle* pula, tidak ada pun *solution* kepada penanaman dadah ini. Bahkan saya sendiri berbincang banyak dengan Menteri daripada Myanmar supaya menukarkan industri mereka daripada menanam popi dan sebagainya itu kepada industri-industri penanaman lain. Namun belum ada *political will* untuk mengatasi masalah ini. Ini nampaknya kita berhadapan dengan perkara yang sedemikian ini bahkan negara jiran kita pun sudah memikirkan macam mana hendak *legitimize certain drug*. Walaupun Malaysia dan Singapura masih mempertahankan undang-undang yang keras, undang-undang *stringent law* ini di negara kita sendiri dan juga di Singapura.

Jadi inilah keadaan semasa Yang Berhormat kenapa kita buat sedemikian. Yang dua perkara ini, satu penguatkuasaan dan kedua untuk membaik pulih ini adalah amat penting bagi kita supaya kita tidak lari daripada dasar dunia dan dalam masa yang sama kita memperkuatkan undang-undang kita yang amat dipandang sebagai satu *stringent law* oleh masyarakat antarabangsa. Terima kasih.

4. **Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilangan dan lokasi hospital kerajaan yang terdapat wad dan kemudahan-kemudahan khas untuk geriatrik dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menambahkan kemudahan sedemikian seperti yang disyorkan oleh Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Tuan Yang di-Pertua jawapan saya agak panjang sedikit kerana banyak yang saya hendak ceritakan.

Tuan Yang di-Pertua, *population* ataupun populasi golongan warga emas yang berumur 60 tahun ke atas di Malaysia kini telah meningkat kepada 8.4% dari keseluruhan populasi penduduk. Kementerian Kesihatan Malaysia maklum akan tahap dan masalah yang dihadapi oleh golongan warga emas berdasarkan kepada statistik pada tahun 2011 sebanyak 18% kemasukan pesakit ataupun *inpatient* dan 20% kedatangan pesakit luar ataupun *outpatient* di hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan adalah merupakan warga emas.

■1040

Tuan Yang di-Pertua, penempatan pakar geriatrik residen ataupun *resident geriatric specialist* adalah seperti di hospital berikut:

- (i) Hospital Kuala Lumpur;
- (ii) Hospital Selayang;
- (iii) Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang;
- (iv) Hospital Taiping;
- (v) Hospital Umum Sarawak; dan
- (vi) Hospital Umum Queen Elizabeth, Sabah.

Pakar perubatan geriatrik dari Kuala Lumpur Hospital turut menyampaikan perkhidmatan ini ke Hospital Seremban, Hospital Banting secara lawatan berkala. Manakala pakar perubatan geriatrik dari Hospital Taiping mengadakan lawatan berkala ke Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh dan Hospital Sungai Siput. Pakar perubatan geriatrik dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Kuala Lumpur turut mengadakan lawatan secara berkala ke Hospital Rehabilitasi Cheras. Perkhidmatan wad geriatrik di hospital KKM ketika ini terdapat di hospital-hospital berikut:

- (i) Hospital Kuala Lumpur;
- (ii) Hospital Tuanku Jaafar, Seremban;
- (iii) Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang;
- (iv) Hospital Rehabilitasi Cheras;
- (v) Hospital Queen Elizabeth, Sabah;
- (vi) Hospital Umum Sarawak;
- (vii) Hospital Selayang;
- (viii) Hospital Banting; dan
- (ix) Hospital Taiping.

Pada penghujung tahun 2014 dijangkakan Hospital Sungai Buloh juga ada perkhidmatan geriatrik ini.

Tuan Yang di-Pertua, manakala semua klinik-klinik kerajaan telah melaksanakan perkhidmatan kesihatan untuk warga emas di peringkat penjagaan kesihatan primer atau *primary care*. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan kerajaan adalah pendidikan kesihatan, saringan, perawatan, rehabilitasi serta penubuhan kelab-kelab warga emas untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti rekreasi, sosial serta kebajikan. Kemudahan di hospital dan klinik kesihatan yang disediakan untuk orang OKU juga boleh digunakan untuk oleh pesakit geriatrik.

Tuan Yang di-Pertua, antara elemen yang telah digariskan dalam Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Malaysia adalah- saya tidak sebut semua cuma dua saya hendak sebut. Satu, menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk warga emas yang komprehensif merangkumi penjagaan *preventive, promotive, curative, palliative* dan *rehabilitative* melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesinambungan. Kedua, perancangan serta pembangunan sumber manusia

yang akan diselarikan dengan penambahan penduduk warga emas dan keutamaan akan diberikan kepada latihan anggota kesihatan secara formal dan tidak formal daripada semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Jun 2014, terdapat 27,000 penjawat awam kesihatan yang telah dilatih dalam penjagaan kesihatan warga emas, 23,000 orang penjaga atau *caregivers* dilatih dalam aspek penjagaan warga emas dan 360 penjawat awam kesihatan di peringkat penolong pegawai perubatan dan jururawat terlatih telah menjalani kursus *post basic* dalam bidang *gerontology nursing*. Terdapat empat anggota *medical gerontologist* atau pegawai perubatan dengan sarjana ataupun PHD dalam bidang *gerontology*, serta empat pakar perubatan keluarga dengan pengajian lanjutan dalam bidang komuniti geriatrik. Terdapat 249 buah kelab warga emas yang telah ditubuhkan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, KKM begitu komited dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada warga emas. Selain daripada perkhidmatan statik iaitu perkhidmatan di klinik-klinik kesihatan dan hospital-hospital, KKM juga menyediakan perkhidmatan di luar daripada premis iaitu *outreach programme* termasuk institusi-institusi penjagaan warga emas serta perkhidmatan rawatan *domiciliary health care service*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menjelang 2035, Malaysia dijangka menjadi negara tua dengan jumlah penduduk berumur 60 tahun ke atas sebanyak 15%. Berpandukan kepada perkembangan itu saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah tindakan kerajaan bagi membantu warga emas yang menghidap penyakit kronik dan memerlukan rawatan hemodialisis yang berterusan. Ini memandangkan ramai di kalangan warga emas tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membiayai kos rawatan tersebut yang dianggarkan terlalu tinggi. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk *domiciliary care* oleh kerana kita tidak boleh masukkan kesemua warga emas yang bermasalah ke hospital jadi kita adakan *domiciliary service*. Jadi setakat ini klinik yang terlibat adalah 160 semuanya dalam perkhidmatan *domiciliary* ini dan hospital 41. Kita jangka dalam sehingga tahun 2017 semua klinik akan mengadakan perkhidmatan *domiciliary service* ini dan juga hospital akan mengadakan perkhidmatan ini.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, empat jenis tumpuan diberi untuk *domiciliary care* ini iaitu untuk strok, yang kedua untuk *traumatic brain injury* dan yang ketiga *spinal cord injury* dan yang keempat *cerebral palsy*. Ini adalah empat jenis keadaan ini yang kita beri tumpuan sehingga tahun 2014, selepas itu kita akan tambah-tambahkan lagilah perkhidmatan kita. Untuk hemodialisis memang kerajaan memang agresif dalam hal ini dan kita sudah tambah, tiap-tiap tahun kita tambah lagi mesin dialisis dan memang kita bekerjasama dengan pihak swasta dan pihak NGO dalam hal ini kerana kita hendak memastikan rakyat mendapat perkhidmatan rawatan hemodialisis secara umum, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita tengok daripada jawapan, saya tidak soal niat

kementerian, cuma ada keraguan mengenai kekurangan dari segi langkah-langkah yang sedang diambil kalau kita tengok tadi dari segi jawapan satu, dari segi peratus penuaan sudah sampai 8.6% dan unjuran ialah pada tahun 2030 kita akan sampai ke tahap 15%. Kalau kita banding dari segi *specialist* sekarang cuma di enam buah hospital dan wad di sembilan hospital.

Keraguan saya kalau kita tengok bajet tahun 2015, hanya sebanyak RM23 bilion diperuntukkan pada Kementerian Kesihatan, kurang dari 10%. Dari RM23 bilion itu hanya RM1.6 bilion untuk perbelanjaan pembangunan dan kalau kita tengok inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam itu cuma dari segi pembinaan hospital, pembinaan klinik kerajaan, penambahan klinik 1Malaysia, penambahan mesin hemodialisis dan sebagainya. Jadi kalau kita tengok langkah inisiatif yang terkandung dalam bajet tidak ada tumpuan kepada kemudahan-kemudahan geriatrik. Dari segi itu saya ada keraguan sama ada kementerian boleh capai langkah-langkah yang kementerian berhasrat untuk menjaga warga emas, itu satu aspek.

Yang kedua sama ada kementerian akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk kaji semula dasar kesihatan. Kalau kita tengok pelan tindakan warga emas ada satu dasar kesihatan warga emas yang digubal kalau tidak salah pada tahun 2008, sama ada kementerian akan bekerjasama dengan kementerian yang berkenaan supaya mengkaji semula dasar itu supaya dapat menambah kemudahan geriatrik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak disebutkan dalam bajet yang dikira setiap tahun memang tidak ada disebut secara spesifik tentang pembangunan *facility* untuk geriatrik untuk pesakit-pesakit warga emas ini tetapi memang kita sudah buat dan tidak perlu tambahan dari segi pembangunan, tidak payah, tidak perlu. Cuma yang sedia ada sudah cukup kita sediakan peralatan tetapi yang pentingnya kakitangan kita, kakitangan kita yang ada perlu dilatih supaya mereka lebih peka masalah-masalah yang dihadapi oleh warga emas ini. Saya sebut tadi kita sudah latih sehingga setakat ini 27,000, 23,000 dan sebagainya dan kita akan teruskan latihan itu supaya selari dengan penuaan masyarakat kita.

■1050

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, untuk dua tahun akan datang ini, kita sedang melatih tujuh lagi pakar perubatan dalam bidang sub kepakaran dalam bidang elektrik ini dan kita akan tempatkan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Melaka dan Hospital Seberang Jaya.

Memang, Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam program atau kaedah yang dipanggil NBOS atau *National Blue Ocean Strategy*, memang kita sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak dan pelbagai kementerian. Macam contohnya dalam hal denggi, kita bekerjasama dengan tujuh kementerian dalam hal NCD atau *noncommunicable disease* contohnya, kita memang bekerjasama dengan kementerian yang lain macam KKLW, Belia dan sebagainya. Memang ini usaha yang sentiasa kita buat, Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah peranan yang akan dimainkan oleh Kementerian di dalam memastikan keadilan dicapai oleh keluarga mangsa MH17 dan seterusnya martabat rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah bersekali dengan dua soalan lain daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Maryani binti Mohammad Yit pada 16 Disember 2014 dan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah pada 17 Disember 2014 mengenai nahas pesawat MH17.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan keadilan untuk semua keluarga mangsa MH17 dan seterusnya memartabatkan rakyat Malaysia, kerajaan terus memainkan peranan sejak mula hingga kini seperti berikut.

Pertama, siasatan berhubung nahas udara MH17, Malaysia telah dilantik sebagai *accredited representative* dalam pasukan penyiasat antarabangsa punca nahas udara pesawat MH17 yang diketuai oleh Kerajaan Belanda. Pelantikan Malaysia adalah sejajar dengan peraturan *International Civil Aviation Organization* atau ICAO di bawah *Annex 13* iaitu *Aircraft Accident and Incident Investigation* di mana Malaysia mempunyai kepentingan dalam siasatan tersebut sebagai *state of registry* atau negara di mana pesawat tersebut didaftarkan.

Berikutan pelantikan tersebut, Malaysia telah menghantar empat orang pegawai penyiasat. Satu daripada Kementerian Pengangkutan dan tiga daripada Jabatan Penerbangan Awam ataupun DCA dan dibantu oleh *Malaysia Airlines System* (MAS). Pasukan ini bertanggungjawab untuk membantu menyediakan laporan awal siasatan insiden pesawat MH17 yang juga boleh diperolehi dalam laman web *Dutch Safety Board* dan juga DCA.

Kedua, bagi siasatan jenayah berhubung nahas udara MH17 adalah seperti berikut. Pertama, tindakan untuk menuntut keadilan atas tragedi pesawat MH17 sedang diambil secara bersetia dengan pihak berkuasa negara lain yang mempunyai penumpang di atas pesawat tersebut. Dalam hal ini, adalah penting untuk memastikan siasatan tersebut dilaksanakan dengan adil dan bebas dijalankan.

Seterusnya, berdasarkan laporan awal yang dikeluarkan oleh *Dutch Safety Board* pada 9 September 2014, pesawat MH17 telah dijatuhkan oleh objek-objek bertenaga tinggi ataupun dengan izin, *high energy objects*. Namun, pihak yang bertanggungjawab masih perlu dibuktikan melampaui keraguan munasabah ataupun *beyond reasonable doubt* dan perkara tersebut masih dalam siasatan.

Seterusnya, bagi maksud siasatan jenayah, keterangan teknikal dalam bentuk rakaman percakapan dan rakaman pemintasan komunikasi antara pihak-pihak yang berkenaan juga perlu diperolehi daripada negara-negara yang berkenaan. Manakala berhubung dengan tempat perbicaraan, sekiranya pihak yang bertanggungjawab dapat dikesan dan ditangkap, ia bergantung sepenuhnya kepada tempat yang paling mudah ataupun *forum of convenience* untuk pendakwaan dijalankan. Walau bagaimanapun, isu tersebut masih terbuka untuk perbincangan dan hanya akan diputuskan setelah semua keterangan di atas dikumpulkan dan dianalisis.

Seterusnya, selain daripada siasatan jenayah yang dikendalikan oleh masing-masing negara tertentu, siasatan jenayah bersama antarabangsa sedang dikendalikan oleh *Joint Investigation Team* ataupun singkatan JIT yang diterajui oleh negara Belanda dan dianggotai oleh negara Ukraine, Australia, Belgium dan kini Malaysia. Malaysia turut melibatkan diri dalam *Eurojust Coordination Meeting* sebagai salah satu usaha siasatan bersesama di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, Malaysia yang diwakili oleh Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara dan Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Polis Negara telah menghadiri ketiga-tiga mesyuarat koordinasi yang diadakan di Eurojust iaitu pada 28 Julai 2014, 19 Ogos 2014 dan 4 Disember 2014 di The Hague, Belanda.

Seterusnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Rusia pada 10 November 2014 di mana dalam pertemuan tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggesa Presiden Rusia untuk membantu Malaysia khususnya dalam memberi akses penuh ke kawasan nahas bagi membolehkan pasukan penyiasat menjalankan siasatan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan juga telah mengadakan lawatan ke Amerika Syarikat dan Kanada pada 23 hingga 29 Oktober 2014 bagi mendapat sokongan terhadap kertas kerja tragedi MH17 yang telah dibentangkan oleh Malaysia semasa sesi yang ke-203 Majlis ICAO di Kanada. Kertas kerja tersebut telah disumbangkan bersama *co-sponsor* 35 Ahli Majlis ICAO yang lain. Majlis ICAO telah mengeluarkan resolusi kejatuhan MH17.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan juga telah berucap semasa sesi pembukaan ke-203 Majlis ICAO. Antara inti pati ucapan beliau termasuklah mengesyorkan supaya setiap negara ahli diwajibkan untuk melaporkan kepada ICAO akan sebarang maklumat berkaitan risiko penerbangan di ruang udara zon konflik negara masing-masing dan supaya ICAO mewujudkan protokol secara global dalam menyebarkan maklumat tersebut kepada negara ahli dan syarikat penerbangan.

Seterusnya, ICAO juga telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu *Task Force on Risk to Civil Aviation Arising from Conflict Zones* di mana Malaysia telah dilantik sebagai ahli *task force* tersebut dan Malaysia diwakili oleh pegawai kanan DCA dan juruterbang kanan MAS yang juga telah menghadiri mesyuarat *task force* tersebut sebanyak dua kali pada 14 hingga 15 Ogos 2014 dan 4 hingga 5 November 2014 di Montreal, Kanada. *Task force* tersebut telah memutuskan supaya notis-notis berkaitan kawasan pergolakan konflik disalurkan ke sistem NOTAM ataupun *Notice to Airmen* sedia ada kepada semua negara ahli-ahli ICAO dan syarikat penerbangan di seluruh dunia. Pihak ICAO juga telah mengadakan satu sistem pusat untuk berkongsi maklumat-maklumat berkenaan dengan kawasan-kawasan berisiko tinggi. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab begitu panjang.

■1100

Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mengatasi tragedi ini dengan begitu baik sekali. Pihak yang terkorban tetap terkorban dan yang bersedih tetap bersedih. Boleh tak saya nak menyatakan di sini

kepada Kerajaan Malaysia, khususnya kepada Yang Berhormat Menteri bahawa kita ini teraniaya. Gajah sama gajah bergaduh, pelanduk juga yang menjadi mangsa di tengahnya. Kalau kita melihat kepada tragedi ini, banyak teori yang telah pun diketengahkan oleh sama ada pakar-pakar saintis yang kita baca, pakar-pakar *aviation* dan juga *bloggers* yang mengetahui di bahagian ini.

Soalan saya, adakah kerajaan dan juga kumpulan-kumpulan penyiasatan mengambil kira teori-teori mereka ini? Saya mendengar sebentar tadi Yang Berhormat Menteri tidak menyebut langsung berhubung dengan *Boeing*, yang mana kita juga difahamkan bahawa *Boeing* telah pun semasa 9/11 ataupun tragedi PWTC di *New York*, *Boeing* telah pun mengadakan sistem di dalam penerbangan mereka iaitu *sleeping gas* kalau tak salah saya dan juga mereka mengadakan *remote flight control*. Adakah perkara ini juga diambil kira dalam siasatan kita? Saya juga nak bertanya kepada kementerian, tak apalah, yang tragedi tragedilah, yang terkorban terkorbanlah. Akan tetapi, apakah Malaysia akan mengambil tindakan untuk mempertingkatkan radar-radar ataupun sistem-sistem *aviation* yang telah pun agak lama? Kita dapat juga maklumat bahawa sebelum tragedi MH370, kerajaan juga telah memperuntukkan lebih kurang RM700 juta untuk menukar radar-radar yang telah lama dipasang. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi mengenai teori-teori dan andaian-andaian, semuanya telah dalam siasatan. Siasatan ini ada dua siasatan. Satu siasatan teknikal dan satu siasatan jenayah. Siasatan jenayah akan mengenal pasti bukti-bukti.

Jadi dalam teori-teori ini kalau kita perasan apabila berlakunya MH17, ada teori daripada Ukraine dan juga teori daripada Rusia. Teori-teori ini semuanya akan dianalisis dan dibuktikan dalam siasatan jenayah yang mana Malaysia menganggotai. Rakaman pintasan dan juga rakaman daripada video, ia juga akan diminta oleh badan penyiasat jenayah ini untuk disahkan. Setakat ini, teori-teori ini belum ada pengesahan yang *authentic*, yang asli. Jadi perlu diminta daripada Ukraine dan Rusia untuk diserahkan kepada badan penyiasat jenayah ini untuk disahkan. Jadi, apa pun teori-teori ini perlu disahkan oleh badan siasatan jenayah yang diketuai oleh Kerajaan Belanda dan juga Malaysia sebagai anggota negara penyiasat.

Seterusnya mengenai sistem Boeing yang disebut mengenai *sleeping gas* dan juga *remote control*. Ia juga akan- Itu hanya andaian, tetapi ia juga akan kita bawa untuk dimasukkan dalam siasatan jenayah sekiranya ada perkara-perkara ini berlaku. Mengenai radar-radar oleh kerajaan kita, ini memang kerajaan kita sedang meningkatkan sistem radar dalam negara kita ini. Terima kasih.

6. Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan kefahaman rakyat mengenai industri kewangan Islam seiring dengan aspirasi menjadikan negara sebagai *hub* kewangan Islam dunia kerana kebanyakan institusi-institusi yang sedia ada seperti INCEIF, ICLIF, ISRA, IBFIM yang dibangunkan Bank Negara yang lebih memfokuskan kepada pemain industri berbanding pengguna dan rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf.

Bank Negara Malaysia telah menganjurkan program kesedaran pengguna dengan kerjasama institusi kewangan dalam melaksanakan rancangan 10 tahun Program Pendidikan Pengguna. Bermula pada tahun 2001, Bank Negara Malaysia telah menganjurkan Minggu Perbankan Islam dan Takaful (MPIT) sebagai salah satu langkah bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai perbankan Islam di mana pihak industri bersama-sama menyumbang tenaga dan kepakaran dalam menyampaikan maklumat mengenai produk-produk kewangan Islam kepada pengguna.

Seterusnya, Program Minggu Perbankan Islam dan Takaful disambung oleh pihak industri kewangan Islam sebagai platform untuk menyampaikan maklumat mengenai produk-produk yang ditawarkan. Selain itu, Bank Negara juga melaksanakan beberapa inisiatif lain seperti berikut:

- (i) perkhidmatan LINK Bergerak BNM (BNM MobileLINK) untuk menyediakan khidmat nasihat berkaitan perbankan Islam dan takaful kepada masyarakat luar bandar;
- (ii) laman sesawang *info* perbankan dan *info* insurans yang bertujuan untuk meningkatkan akses pengguna kepada maklumat mengenai perbankan Islam dan takaful serta hak dan tanggungjawab sebagai pengguna; dan
- (iii) penganjuran *Global Islamic Finance Forum* (GIFF) dengan izin, yang telah berlangsung sebanyak empat kali tahun 2007, tahun 2010, tahun 2012 dan Oktober 2014.

Institusi-institusi yang dibangunkan oleh Bank Negara Malaysia adalah seperti INCEIF iaitu Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa, ICLIF - Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa, ISRA – Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa untuk Kewangan Islam, IBFIM – Institut Latihan Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia. Kita juga ada IBIM iaitu Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia.

INCEIF menawarkan kursus-kursus mengenai kewangan. Semenjak penubuhannya pada tahun 2005, INCEIF telah menganjurkan lima majlis konvokesyen serta melahirkan sebanyak 619 graduan dalam bidang kewangan Islam. INCEIF juga bergiat aktif dalam persidangan serta seminar berkaitan kewangan Islam di Malaysia mahupun di luar negara dalam mewujudkan kesedaran tentang manfaat kewangan Islam.

ISRA terlibat dalam program pendidikan kewangan Islam. Contohnya ISRA telah bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk menjayakan seminar kewangan Islam bagi imam-imam Wilayah Persekutuan. Di samping itu, ISRA turut menganjurkan forum mengenai isu-isu syariah. Forum ini juga digunakan bagi medium perkongsian ilmu bersama para cendekiawan dan orang awam. Sebagai contoh, Kolokium ISRA Antarabangsa (*International ISRA Colloquium*) dianjurkan bersama *Global Islamic Finance Forum* pada tahun 2014.

Institut latihan bagi industri kewangan Islam lain seperti IBFIM dan ICLIF turut menganjurkan pelbagai seminar berkaitan kewangan Islam yang terbuka kepada orang ramai. IBFIM telah menganjurkan program kesedaran kewangan untuk menyampaikan pengetahuan dan mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan pencerahan yang penting kepada rakyat Malaysia berkenaan dengan pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia. Cuma soalan tambahan saya, seperti yang kita maklum pada tahun 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam telah diperkenalkan yang memperuntukkan satu undang-undang yang amat ketat dan keras berkenaan dengan kegagalan pematuhan syariah yang boleh dikenakan ke atas pemain industri sehingga didenda RM25 juta ataupun dipenjarakan lapan tahun sekiranya tidak mematuhi syariah.

■1110

Cuma saya nak bertanya, apakah persediaan pihak Bank Negara dalam nak mengawal selia dan apakah mekanisme yang ada untuk memastikan produk-produk yang ditawarkan oleh industri ini benar-benar patuh syariah dan tidak akan disaman oleh rakyat jelata sehingga boleh melunturkan keyakinan rakyat terhadap keabsahan ataupun patuh syariah bagi instrumen-instrumen dikeluarkan oleh industri. Terima kasih,

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih. Tan Sri, kita ada apa yang dipanggil sebagai Majlis Penasihat Syariah di semua institusi yang melibatkan sistem kewangan Islam ini. Majlis itu dianggotai oleh mereka yang pakar dalam bidangnya dan bank-bank yang terlibat mempunyai penasihat syariah masing-masing dan kita tahu bahawa Bank Negara juga akan sentiasa memantau.

Kita ada di HQ Penang, Kuala Terengganu, Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu dan kita akan memastikan supaya tidak ada perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berlaku dan sukacita saya juga ingin memaklumkan mengenai kegagalan pematuhan syariah ini, ia dianggap sebagai satu perkara yang serius kepada kami walaupun mereka mengeluarkan produk yang pelbagai, tidak semestinya kesemuanya itu patuh syariah dan kita akan memastikan ianya akan dilaksanakan dengan baik.

Daripada segi prestasi kemajuan sistem kewangan Islam di Malaysia, jika boleh saya kongsi, daripada segi sudut perbankan, kita mempunyai 25% daripada nisbah pasaran iaitu daripada segi aset. Daripada segi pembiayaan, 28% daripada nisbah pasaran. Deposit, 28% daripada nisbah pasaran. Jumlah aset perbankan Islam di Malaysia ini ialah RM599.5 bilion. Pembiayaan, RM48.1 bilion dan deposit sebanyak RM472.1 bilion dan ia berkembang, sentiasa berkembang.

Ini menunjukkan bahawa keyakinan rakyat kepada sistem perbankan Islam. Selain daripada itu, takaful kita ada RM4.7 bilion ataupun 13% daripada *market share* ataupun nisbah pasaran. Untuk sukuk, kita nombor satu di dunia. Untuk pasaran dana Islam, kita juga nombor satu di dunia. Tambahan kepada langkah-langkah pematuhan syariah, pertama kita ada audit patuh syariah. Yang kedua, kita ada penyelidikan syariah dan ketiga kita ada laporan pematuhan syariah bulanan kepada Bank Negara Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya membenarkan tambahan seterusnya, ingin saya memaklumkan bahawa bersama-sama kita hari ini lawatan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga Taman Rasibah Indah dan Taman Suliana, Seremban turut ada bersama-sama kita pada hari ini. [*Tepuk*] Sekarang soalan tambahan seterusnya, saya silakan Tan Sri Rahim.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri. Soalan tambahan saya ialah dengan program-program yang dibuat oleh kerajaan berhubung dengan kewangan Islam ini, saya nak tahu, yang sebenarnya berapa peratus kah kegunaan ini diambil oleh atau digunakan oleh organisasi-organisasi dan ahli-ahli perniagaan yang bukan Islam. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim. Tidak ada di tangan saya angka itu tetapi sebagaimana saya sebut tadi, itu daripada segi ada empat perkara sistem kewangan Islam di Malaysia dan di dunia empat bahagian. Pertama, perbankan. Yang kedua, takaful. Yang ketiga, sukuk ataupun *Islamic bon* dan yang keempat, dana Islam dan angkanya kita akan bagi. Ini belum ada lagi berdasarkan yang bukan Islam ini belum ada lagi tetapi saya tahu memang ada yang bukan beragama Islam juga menggunakan sistem perbankan dan juga takaful dan pembelian sukuk.

Sukuk ini peringkat antarabangsa misalnya, tentu ada pelbagai agama. Jumlah sukuk yang terkumpul, USD158 bilion atau RM537.2 bilion dan 58.7% daripada sukuk global ini diterajui oleh negara Malaysia. Malaysia nombor satu, *United Arab Emirates* nombor dua dan begitu juga dana Islam global. Ini juga saya yakin ada yang bukan Islam terlibat. *Unit trust, equity fund, exchange traded fund* dan ini nombor satu di dunia.

Malaysia nombor satu, nombor dua Saudi Arabia. Daripada segi pasaran, 28% nisbah pasaran Malaysia daripada segi dana Islam dan Saudi 20% daripada dana Islam. Jadi ada empat perkara, Ahli-ahli Yang Berhormat apabila kita sebut mengenai sistem kewangan Islam di Malaysia. Terima kasih.

7. **Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan secara berterusan dilaksanakan terhadap kebanjiran pendatang tanpa izin di negara ini yang telah sampai ke suatu tahap yang boleh mengancam keselamatan dan ekonomi negara; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil terhadap penglibatan begitu ramai pendatang-pendatang tanpa izin dalam aktiviti-aktiviti penerokaan haram tanah kerajaan di Cameron Highlands baru-baru ini serta mengapa pihak berkuasa tidak mengambil tindakan lebih awal sebelum berlakunya bencana tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tan Sri, terima kasih. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, usaha membanteras masalah pendatang asing tanpa izin ataupun PATI merupakan satu usaha berterusan daripada pihak kerajaan. Seperti yang telah dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, kementerian telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif dalam membendung kebanjiran PATI di negara kita ini.

Antaranya yang pertama, melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensinya yang berkaitan daripada semasa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa, mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang seperti di bawah Akta Imigresen, Akta Pasport dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

Untuk makluman Tan Sri dan Dewan yang mulia ini, operasi Ops 6P 20 Januari 2011 hingga 31 Ogos 2013 adalah 10 ribu penangkapan, jumlah diperiksa adalah 201,632 orang. Jumlah tangkapan PATI adalah 42,102 orang dan jumlah tangkapan majikan adalah 1,284 orang. Bagi Ops 6P Bersepadu Fasa 1, daripada 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014, jumlah beroperasi adalah 2,405, jumlah diperiksa adalah 56,044. Jumlah tangkapan PATI adalah 17,455 dan jumlah tangkapan majikan adalah 234 orang. Manakala bagi Ops Bersepadu Fasa 1 iaitu pada 20 Oktober 2011 hingga 9 Disember 2014, jumlah operasi adalah 5,142 dan jumlah diperiksa ialah 91,553. Tangkapan PATI adalah 28,450 dan jumlah tangkapan majikan adalah 486.

Kedua ialah membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing, institusi yang mengambil pelajar antarabangsa, kawasan pasar-pasar borong serta kawasan kediaman rakyat tempatan. Bagi tempoh tahun ini, statistik pemeriksaan dibuat di atas premis ladang, tapak tanaman dan tanaman adalah 34 di mana seramai 222 PATI telah ditangkap. Di rumah kediaman sebanyak 1,307 pemeriksaan dengan 5,531 PATI dan 67 majikan ditangkap.

Di kedai dan premis perniagaan, sebanyak 842 pemeriksaan dengan 3,072 PATI dan 91 majikan ditangkap. Di restoran dan kedai makan sebanyak 717 pemeriksaan di mana 2,351 PATI dan 99 majikan ditangkap. Di rumah kongsi dan tapak pembinaan sebanyak 502 pemeriksaan dengan tangkapan 5,747 PATI dan 18 majikan berjaya ditangkap.

Ketiga, memperketat kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk dan sempadan negara. Yang keempat, mewajibkan pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang negara asal mereka, *return ticket* di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini.

Yang kelima, mempertingkatkan pengawasan di sepanjang persisiran perairan negara iaitu di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin, PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia, Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia.

Dan keenam, menetapkan usaha-usaha risikan pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara, dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, Unit Pencegah Penyeludupan dan Pasukan Gerakan Am.

Bagi menangani warga asing yang menceroboh tanah di Cameron Highlands, kerajaan telah menubuhkan pasukan penguatkuasaan berpusat ataupun *central enforcement team* yang dianggotai oleh pelbagai agensi penguat kuasa termasuk pasukan penguatkuasaan Jabatan Imigresen, pihak berkuasa tempatan (PBT), RELA dan lain-lain. Badan ini adalah diketuai dan di bawah kerajaan negeri.

Sebanyak 171 operasi telah dijalankan dengan 1,114 orang diperiksa. Dari jumlah itu seramai 305 pendatang asing tanpa izin dan 23 majikan telah ditangkap atas pelbagai kesalahan imigresen.

Ingin ditekankan di sini bahawa punca kehadiran warganegara asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab satu pihak sahaja tetapi sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak rakyat Malaysia perlu turut memainkan peranan membanteras PATI dengan tidak memberi perlindungan, menyewa premis-premis dan harta benda kepada PATI atau menggaji PATI. Di harapkan agar rakyat Malaysia tidak bersekongkol dengan PATI, seterusnya mengganggu tugas agensi penguatkuasaan dalam mengurangkan pembanteras PATI di dalam negara. Ingin ditekankan usaha berterusan dan gigih akan terus dilaksanakan oleh kerajaan demi memastikan kesejahteraan rakyat akan terjamin. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang begitu jelas sekali. Isu kemasukan pendatang tanpa izin bukanlah satu isu baru di negara kita. Kemasukan mereka secara haram ke negara ini adalah berpunca dari kelemahan penguat kuasa dan wujudnya agen-agen yang tidak bertanggungjawab yang membawa dan melindungi pendatang tanpa izin berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah tindakan yang diambil terhadap pegawai-pegawai penguat kuasa dan agen-agen yang berkenaan. Ini kerana sehingga ke hari ini, kita masih belum pernah mendengar mereka yang berkenaan diambil tindakan atau dibawa ke pengadilan. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menafikanlah dua fakta yang disebut Yang Berhormat tadi iaitu kelemahan penguatkuasaan ataupun agen-agen yang menyebabkan kedatangan pihak-pihak PATI ke negara kita. Sebenarnya itu adalah dua fakta yang memang kita terima sebahagian daripadanya tetapi kenyataannya ialah apabila pihak PATI ini datang ke Malaysia, mereka boleh mendapat pekerjaan dan majikan di luar sana tidak teragak-agak untuk menggaji mereka ini oleh kerana sebab-sebab yang tertentu. Kalau mereka menggaji orang menerusi orang-orang yang masuk secara undang-undang, mereka perlu memberi jaminan kepada beberapa kemudahan asas kepada pihak pekerja mereka. Akan tetapi oleh sebab mereka menggaji PATI, mereka biasanya mengeksploitasikan PATI-PATI ini dalam masa pekerjaan itu sendiri.

Dalam keadaan yang sedemikian, walau bagaimanapun sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi, penguatkuasaan itu diperketat, namun ia tidak akan mampu untuk menghalang kemasukan PATI. Sekali lagi rakyat negara ini khususnya majikan masih menerima orang bekerja sebagai pekerja di dalam tempat-tempat pekerjaan mereka sama di kilang, di ladang, di tempat pembinaan ataupun di kedai-kedai di premis, macam-macam lagi pekerjaan yang mampu kita beri. Ini masih menggaji orang asing dan mengeksploitasikan orang asing dan menerima mereka bekerja dan melindungi mereka daripada pandangan pihak penguatkuasaan selama itulah penguatkuasaan ini akan berhadapan dengan cabaran yang amat tinggi.

Walaupun demikian, kita tetap akan bertindak dan bekerjasama dengan pihak-pihak masyarakat yang peka dengan masalah yang kita hadapi ini. Dalam masa yang sama Tuan Yang di-

Pertua, saya masih mengadakan satu mesyuarat dan mesyuarat ini akan diteruskan pada bulan Januari juga. Saya sudah menubuhkan satu badan untuk melihat, mengetahui sebenarnya kenapa banjir ini berlaku. Adakah kemasukan ini tidak terkawal atau pengembalian mereka ini tidak terkawal. Ini akan saya ketahui *insya-Allah* pada bulan Januari nanti apabila kajian-kajian yang tertentu telah dapat diatasi.

Dalam menangani masalah-masalah agen ini telah ditamatkan pada tahun lepas, berhubung dengan pengambilan pekerja asing melalui agen. Akan tetapi realitinya Tuan Yang di-Pertua, saya telah berbincang dengan Menteri-menteri daripada negara-negara asing khususnya daripada Bangladesh. Saya telah berbincang sendiri dengan Menteri mengatakan realitinya agen-agen ini masih diguna pakai di negara mereka untuk mengambil pekerja-pekerja untuk dihantar ke negara-negara luar termasuk ke negara Malaysia. Jadi maknanya, bukan agen di Malaysia sahaja yang kita kena pantau tetapi agen yang di luar sana, di negara lain yang mana kita tidak berkemampuan dan tidak ada mekanisme untuk mengawalinya masih mendatangkan satu masalah kesan pendatang asing ini datang ke negara ini.

Selagi mana negara Malaysia dipandang sebagai satu negara yang boleh memberi kehidupan yang senang, mudah dan dapat kehidupan yang baik, selama itulah pendatang ini akan berterusan datang ke sini, kalau masyarakat tidak bekerjasama dengan pihak penguat kuasa undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak membangkitkan soalan tambahan mengenai banjir pekerja-pekerja asing di kawasan perumahan yang mana kita tahu pihak majikan sepatutnya menyediakan perumahan untuk pekerja-pekerja kilang. Jadi apa yang berlaku hari ini, kebanyakan perumahan ataupun *flat* di kawasan-kawasan kilang dipenuhi oleh warga-warga asing yang bekerja di kilang. Jadi ini menimbulkan masalah sosial penduduk-penduduk setempat. Jadi apakah langkah-langkah Kementerian Dalam Negeri untuk mengenakan syarat agar pihak majikan menyediakan perumahan khas tanpa bercampur dengan taman-taman ataupun rakyat-rakyat Malaysia yang ada. Itu soalan tambahan saya. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan itu. Memang saya mengetahui sendiri kerana telah mengikut beberapa banyak serbuan di tiap-tiap bandar dan pekan yang strategik di seluruh negara berhubung dengan kediaman, tempat kediaman pekerja sama ada di kilang, daripada mana-mana tempat pekerjaan. Memang ini mendatangkan satu masalah yang amat rumit diatasi oleh pihak kita. Satu sebabnya ialah oleh sebab tadi saya sebutkan, majikan-majikan yang amat terpengaruh untuk menggaji orang yang tidak mempunyai kemasukan yang khusus ini yang menerusi garis panduan undang-undang ini, yang boleh kita katakan PATI. Ini tidak dapat dibendung.

Yang kedua, pihak majikan mencari jalan mudah untuk menyelesaikan keperluan-keperluan mereka yang dikehendaki oleh undang-undang. Inilah kenapa ada perumahan-perumahan yang tertentu, blok-blok perumahan yang tertentu yang dikatakan dalam istilah Orang Putihnya- *blight* oleh sebab menjadi murah nilainya oleh sebab kemasukan pekerja-pekerja asing ini duduk di blok-blok tertentu. Saya mengetahui sendiri, di Shah Alam dan di beberapa tempat di seluruh Bandaraya Kuala

Lumpur dan juga Shah Alam di mana pendatang asing ini duduk di sana. Pelajar-pelajar asing ini duduk di sana dan mereka membuat satu komuniti sendiri. Akhirnya, orang tempatan tidak lagi mendekati kawasan-kawasan tersebut.

Akan tetapi dalam keadaan sedemikian, bukan semua mereka ini PATI tetapi adalah mereka yang datang secara mengikut garis panduan undang-undang sebab belajar di sekolah ataupun bekerja di kilang-kilang yang tidak mampu memberi premis-premis sendiri. Melainkan satu garis panduan diberi oleh pihak kementerian yang tertentu yang menguruskan soalan perkilangan dan perladangan ini, memberi standard yang tertentu supaya tiap-tiap pekerja mereka diam, mesti diam berdekatan dengan tempat perkhidmatan mereka. Barulah masalah ini dapat diatasi kerana ini adalah di luar bidang kuasa pihak Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

■1130

8. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah syarat minima untuk membolehkan seorang pelajar menyertai Program Destini Anak Bangsa yang dianjurkan oleh UiTM dan berapa ramaikah pelajar yang telah terlibat dan berapakah kos yang terlibat bermula dari penubuhannya sehingga sekarang; dan
- (b) berapa ramaikah pelajar yang telah berjaya mencapai kelulusan cemerlang di peringkat Diploma dan berapa ramaikah yang telah melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Tan Sri ke Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tan Sri dan Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat syarat minimum untuk pelajar menyertai Program Destinasi Anak Bangsa (MDAB) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) adalah mendapat tiga kepujian iaitu Kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu dan dua kepujian dalam subjek lain serta lulus mata pelajaran Sejarah, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dari Jun 2010 sehingga November 2014 seramai 51,245 pelajar telah ditawarkan mengikut program ini. Walau bagaimanapun, hanya 27,879 orang pelajar yang mendaftar. Juga untuk maklumat Dewan yang mulia ini jumlah kos bagi program tersebut adalah sebanyak RM28 juta hasil daripada sumbangan orang ramai dan juga penderma.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 22,303 pelajar telah lulus Program MDAB dan melanjutkan pengajian di peringkat diploma dan seramai 599 orang pelajar telah memilih untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda. Daripada 599 orang pelajar tersebut, seramai dua orang lulusan diploma dari program MDAB telah mendapat Anugerah Naib Canselor dan tujuh lagi telah mendapat Anugerah Dekan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana penjelasan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, UiTM adalah sebuah universiti yang telah diwujudkan khas untuk Melayu bumiputera untuk kita mengimbangkan kedudukan dalam aspek pendidikan antara kaum Melayu bumiputera dengan kaum-kaum lain. Bagaimanapun saya menekankan UiTM mestilah menekankan kepada kualiti. Di Dewan yang mulia ini pada tahun 2008 September, Menteri Pelajaran pada masa itu Yang Berhormat Tok Pa telah menegaskan pada masa itu di semua IPT-IPT di negara ini UiTM diletakkan teratas dari segi *employability* dan keupayaan.

Ini disebabkan yang pertama ialah Bahasa Inggeris 2008. Bahkan *alhamdulillah* pada sistem kesetaraan yang diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan untuk 2007, 2008, 2009 UiTM telah diletakkan setaraf walaupun baru lima, enam tahun mendapat status universiti. Telah diletakkan setaraf ratingnya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat terus kepada soalan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Dengan universiti-universiti lain. Persoalan saya Yang Berhormat bila mereka mengatakan anggaran 90% yang telah lulus saya ingin mendapatkan *detailnya*. Saya ingin melihat kelulusan tiap-tiap semester di peringkat diploma iaitu daripada semester satu sampai semester enam dan akhirnya mendapat diploma berapa *percent*. Berapa ramai yang telah berjaya memasuki program ijazah? Itu yang pertama.

Kedua soalan saya apakah langkah pihak kementerian untuk memastikan supaya dapat kita mengekalkan kedudukan UiTM sebagai sebuah universiti Melayu Bumiputera yang mempunyai kualiti yang terbaik. Ini kerana pada hari ini kalau saya dengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri tadi kelulusan yang diperlukan hanyalah tiga kredit Bahasa Melayu dan juga lulus Matematik dan *English*. Walhal untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa cukup Yang Berhormat soalan itu cukup terang.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Iaitu yang mohon masuk UiTM melebihi lima, enam A pun banyak kenapa diambil budak-budak tiga kredit yang sepatutnya boleh dihantar ke program-program *skill*, kemahiran dan vokasional. Budak-budak yang lima, enam A pun budak bumiputera miskin luar bandar. Apakah ini adil? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Yang Berhormat Tan Sri memang memahami benar UiTM ini kerana Yang Berhormat bekas Naib Canselor yang saya pasti Yang Berhormat juga sedar betapa gigih dan gahnya UiTM telah mengeluarkan para graduan, ramai pemimpin-pemimpin.

Untuk makluman Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat tadi dua, tiga aspek. Yang Berhormat khawatir sama ada kualiti ini akan menjejaskan ranking kita ataupun pendapat orang ramai terhadap UiTM. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa baru-baru ini dalam penarafan antarabangsa *QS Ranking International*. UiTM sebelum ini digulung dalam kumpulan 701 *above plus* tetapi kini dia dinaikkan ke kumpulan 601 hingga 650, ini satu peningkatan.

Juga untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, walaupun syarat kemasukan telah dilonggarkan bagi pelajar MDAB ini namun tiada kompromi dari segi kualiti program dan struktur program yang disertai oleh pelajar tersebut. Malah pelajar-pelajar MDAB diberi program motivasi untuk memastikan mereka belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai prestasi yang cemerlang. Saya telah pun memberi maklumat sebentar tadi, contoh daripada 27,000 pelajar yang mendaftar 22,000 telah lulus program maksudnya 80% pelajar lulus. Daripada 80% pelajar lulus 599 pelajar memilih untuk melanjutkan pelajaran. Soalnya apa yang berlaku kepada yang baki? Mungkin kerana faktor kemiskinan dan juga faktor-faktor lain sebahagian besar graduan di peringkat diploma telah tidak memilih untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat ijazah. Selain daripada itu masih terdapat pelajar yang masih belum menamatkan pengajian mereka.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua juga saya sedar Yang Berhormat khuatir sama ada ini akan menjejaskan prestasi universiti. Pencapaian dan prestasi universiti tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan keputusan yang digunakan dalam pengambilan. Prestasi universiti bergantung atas kebolehpayaan sesebuah universiti mendidik seseorang untuk mencapai tahap cemerlang. Andai seseorang yang tidak mendapat keputusan cemerlang tetapi kemudiannya dapat dibentuk oleh universiti untuk berjaya itu adalah kejayaan yang sebenarnya dan dapat melonjakkan prestasi universiti. Program MDAB tidak boleh menjadi kayu pengukur oleh kerana prestasi universiti ditentukan oleh prestasi pelajar, pensyarah dan fakulti berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menambah, persoalannya ialah bagi yang tercicir yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi di kalangan bumiputera disebabkan oleh lantaran latar mereka yang miskin dan sebagainya. Apakah yang dilakukan oleh pihak UiTM ataupun kerajaan untuk menampung keciciran ini supaya mereka ini tidak hanyut dalam masyarakat dan tidak memberi apa-apa makna kepada pembinaan negara bangsa.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah juga atas pelantikan Yang Berhormat ke dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat, kerajaan tidak akan sama sekali melepaskan mereka begitu sahaja. Pelajar-pelajar yang ingin menyambung akademik di UiTM ini akan diberi peluang dan ruang untuk melaksanakan tersebut.

■1140

Yang paling penting ialah pelajar harus meminati untuk melanjutkan pelajaran. Ada masa juga kita memberi penekanan bahawa mereka harus ada pengalaman bekerja. Ada di antara graduan-graduan yang telah mendapat diploma ini mereka hendak bekerja untuk mendapat pengalaman dan selepas mendapat pengalaman mereka hendak melanjutkan pelajaran mereka.

Kita alu-alukan dan kita akan memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk meneruskan pembelajaran mereka dan daripada konsep keperluan kewangan tidak menjadi masalah sama sekali kerana program ini satu program CSR syarikat-syarikat berkenaan tetapi kita juga mengalu-alukan syarikat-syarikat yang ingin bekerjasama dan membantu UiTM dalam Program MDAB ini tampil ke

depan. Kita mohon kerjasama supaya dapat melaksanakan dan melancarkan program ini dengan lebih telus dan lebih ramai lagi pelajar-pelajar dapat mengambil bahagian. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

9. Dato' Boon Som a/l Inong minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah kerajaan membuat kajian mengenai tahap dan kecenderungan hutang isi rumah di negara ini berbanding negara-negara lain di Asia Tenggara; dan
- (b) kesan terhadap kesejahteraan hidup keluarga dan masyarakat serta pertumbuhan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong. Ini adalah soalan yang agak penting untuk diketahui oleh rakyat di luar sana. Kerajaan sentiasa memantau hutang isi rumah dan memastikan tahap hutang isi rumah terus berada pada paras yang terkawal. Pihak kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah progresif bagi membendung kenaikan hutang isi rumah untuk memastikan tahap keberhutangan sektor isi rumah kekal terkawal dan tidak mencetuskan ketidakstabilan kewangan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tahap keberhutangan isi rumah di Malaysia adalah sebanyak 87.1% daripada Keluaran Dalam Negara Kadar (KDNK) pada akhir September 2014 berjumlah RM918 bilion. Paras tersebut lebih tinggi berbanding negara serantau seperti Thailand 82.3% kepada KDNK, Singapura 75% kepada KDNK. Keadaan ini antaranya disebabkan oleh penduduk Malaysia yang lebih muda iaitu umur median atau umur pertengahan 27.7 tahun berbanding negara serantau iaitu:

Negara	Umur (Median)
Singapura	33.8
Thailand	36.2
Indonesia	29.2
Korea Selatan	40.2
Taiwan	39.2

Jadi maksudnya kalau rakyat itu muda 27.7 tahun bererti keperluan mereka untuk memiliki rumah dan kenderaan itu lebih.

Sejajar dengan tahap pendapatan rakyat yang semakin meningkat berikutan prestasi ekonomi negara yang terus berkembang dan proses pembandaran yang pesat, permintaan untuk pembelian harta kediaman dan kenderaan dijangka kekal tinggi pada beberapa tahun akan datang. Berkeyakinan dengan keyakinan untuk membayar balik pinjaman seperti dicerminkan tahap pinjaman tidak berbayar

yang rendah, NPL yang rendah serta pemilikan aset yang harganya lebih tinggi pada masa akan datang, isi rumah mempunyai keupayaan untuk membeli aset melalui pinjaman.

Sebahagian besar iaitu lebih kurang 60% hutang isi rumah adalah untuk tujuan pengumpulan aset dan kekayaan yang meliputi 45% pinjaman perumahan dan 8% bagi harta tanah bukan kediaman seperti membeli rumah kedai serta 7% bagi pelaburan dalam ekuiti dan dana amanah.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk mengawal perkembangan hutang isi rumah telah diperkenalkan secara beransur-ansur bagi mengelakkan pelarasan yang melampau dalam sistem kewangan dalam ekonomi negara. Risiko kepada kestabilan kewangan domestik adalah terus terkawal berikutan asas yang kukuh dalam sektor kewangan dan isi rumah serta prospek ekonomi yang stabil dan guna tenaga yang menggalakkan.

Berikutan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan Bank Negara Malaysia sejak tahun 2010 bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah terkawal dan tidak menyebabkan ketidakstabilan sosioekonomi sistem kewangan negara, hutang isi rumah merekodkan pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan iaitu 10.4% pada akhir September 2014 berbanding 13.8% pada tahun 2012. Terima kasih.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan begitu padat dan bernas sekali. Memang layaklah sebagai Timbalan Menteri Kewangan.

Malaysia sekarang ini menghadapi tentangan daripada dua penjur. Satu, kejatuhan ringgit yang begitu ketara dan yang kedua pada masa yang sama kejatuhan teruk harga minyak. Jadi sepertimana yang kita tahu kerajaan banyak bergantung kepada hasil minyak iaitu Petronas. Baru-baru ini CEO Petronas telah umumkan kemungkinan untuk 2015 ini sumbangan Petronas kepada kerajaan akan berkurangan sebanyak RM37 bilion. Walaupun kejatuhan ringgit boleh membantu eksport kita tetapi import akan menjadi lebih mahal dan bermakna inflasi akan naik. Jadi, seperti statistik daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada tahun 2012 statistik yang saya dapat bahawa kita mengimport makanan sahaja lebih kurang RM92 juta dalam sehari.

Jadi soalnya, apakah perancangan kerajaan untuk menghadapi keadaan ekonomi pada tahun 2015 ini bermakna bebanan isi rumah akan bertambah kerana inflasi akan meningkat. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kadar pertukaran wang ia tidak semestinya dilihat dari segi sudut yang negatif sahaja. Apabila penyusutan nilai ringgit dibandingkan dengan Dolar Amerika khususnya dan Dolar Singapura, Ringgit Malaysia juga mengukuh dibandingkan dengan Pound Sterling dan juga Yen Jepun. Jadi, tidak semua Ringgit Malaysia itu mengukuh dibandingkan dengan kadar pertukaran mata wang yang lain.

Dari satu sudut memang betul kata Yang Berhormat tadi ekonomi kita ada sedikit terjejas namun eksport kita akan bertambah. Kenapa eksport kita bertambah kerana kos dan juga harga barangan yang kita eksport itu lebih murah dibandingkan dengan mata wang negara yang mengimport

tetapi pada ketika yang sama import itu mahal sedikit namun ia akan menggalakkan pada satu lagi sektor iaitu penggunaan barang-barang buatan tempatan.

Untuk kita membeli barangan buatan tempatan dan ia akan menggalakkan perkembangan ekonomi dari sudut itu. Pada ketika yang sama pelancong melihat dari sudut mata wang mereka lebih besar daripada ringgit Malaysia mereka akan datang lebih ramai ke negara kita dan sektor pelancongan akan bertambah. Kita melihat terutama rakyat Singapura datang ke Malaysia begitu ramai sekali dan membeli barangan bukan hanya di Johor Bahru malahan di seluruh negara dan ini membantu perkembangan ekonomi dari sudut yang lain.

Dari segi kejatuhan minyak iaitu itu baik untuk rakyat sebenarnya. Harga minyak turun ini baik untuk rakyat dan pada lapan hari yang pertama Disember kalau kita melihat trend itu trendnya ia akan jika berterusan RON95, RON7 dan juga diesel akan turun harga pada 1 hari bulan 1 tahun 2015 yang akan datang. Rakyat suka kalau minyak turun harga tetapi masalah kita ialah bila peniaga, pemborong, pengilang, pekedai, peruncit itu hendak menurunkan harga barangan. Itu yang kita tunggu-tunggu dan pengguna menunggu penurunan harga barang. Ini boleh mengurangkan keberhutangan isi rumah yang kita timbulkan pada ketika ini.

Memang dari segi sumbangan Petronas akan menurun daripada RM100 pendapatan kita, RM56 daripada cukai syarikat dan juga cukai individu atau *income tax*, sebanyak 31% adalah daripada sumber minyak. Walaupun sumbangan Petronas akan menurun pada tahun hadapan, namun bebanan kerajaan untuk menanggung subsidi sudah tidak ada. Subsidi minyak RON95 dan juga diesel. Jadi campur tolak perkara yang saya sebut itu ia tidaklah membebankan sangat ekonomi negara pada tahun 2015.

Saya ingin berkongsi Ahli-ahli Yang Berhormat sedikit lagi. Tadi kita sebut hutang isi rumah tetapi apakah yang sebenarnya dari segi nisbah aset kewangan kepada hutang isi rumah itu. Nisbahnya ialah 218.8% nisbah aset kewangan kepada hutang isi rumah. Apakah maksudnya? Maksudnya setiap satu ringgit hutang rakyat, rakyat mendapat RM2.18 nilai aset. Itu penting untuk kita fahami.

■1150

RM1 hutang, RM2.18 aset. Ini menunjukkan bahawa hutang isi rumah di negara kita ini *diback up* dengan aset. Ini kerana pembelian harta kediaman 45% daripada hutang isi rumah itu. Mereka berhutang tetapi dapat aset. 85% daripada hutang untuk membeli rumah itu adalah untuk membeli rumah yang pertama. Itu sebab NPL untuk pembelian harta kediaman ini cuma 1.3% NPL, rendah *non-performing loan*nya. Jadi, pada ketika kita khuatir hutang isi rumah ini bertambah, pada ketika yang sama juga kita memahami bahawa rakyat membeli aset RM1 hutang, RM2.18 aset. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang seterusnya, silakan Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, memandangkan kita menyentuh soal isi rumah ini juga, saya mohon minta bagi pihak kementerian memberi statistik yang terkini bilangan mereka yang berjaya keluar daripada muflis.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Maafkan saya ya. Tidak ada di hadapan saya sekarang. Kita beri kemudianlah. Cuma satu lagi saya hendak menambah, 49.5% daripada mereka yang berhutang yang saya sudah sebut tadi hutangnya berjumlah sekian banyak, RM918.2 bilion, 49.5% mereka yang berpendapatan RM10,000 dan ke atas. Bererti, kekhuatiran kita ialah 27% daripada hutang isi rumah itu mereka yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah. Ini yang hal-hal mufliis. Memanglah mufliis ini di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi kita juga boleh berkongsi dengan Jabatan Perdana Menteri tentang hal mufliis ini.

Kalau hutang ini pembelian harta kediaman 45%, pembelian harta bukan kediaman 7.7%, beli kereta, kenderaan atau motosikal 16.9% daripada jumlah hutang, kad kredit 3.8%, pinjaman peribadi, ada pinjam hendak buat kenduri kahwin, macam-macam, 15.9%, beli perabot rumah dan sebagainya, pembelian sekuriti saham juga untuk menambah harta 6.6%. Itu pecahan kepada hutang isi rumah dan nisbah aset kewangan mudah tunai 155. Maksudnya, RM1 hutang, RM1.55 aset mudah tunai.

Tadi yang saya sebut RM1 hutang, RM2.18 aset itu ialah aset seperti EPF, insurans, *endowment*, ASB, saham *unit trust*, deposit. Itu yang RM1 hutang, RM1.55 aset. Ini tidak termasuk rumah Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya sebut RM1 hutang, RM2.18 aset itu tidak termasuk rumah dan kenderaan. Ini cuma aset kewangan. Kalau masuk rumah dan kenderaan, lagi tinggi, RM1 hutang, lagi tinggi nilai aset. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan jawapan itu tadi, maka setakat ini dahululah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan kita untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”
[9 Disember 2013]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat menyambung berbahas. Silakan Yang Berhormat.

11.54 pg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya sama dengan rakan saya semalam, saya masuk dua hari, masuk hari ini hari yang kedua membahaskan Usul ini. Semalam baru panaskan enjin. Hari ini saya masuk *gear* 1. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang telah pun membentangkan Bajet 2015 baru-baru ini.

Menariknya bajet ini merupakan bajet yang terakhir dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemapanan. Ini bermakna Bajet 2015 yang akan dibentangkan akan melihat sejauh mana impak positif yang dapat diterap dalam mencapai visi dan objektif yang diharapkan terhadap aspirasi kerajaan itu dan mengambil kira tempoh untuk mencapai Wawasan 2020 yang akan hanya tinggal enam tahun lagi. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, ia juga memperlihatkan aspirasi kerajaan untuk mentransformasikan pendapatan negara melalui pengenalan cukai GST yang akan mula dikuatkuasakan pada 1 April 2015.

Dalam perkara ini, pelbagai pendapat yang bersetuju dan menentang GST telah disuarakan. Seperti lazimnya, setiap kali pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rakyat akan tertanya-tanya apakah manfaat yang akan dapat diperolehi daripada bajet tersebut. Pada rakyat biasa yang berpendapatan rendah dan miskin, apa yang mereka ingin tahu ialah bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh kerajaan kepada diri dan keluarga mereka.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Akta Hasutan. Walaupun ramai dalam kalangan rakan-rakan yang telah mengutarakan. Hari ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengutarakan mengenai dengan Akta Hasutan ini. Saya ingin merakam-rakamkan setinggi-tinggi tahniah dan merasa lega dan bersyukur kepada Allah SWT kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Akta Hasutan 1948 akan terus dikekalkan, malah akan ditambah baik dengan memasukkan dua peruntukan yang berhubung dengan hasutan terhadap agama dan hasutan untuk membawa keluar Sabah dan Sarawak daripada Gagasan 1Malaysia.

Akta Hasutan 1948 merupakan mekanisme perundangan yang penting bagi melindungi seluruh rakyat, semua kaum di Malaysia dan bukan bumiputera dan bukan bertujuan menutup kritikan terhadap kerajaan. Akta tersebut bukan alat untuk menangkap mereka yang menentang, sebaliknya suatu bentuk perundangan yang digubal dan dikekalkan demi menjaga keamanan dan keharmonian negara. Cuma ada sesetengah yang menyalah anggap. Hanya mereka yang cuba menghasut, menimbulkan kebencian kaum dan agama, mempertikaikan Institusi Raja-raja Melayu termasuk membangkitkan isu-isu untuk memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia akan diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini pelampau dalam kalangan rakyat bebas mengkritik Raja-Raja dan Sistem Beraja secara terbuka. Akhirnya, membuat desakan supaya Institusi Raja ini

dihapuskan. Tidak ada undang-undang yang boleh menahan mereka setelah ISA dimansuhkan. Mereka yang berminat Akta Hasutan ini dimansuhkan adalah mereka yang berminat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara republik dan akan bebas berkempen dan menghasut bagi mencapai hasrat mereka. Terkini, ada usaha membawa Sabah dan Sarawak untuk keluar dari Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan yang ada masih lagi relevan dengan kehendak semasa yang mana pelbagai bentuk ancaman keselamatan telah melanda negara.

Namun, beberapa pindaan perlu dibuat bagi memperkukuhkan lagi akta seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Saya juga ingin mencadangkan supaya akta ini perlu lebih spesifik, jangan terlalu umum sehingga menyukarkan pihak berkuasa untuk bertindak. Contohnya, terma mengganggu gugat ketenteraman awam itu terlalu umum. Lebih baik diperincikan. Contohnya, kesalahan kerana menghina agama, bangsa dan Raja-Raja. Apa pun, sebelum bertindak, keluar *contest*, adalah perlu kajian dibuat terhadap pengalaman negara yang boleh dijadikan teladan dan sempadan.

■1200

Sebelum saya beralih ke tajuk yang lain Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya Menteri Dalam Negeri, setakat ini berapa orang yang telah diambil tindakan dan ditangkap kerana menghasut, memijak bendera, menghina agama, mencerca Raja-Raja. Baru-baru ini kita mengucapkan tahniah kepada KDN yang telah menarik balik pasport Alvin Tan dan juga Ali. Saya ingin hendak tanya kepada pihak kementerian sewaktu demonstrasi hari itu, kita tangkap, tidak lama lagi kita lepas, lepas itu kita tangkap, kita lepaskan. Pelampau-pelampau yang menghina Raja contohnya di Perak, ada sampai terbaring-barang dekat atas jalan menghalang Raja, apakah tindakan pihak kerajaan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri?

Mereka ini sudah seolah-olah kutu naik kepala. Saya mengharapkan kepada pihak kerajaan untuk mengambil tindakan tegas dan jangan dibiarkan mereka ini bak kata pepatah, 'bersultan di mata, beraja di hati' dan kerajaan jangan takut, kena tegas sebelum 'nasi menjadi bubur'. Kepada mereka ini, ini di Malaysia, kita tangkap, kita lepas, kita tangkap, kita lepas, sepatutnya kita tangkap, kita simpan. Simpan lama-lama lepas itu kita siasat dia, baru kita bicarakan dia. Cuba tengok, saya ambil bawa tuan-tuan dan puan-puan sekali Ahli Yang Berhormat pergi ke Singapura. Boleh hendak jadi macam ini? Boleh buat macam dekat Malaysia, hendak tahu nasibnya? Pergi lah dekat sana. Cuba hijrah dekat Singapura, dapat ke tidak buat macam dekat Malaysia. Kita berasa beruntung dan bertuah.

Jadi saya hendak minta kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, mulai hari ini kita kena tegas. Kalau hari ini kita tarik pasport Alvin Tan, selepas itu kita ambil tindakan terus menerus kepada mereka yang bertindak liar, mereka yang mengganas, mereka yang menghina raja dan mereka yang menghina bendera dan tidak menghormati lagu *NegaraKu*, kita ambil tegas. Kita rakyat Malaysia sokong mesti sama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kementerian Dalam Negeri, apa tindakannya kita sokong. Saya minta pembangkang pun sokong, bukan pembangkang lah ya, kumpulan minoriti sokong kita demi keamanan dan keharmonian, keselamatan negara kita.

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan, boleh?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Boleh.

Dato' Lim Nget Yoon: Alvin Tan itu dia berkata dia akan teruskan perbuatan tersebut demikian di negara asing. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang pernyataan itu? Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Kita mohon kepada negara asing supaya dapat menghormati negara Malaysia supaya akur apa tindakan yang kita buat dan kalau boleh kita minta negara asing pulangkan balik Alvin Tan itu kepada kita supaya dapat kita tahan dia dekat negara kita.

Seterusnya saya ingin beralih kepada memperkasakan bahasa kebangsaan. Saya hendak tanya siapakah yang harus dipertanggungjawabkan untuk memperkasakan bahasa kebangsaan yang dilihat semakin terpinggir sekarang ini. Adakah tanggungjawab ini hanya perlu dipikul oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja? Persepsi negatif mengenai kemampuan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di kalangan rakyat khususnya golongan muda semakin ketara. Ini boleh menjejaskan identiti negara. Situasi ini menggambarkan seolah-olah tiada usaha dan komitmen yang bersungguh-sungguh untuk memelihara imej bahasa kebangsaan.

Adakah saluran yang ada telah cukup untuk memastikan penggunaan bahasa kebangsaan di martabatkan dengan sebaiknya. Adakah DBP sahaja yang perlu dipertanggungjawabkan? Siapa yang perlu memantau DBP dalam usaha ini? Selain daripada itu rakyat juga semakin dicelaruken dengan penggunaan bahasa rojak yang menjadi antara punca bahasa kebangsaan tidak mendapat tempat dan membunuh bahasa kebangsaan itu sendiri. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Melayu boleh dijadikan bahasa ilmu dan sumber mengeratkan perpaduan di samping menyemarakkan pembinaan negara bangsa. Oleh itu usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai dasar nasional perlu disemarakkan dan perlu dituruti oleh semua pemimpin dan agensi kerajaan dan swasta bukan hanya dipikul oleh DBP sahaja.

Kerajaan hendaklah menetapkan semua penyampaian ucapan di persidangan antarabangsa dan majlis rasmi serta mesyuarat di dalam negara diwajibkan menggunakan Bahasa Melayu. Suatu ketika dahulu saya ada mengutarakan di Dewan yang mulia ini. Kalau kita lihat di Rusia, Australia mereka berucap dalam bahasa mereka kalau kita pergi tempatnya. Ini berbeza dengan negara kita. Sekolah dan institusi pendidikan juga adalah tempat di mana penggunaan Bahasa Melayu boleh dikembangkan. Ini termasuklah menambah dan menguatkuasakan masa pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah vernakular yang menjadi antara sebab kelemahan ini.

Selain itu penguatkuasaan terhadap penggunaan bahasa rojak dan kesalahan bahasa perlu dilaksanakan oleh pihak yang terbabit. Ini melibatkan juga penggunaan bahasa rojak dalam media sosial. Justeru kerajaan perlu membentuk satu mekanisme dan badan pemantau yang lebih efektif selain daripada DBP. Seterusnya kempen membudayakan penggunaan bahasa kebangsaan dengan betul perlu di uar-uarakan di semua jenis medium komunikasi. Pendekatan Strategi Lautan Biru hendaklah dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin pergi kepada tajuk lelaki berpakaian wanita.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah kerana memberi peluang kepada saya. Saya amat tertarik dengan apabila Yang Berhormat menyebut bahawa Bahasa Melayu sangat penting, memang pun di dalam Perlembagaan Perkara 152, bahasa rasmi negara ini adalah Bahasa Melayu. Apa pandangan Yang Berhormat di sekolah-sekolah hari ini tidak disebut Bahasa Melayu atau pun buku-buku tidak disebut Bahasa Melayu. Apa yang disebutnya Bahasa Malaysia.

Di negara, di mana-mana umpamanya negara China, dia tidak sebut bahasa Cina, dia sebut bahasa Mandarin, di India tidak disebut bahasa India, dia sebut bahasa Hindu atau bahasa Tamil. Jadi kenapa kita negara Malaysia kita sebut Bahasa Malaysia. Maknanya mesti ada bangsa Malaysia sedangkan apa yang berlaku keadaan yang sebenarnya di negara kita adalah masyarakat yang berbilang kaum. Masyarakat yang majoritinya menggunakan adalah Bahasa Melayu. Jadi saya kira adalah wajar bahawa kita kena gunakan Bahasa Melayu, mesti menyebut Bahasa Melayu kerana ia termaktub di dalam Perlembagaan adalah Bahasa Melayu. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian di atas pertanyaan itu. Saya cuma hendak jawab ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua kerana kita memikirkan kita ini ada berbilang kaum, pelbagai bangsa. Jadi ini untuk menjaga hati berbagai-bagai kaum. Maka dengan itu kita buat kepada Bahasa Malaysia. Sebab itu pun-bangsa lain pun masih lagi ada kurang senang juga dengan kita. Cakap sekolah Tamil kah itu, macam-macam lagi lah. Jadi saya rasa hari ini saudara-saudara sekalian kena hentikan ayat-ayat yang sebagaimana yang diutarakan oleh rakan-rakan kita sebelum ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya jawab nada itu nada sedihlah Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian. Faham-faham saja lah.

■1210

Seterusnya saya ingin mengutarakan mengenai dengan isu lelaki berpakaian wanita. Sebagaimana yang kita dengar peristiwa di Negeri Sembilan yang mana mereka ini menang di Mahkamah Rayuan di Negeri Sembilan. Saya pun tidak tahulah macam mana dia buat kajian itu, termaktub kepada dia- oleh kerana keputusan itu adalah keputusan mahkamah, kita tidak boleh hendak mempertikaikan. Cuma saya rasa ini bertentangan dengan akidah Islam. Itu yang berlaku di Negeri Sembilan, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang ini saya hendak ceritakan bab ini juga, bab lelaki berpakaian wanita di Kuala Lumpur dan saya rasa di merata-rata dalam negara kita. Akan tetapi, kita belum dengar wanita berpakaian lelaki. Tidak berapa ramai kalau ada pun. Itu pun dia masuk Taekwondo. Dia bila dia ganas, jadi orang lelaki takut dengan dia.

Jadi yang saya maksudkan lelaki berpakaian wanita ini, sekarang ini berleluasa kalau tidak silap saya di Kuala Lumpur ini di Lorong Haji Taib. Siapa yang pernah pergi, tahulah Lorong Haji Taib itu. Juga, ada tempat-tempat di hotel murah-murah, mereka ini berkumpul dan di tempat saya pun ada juga, kawasan tempat saya. Sebenarnya kalau kita lihat, kita tidak berapa hendak cam sama ada dia ini

lelaki atau perempuan kerana bentuk badannya sama dengan wanita, cukup. Cuma yang zahirlah, yang lain saya tidak tahu sama ada dia lelaki ataupun wanita.

Suatu ketika, saya ditemui oleh dua orang hamba Allah inilah, satu datang lelaki, satu datang perempuan. Dia jumpa saya untuk menyatakan masalah dia. Ini cerita sedikit. Cuma saya hendak tahu-saya ingat dia satu lelaki dan pasangan, lelaki suami isteri. Rupanya dia bagi salam dengan saya, baru saya tahu dia itu lelaki. "*Assalamualaikum, Yang Berhormat, apa khabar?*". Suara dia itu garau. Baru saya lihat dia ada halkum, pakainya perempuan. Sebelah itu lelaki. Jadi seolah-olah dia datang ini suami isteri. Cuba bayangkan. Akan tetapi saya tidak hendak menyentuh bab itu kerana saya rasa menyentuh peribadi dia. Keadaan ini berlaku saya rasa di mana-mana tempat. Bukan di Kuala Lumpur, bukan di Negeri Sembilan, malah di mana-mana di luar negara sudah biasa. Jadi kita ini hendak ikut stail luar negara sedangkan kita mengamalkan hukum-hukum Islam dan Imam Shafie.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih. Saya hendak tanya- saya hendak bagi pandangan. Mereka ini...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tanya dengan Tuan Yang di-Pertua. Soalan-soalan macam ini tolak masa saya atau tidak?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ikut peraturan mesyuarat, ruang sudah beri kepada Yang Berhormat. Jadi terpulanglah kepada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat mengizinkan rakan-rakan Yang Berhormat untuk menggunakan masa Yang Berhormat, itu terpulang.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Boleh Yang Berhormat ya?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Jadi, tak akan lebih masa akan diberi. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Bagi dia rehat dulu. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, jadi mereka yang lelaki berpakaian perempuan, jadi di mana letaknya kalau mereka ini hendak ke tandas? Sama ada dia perlu ke tandas lelaki ataupun ke tandas perempuan? Tempat ia macam mana? Ini juga isu. Ini kerana kalau kita tengok perempuan ini masuk ke tandas lelaki, kita terperanjat dan perempuan juga macam itu. Jadi kadang-kadang dia tidak sama. Jadi perempuan pun terperanjat. Jadi di manakah kita hendak meletakkan mereka ini ataupun kita hendak buat tandas khas untuk mereka ini? Atau apa tindakan yang perlu kita lakukan? Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya sebenarnya tidak nampak. Saya tidak kejar dia sampai ke tandas. Jadi saya tidak tahu sama ada dia itu pergi tandas lelaki atau perempuan. Akan tetapi bab ini, saya rasa dia pergi tandas lelaki. Dia tahu yang dia itu lelaki. Dia tidak berani hendak pergi tandas perempuan. Takut terserlah dia punya anu. Jadi kita minta nanti R&R semua kena fikirkan bab-bab ini. Saya rasa tidak payahlah. Memang dia itu lelaki, dia pergi dekat lelaki.

Jadi, dia datang pun lelaki sama lelaki, bukan dia datang lelaki sama perempuan. Akan tetapi, dia mengatakan bahawa, "*Saya ini suami isteri*", dia kata. Bila dia menikah? *Wallahualam*. Dia jumpa imam mana? Jadi untuk ini...

Dato' Lim Nget Yoon: Mencelah sikit. Saya dapati perkahwinan seperti ini tidak dibenarkan di Malaysia. Akan tetapi, pasangan-pasangan ini cari kelonggaran yang mereka boleh dapat, misalnya

cari negara seperti Argentina di mana perkahwinan tersebut dibenarkan, jadi mereka kahwinlah dekat sana. Jadi apa pandangan daripada Yang Berhormat tentang ini?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Yang Berhormat, kalau orang kaya, bolehlah hendak kahwin dekat Argentina. Kalau dia orang tidak berada, hendak kahwin dekat mana? Tidak ada duit. Dia hendak pergi jumpa imam, imam kenal dia.

Benda ini sebenarnya berlaku suatu ketika dahulu. Orang ini lelaki menikahi perempuan, rupanya orang itu orang lelaki. Dia tidak *check*lah, dia tidak *check*. Ini satu masalah. Oleh sebab itu kemudian ini, kita kalau hendak kahwin, dia suruh *check* air kencing. Baru boleh hendak nikah. Kalau tidak...

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Boleh mencelah tidak Yang Berhormat? Saya agak teruja dengan kisah dalam golongan orang yang kita namakan kecelaruan identiti. Mereka ini penyakit sebenarnya. Kita harus simpati dengan orang macam ini. Akan tetapi macam mana sekarang ini kita lihat- sebab itu kita lihat sekarang ini kebebasan hari ini menyebabkan ada kumpulan-kumpulan menyokong kepada gerakan LGBT kerana untuk memberikan pengiktirafan kepada mereka. Akan tetapi saya nak minta pandangan, pasal kahwin itu, sebenarnya untuk makluman, ada kumpulan ini sanggup melakukan pembedahan untuk menukar identiti. *So*, apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Dia menukar jantina itu kalau ikut Islam, haram. Jadi kena sekolahkanlah. Rasa saya sekolah agama dia tidak tinggi sebab itu dia- *loving* kalau sudah terlalu ekstrem ini Tuan Yang di-Pertua, payah. Tak tahu ya macam mana lelaki dengan lelaki itu boleh terlalu *loving* itu, macam mana dia punya perasaan, *wallahualam*. Kita tidak pernah merasakan itu. Jadi kita tidak tahu. Jadi terpulanglah.

Jadi hendak bedah itu, kena nasihatkan kalau Yang Berhormat Dato' Roslin dekat kawasan dia, panggillah. Mungkin saya akan panggil macam mana cara dia. Lain kali kalau anak-anak kita kalau hendak berkahwin, kita minta buat *medical checkup* yang perempuan itu sama ada dia perempuan atau lelaki. Kita tidak hendak pisang berbuah banyak kali. Dua kali pun tidak apa, tetapi jangan banyak kali dalam Malaysia ini, malu kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak JAKIM...

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah? Saya hendak merujuk kepada drama *Suamiku Encik Sotong*. Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat, apakah Kerajaan Malaysia pun melakukan kesilapan dalam soal mengawal selia rancangan-rancangan TV yang akhirnya mengarah kepada orang supaya menerima perkara ini dalam negara kita? Sepatutnya kalau kata berlaku dalam masyarakat, biarlah ia di luar, tetapi tidak kita benarkan ada dalam televisyen yang menjadi tontonan semua orang yang akhirnya jadi ikutan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Adam. Sebenarnya kita amat kesal dengan filem-filem yang dikeluarkan oleh pihak perfileman dan juga FINAS. Sepatutnya dia tapis terlebih dahulu sebelum dikeluarkan. Ini kerana filem-filem yang begini, mungkin ia bercanggah dengan akidah Islam kita. Suatu ketika ada buat liputan perfileman ini dibuat dekat tempat saya, filem *Sutun*. Jadi budaknya lembut. Semua orang ikut, "*Eh, kau.*" Kata dia kan. "*Eh, jangan sial.*"..

[Membuat gaya bercakap orang lembut] Kata dia begitu. Contoh Tuan Yang di-Pertua, macam bergurau tetapi menjadi ikutan anak-anak kita di sekolah-sekolah. Itu dia buat, dia tanya orang, jadi filem *Sutun* ini diikuti oleh anak-anak kita. Jadi itu sikit Tuan Yang di-Pertua.

■1220

Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak JAKIM supaya dapat memantau perkara ini. Perkara ini jangan dianggap enteng kerana ia merupakan satu lagi gejala sosial yang kurang sihat dalam masyarakat kita. Biasanya mereka ini ada yang membuat kerja-kerja bukan hendak menuduh, tidak, ada buat kerja-kerja yang tidak berapa sihat. Jadi saya juga ingin mencadangkan supaya ditubuhkan satu pusat pemulihan bagi mereka ini iaitu contoh pusat pemulihan akhlak supaya dapat diberikan latihan, kaunseling dengan secukupnya kepada mereka ini. Kita, bukan tangkaplah, kita ambil dia, dudukkan dia di satu pusat latihan selama dua tahun, selepas itu sudah baik macam orang buat pusat latihan, sudah baik keluarkan dia. Selepas itu sebaik-baiknya, carikan jodoh dia. Jadi ia perlu dibendung supaya jangan sampai dia menular.

Kepada pihak perfileman khususnya FINAS, saya juga ingin mencadangkan filem-filem yang bercorak lembut ini janganlah dikeluarkan dan kalau boleh diharamkan untuk ditonton kepada masyarakat. Kalau boleh tapis dulu, tidak payah dikeluarkan. Kalau boleh beritahu dengan penerbit-penerbit ini, nasihatkan kepada pembuat-pembuat filem, filem-filem yang sebegini jangan dibuat supaya dia tidak rugi. Jangan dia sudah buat, *then* hendak keluarkan kita tidak bagi. Ini merugikan. Ya, orang hendak berniaga bukan. Jadi saya rasa elok yang macam itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan tanah rizab Melayu. Tadi kita sudah panas, ini saya panaskan sikit lagi. Tanah rizab Melayu ini kita sedang berbincang, mana-mana pun kita sedang berbincang perkara ini. Pemilikan adalah faktor penting tanda kekuasaan suatu bangsa dan kaum di tanah tumpah tanah air kita.

Pada tahun 1965, tanah rizab Melayu pada asalnya ialah seluas 3 juta hektar. Kini hanya tinggal sebanyak 1.7 hektar ataupun kira-kira 12%. Mengapa terjadi sedemikian? Wasiat Raja-Raja Melayu semasa pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 menetapkan nisbah 50% tanah di negara ini diperuntukkan kepada rizab tanah Melayu. Kini negara dibelenggu oleh...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua,

*Mandi-manda dalam perigi,
Tuan Yang di-Pertua bagi masa 10 minit lagi.*

Timbalan Yang di-Pertua: Kita ada ramai orang Ahli Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tidak, saya faham Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terusakan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ini kalau tidak ada yang mengganggu saya tadi tidak ada apalah. Tidak apa, saya terusakan. Saya laju sikit, kita naik Express Rakyat. Kini negara dibelenggu oleh

masalah simpanan tanah rizab Melayu yang semakin menyusut. Perlu diingat bahawa tanah rizab Melayu dilindungi di bawah Enakmen Rizab Melayu yang diperkenalkan pada tahun 1914 bagi mencapai matlamat untuk menjaga tanah-tanah kepunyaan Melayu.

Perkara 89(3) Perlembagaan Persekutuan telah menyebut tanah rizab Melayu yang mahu dibatalkan dan dipinda hak Melayu perlulah diganti dengan kawasan sama jenis dan sama luasnya dengan kawasan tanah yang diambil untuk tujuan lain. Malangnya, pergantian ini tidak berlaku. Tanah yang diambil oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembangunan tidak diganti sebagaimana sepatutnya. Laporan Audit Negara 2013 telah mendedahkan 65% pergantian tanah rizab Melayu di Pahang belum diselesaikan. Dalam keadaan ini, tanah rizab Melayu yang diambil untuk pembangunan tidak dibayar pampasan yang sepatutnya. Perkara ini terjadi dalam kes pembinaan projek lebuh raya yang merentasi Kampung Sungai Penchala yang dibina oleh syarikat bukan Melayu dan hampir 150 ekar rizab Melayu hanya dibayar pampasan kepada RM50 dan hingga RM70 kaki persegi, sedangkan di sekeliling Sungai Penchala ada dijual dalam harga RM150 dan RM200 kaki persegi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, justeru sudah sampai masanya satu komitmen bersepadu perlu dilaksanakan bagi menyelamatkan sisa-sisa tanah rizab Melayu yang masih ada jatuh kepada golongan perakus. Bagi tanah rizab Melayu yang telah diambil oleh sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan perlu diganti semula.

Untuk itu, saya juga menyanjung usaha melakukan oleh Kerajaan Negeri Johor baru-baru ini yang bakal menukar status kesemua tanah peneroka FELDA dan FELCRA di negeri Johor kepada rizab Melayu serta mewujudkan inventori maklumat tanah rizab Melayu. Mengumumkan perkara itu, Menteri Besar Johor Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin telah menyatakan bahawa usaha itu merupakan antara langkah proaktif kerajaan negeri dalam melindungi dan mempertahankan tanah rizab Melayu di negeri Johor. Ini bakal melibatkan peneroka FELDA seluas 145,970 hektar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan Muzium Bukit Kepong ini. Orang kampung suruh saya beritahu, kalau tidak, tidak payah duduk Dewan Negara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Muzium Bukit Kepong ini terima kasih kepada kerajaan, dulu saya mengutarakan, hari ini telah dilaksanakan. *Alhamdulillah*. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Cuma Tuan Yang di-Pertua, muzium ini sebenarnya untuk memaparkan kisah-kisah sejarah pahit anggota-anggota polis sewaktu zaman British dahulu. Jadi kalau muzium siap, tidak ada makna kalau tidak ada pengisian dan juga pengunjungnya. Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dan juga Kementerian Dalam Negeri supaya Muzium Bukit Kepong ini dimasukkan dalam kalender pelancongan.

Seterusnya, saya ingin juga mencadangkan supaya dibina sebuah pusat latihan polis di peringkat Malaysia di Bukit Kepong supaya mereka dan juga generasi yang akan datang ini akan dapat menjivai pengorbanan anggota-anggota polis yang terkorban dalam mempertahankan tanah air. Satu lagi, kita minta pihak polis supaya buatlah aktiviti kerap di kawasan Bukit Kepong kerana sedikit sebanyak ia akan dapat merancakkan lagi ekonomi di kawasan tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya ini hendak gulung, sekejap Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan sekolah agama Tuan Yang di-Pertua, pendidikan agama adalah menjadi asas penting dalam sesebuah keluarga khususnya dalam membina insan yang berakhlak dan beragama serta berperibadi tinggi. Sehubungan dengan itu, mereka diberikan pendidikan agama seiring dengan pendidikan akademik. Contohnya seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Sekolah agama yang diwujudkan di negeri Johor mempunyai sistem pembelajaran dan kurikulum yang tersusun rapi bagi mendalami bidang agama dan kokurikulum melalui kitab-kitab yang menyeluruh dalam semua mata pelajaran. Jika dibandingkan dengan sekolah akademik, mata pelajarannya terhad di bidang agama. Begitu juga- untuk itu, saya ingin mencadangkan agar di negeri-negeri lain dapat ikut mencontohi di negeri Johor supaya buat sekolah-sekolah agama tersendiri dengan tujuan dan harapan supaya dapat beri peluang kepada anak-anak kita untuk mendalami bidang agama. Kalau boleh sekolah-sekolah agama seperti ini kita terapkan kepada Kementerian Pendidikan supaya ia dapat insentif yang sama dengan sekolah akademik yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya gulung, saya ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup itu Yang Berhormat. Gulung Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan banjir ini Tuan Yang di-Pertua. Selalu banjir ini Tuan Yang di-Pertua, air. Ini saya hendak tengok kebanjiran pendatang asing di negara kita ini. Cuma saya hendak tanya dengan pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya Menteri Dalam Negeri, saya hendak tanya berapa ramai pendatang asing yang datang yang halal dan yang haram. Saya hendak tahu lagi, berapa ramai yang datang dari Indonesia, Myanmar, Nepal, Bangladesh, India, Pakistan dan lain-lain. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, mereka ini sepatutnya datang untuk bekerja, bekerja cari makan.

■1230

Akan tetapi sekarang ini mereka ini sudah berniaga, sudah berleluasa bukan sahaja dekat bandar, dekat kampung pun mereka sudah berniaga dah. Sudah buka kedai runcit, sudah buka kedai baju, macam-macam lagi. Jadi, saya hendak tanya dengan Tuan Yang di-Pertua, kita tak nak nanti satu ketika, *'Kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan'*. Mereka datang ini makan pun dibeli untuk kita sebab itu kita punya hak itu sudah dibeli sama oleh dia. Jadi, sebab itu saya rasa sedikit sebanyak kenaikan harga itu ada hubung kaitnya dengan pendatang tanpa izin ini.

Jadi, saya hendak minta pada Menteri Dalam Negeri supaya dapat mengkaji sehalus-halusnya perkara ini kerana kita tak nak melihat dengan kebanjiran yang berlaku kepada pendatang asing di negara kita ini akan membahayakan negara kita khususnya dari segi keselamatan negara.

Banjir air mudah surutnya Tuan Yang di-Pertua, tetapi banjir manusia khususnya PATI ini akan merunsingkan negara kita ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua satu sahaja perkara mengenai kereta api laju ini Tuan Yang di-Pertua. Kereta api laju ini dari satu ketika saya ada mohon kepada pihak yang berkenaan supaya kereta api laju ini dapat buat stesen di Pagoh kerana sedia maklum Hab Pendidikan

Pagoh sedang rancak dibangunkan di Pagoh. Jadi, kalau sudah siap universiti-universiti di Pagoh, pastinya akan menjadi satu kesesakan di kawasan Pagoh.

Saya hendak mohon kepada pihak yang berkenaan untuk merancang lagi ekonomi di Pagoh dan kawasan-kawasan persekitaran. Saya mohonlah pihak yang berkenaan ubah lah sedikit, kebetulan pula di situ ada kawasan Timbalan Perdana Menteri tetapi bukan hendak melebihi-lebih. Tidak, tetapi orang kampung sana masih lagi ada yang susah, ada lagi yang tidak berapa senang. Jadi, dengan adanya hab kereta api laju yang moden itu dapat memberikan impak yang tinggi dari segi ekonomi di Pagoh.

Sejarah banyak di Pagoh, jadi yang lain-lain itu boleh datang ke Pagoh khususnya pelancong-pelancong asing. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih banyak-banyak kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ini dan dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Datuk Dr. Lucas Umbul.

12.32 tgh

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk terus membahaskan Akta Rang Undang-undang Perbekalan 2015 iaitu 'Ekonomi Keperluan Rakyat' yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober yang lepas. Saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas idea-idea bernas yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana semuanya adalah holistik dan menyeluruh untuk keperluan rakyat dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah mendengar bahawa Yang Amat Berhormat menyokong penuh mengenai memperkasakan Akta Hasutan 1948 dan semua ini adalah baik dan secara peribadi saya menyokong sebab akta ini akan dapat menyekat dan juga membendung daripada gejala-gejala yang tidak baik di kalangan masyarakat kita di Malaysia yang hari ini yang agak keterlaluan.

Jadi, saya menyentuh mengenai isu perpaduan kaum di Malaysia. Sebagaimana yang kita maklum, Perdana Menteri kita adalah orang yang lebih liberal. Beliau memperkenalkan *wasatiyyah*. Jadi, *wasatiyyah* ini adalah kesederhanaan dan juga Yang Berhormat Tan Sri Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri memperkenalkan *moderation*, dengan izin, moderasi. Jadi, inilah bertitik tolak daripada ini saya ingin memfokuskan bahawa betapa pentingnya perpaduan kaum di Malaysia ini kerana kita faham negara kita ini memiliki komposisi penduduk yang terdiri daripada kepelbagaian budaya dan bangsa. Jadi, hubungan yang harmoni terjalin sesama kaum akan memperkukuhkan kedaulatan dan pembangunan negara kita. Jadi, keharmonian yang terhasil daripada perpaduan antara rakyat Malaysia merupakan satu keistimewaan juga merupakan daya tarikan pelancong-pelancong luar negara.

Kalau kita melihat di Kuala Lumpur, di Sarawak, di Sabah di lapangan-lapangan terbang kita melihat ramai pelancong datang ke Malaysia. Kerana apa, kerana mereka melihat kepelbagaian dalam negara ini dari segi budaya, dari segi latar belakang dipamerkan bersama. Jadi, konsep 1Malaysia yang diasaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang amat baik sekali dan ia dapat satu, adalah kunci atau senjata utama untuk menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran supaya negara kita dapat mencapai matlamat yang ditetapkan seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020.

Secara umumnya perasaan prasangka dan ketidakpuashatian di antara pelbagai etnik dalam sesebuah negara bukanlah suatu perkara yang asing. Persoalannya bagaimana kita menangani isu ini secara berhemah agar kita dapat meluahkan perasaan hati tanpa menjejaskan keamanan dan keharmonian negara. Ini amat penting. Di kebanyakan negara, hari ini kalau kita lihat di Syria, negara-negara luar di dunia ini, negara mereka tidak aman damai dan kita bersyukur dalam negara kita ini, kita hidup dalam satu bumbung Malaysia, negara Malaysia yang aman damai dari berbagai-bagai etnik kaum dan kepelbagaian budaya.

Jadi, kita hendak elakkan ini kata bahasa Inggeris dengan izin, *let us build the world without worlds*. Ini yang penting. Jadi, kita tidak mahu ada hubungan yang ada hari ini retak kerana angkara beberapa golongan yang agak marah kepada kerajaan sehinggakan "*Marahkan nyamuk, kelambu dibakar*". Betul ya Datuk Khairudin? *I'm not very good in* peribahasa tetapi itulah yang kita harus ingat sesama.

Jadi, saya menyimpulkan bahawa perpaduan kaum ini elemen penting yang harus diberi perhatian oleh rakyat Malaysia ini. Hubungan pemupukan etnik...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Yes, silakan. Silakan.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Jangan lama-lama.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Saya sangat tertarik dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Apakah Yang Berhormat merasa ada resepi yang sangat-sangat berguna untuk menyatukan pecahan yang berlaku demi perpaduan dan kebaikan masa depan rakyat seluruhnya? Apakah Yang Berhormat merasakan perpisahan ataupun keretakan dalam masyarakat kita ini adalah disebabkan oleh terlalu berpolitik terutama dalam bangsa Melayu sendiri yang pada perkiraan Yang Berhormat tidak ada satu-satunya resepi yang paling berkesan dan baik melainkan kita bersatu padu di bawah satu parti. Terima kasih. Itu pandangan saya dan saya pohon daripada Yang Berhormat lah untuk respons. Terima kasih.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Saya amat setuju. Sebelum saya jawab memang sudah terjawab. Akan tetapi saya bagi lima vitamin kejayaan dalam perpaduan dalam negara kita. Pertamanya Vitamin 'A', *attitude* kita, dengan izin. Jadi, sekiranya kita ini penuh dengan sopan santun seperti yang digariskan dalam Rukun Negara, Kesopanan dan Kesusilaan. Kita sedia menerima antara satu dengan lain dengan izin, *very open* kepada masyarakat lain saya ingat kita boleh berjaya, *attitude* kita.

■1240

Vitamin yang kedua Yang Berhormat Vitamin 'B' dengan izin, *believe*. Kita dari beberapa keturunan latar belakang, agama, ras dan sebagainya. Kita mempunyai kepercayaan bahawa kita ini semua percaya kepada satu yang Esa dan kita ini semua adalah dari anak-anak Adam dan Hawa. Jadi kenapa kita tidak boleh berbuat demikian? Vitamin yang ketiga ialah Vitamin 'C', *courage* dengan izin, sebab dengan keberanian kita untuk berjalan bersama, menempuhi jalan bersama sejak dari 57 tahun yang lalu, kita telah membina negara bangsa yang agak baik hari ini. Putrajaya kita ada, apa lagi kita ada Dato' Khairudin? Banyak kita ada dan orang segani kita. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun di luar negara disegani dan tahun ini kita mendapat tempat di PBB, Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa bersatu. Jadi ini semua adalah kejayaan kerana *courage* pemimpin-pemimpin kita, dengan izin.

Satu lagi ialah vitamin, saya hendak bagi lima vitamin. Vitamin D, vitamin *desire* kita. Sekiranya kita ada *desire*, kemahuan untuk memupuk perpaduan kaum yang begitu tinggi sekali dalam negara ini, memang kita boleh dayakan. Ibarat pepatah mengatakan, "*Di mana ada kemahuan, di situ ada kejayaan.*" Akhirnya kalau semua vitamin yang kita dapat, tidak lengkap kalau Vitamin 'A', 'B', 'C' dan 'D' sahaja. Vitamin yang seterusnya ialah Vitamin 'E' iaitu *excellent*. Kita mahu supaya rakyat kita dalam memupuk kaum ini, cemerlang. Kita juga mahu anak-anak kita belajar di IPTA, cemerlang. Kita mahu juga pemimpin-pemimpin kita di luar negara, yang pergi ke luar negara, dalam negara, memimpin dengan cemerlang. Semua ini gabungan daripada Vitamin 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E'. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi saya inspirasi.

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah?

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Silakan. Tolong jangan banyak sebab saya tidak ada banyak masa.

Dato' Lim Nget Yoon: Ya. Nampaknya vitamin-vitamin yang disebut oleh Yang Berhormat ini kalah kepada racun yang diberi oleh pihak tertentu. Mereka sentiasa menanam kebencian dan meracuni minda pemuda-pemuda kita. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Dato' Lim. Memang betul, kita ibarat pepatah, '*Melentur buluh biarlah dari rebung*'. Jadi sistem pendidikan kita pun memainkan peranan yang penting supaya racun itu tidak merebak apabila kita sudah dewasa. Terima kasih ya, Dato' Lim.

Saya ingin menyimpulkan bahawa Malaysia pada masa sekarang adalah berada dalam proses pembangunan yang menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan global yang besar. Dengan itu, kita amat memerlukan kesatuan dari semua golongan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Sebarang kesangsian, kecurigaan, ketidakpuasan hati mana-mana kaum yang diterjemahkan secara berlebihan dan mewujudkan ketidakstabilan dan persengketaan, akhirnya merugikan bangsa dan negara kita dan membazirkan usaha yang telah diusahakan oleh pemimpin-pemimpin kita yang dahulu dan pemimpin-pemimpin yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhujah panjang mengenai perpaduan kaum ini tetapi saya ingin menyerulah kita bermuhasabah diri sesama dalam negara ini supaya kita saling hormat-menghormati. Saya ingat Datuk Seri Halim mengatakan dalam pepatah beliau, "*Hormati yang tua,*

sayangi yang muda.” Jadi ertinya ini tergolong dalam Rukun Negara kita yang kelima iaitu “Kesopanan dan Kesusilaan”.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi kepada Kementerian Kewangan iaitu pada tahun depan sekitar ada tinggal lebih kurang lima enam bulan dan GST kita akan dilaksanakan. Satu fokus saya ialah mengenai penggunaan herba tradisional iaitu saya mohon kepada kerajaan, Kementerian Kewangan agar ubat-ubatan yang berasaskan herba dikecualikan daripada dikenakan GST. Ini kerana kita tahu masyarakat luar bandar ini kurang polos kata orang Bajau, orang polos ini, kurang duit. Jadi mereka kadang-kadang tidak mampu membeli ubat-ubatan yang mahal-mahal. Jadi ubat herba ini mampu dimiliki di mana-mana. Orang-orang yang pakar itu akan boleh membuat ubat tradisi ini untuk menyembuhkan penyakit. Tidaklah pula kena pada tempatnya, untuk kalau mereka ini mengusahakan ubat herba tradisional dan dikenakan pula GST. Jadi mudah-mudahan Kementerian Kewangan melihat perkara ini dengan serius.

Selain daripada itu, sistem perubatan komplementari dan alternatif penting bagi masyarakat umum terutamanya mereka yang serasi dengan perubatan sedemikian. Contohnya akupunktur, bekam,urut tradisional dan ini boleh melegakan penyakit-penyakit orang yang menghadapi reumatisme, dengan izin dan lain-lain penyakit sendi dan sebagainya. Kalau orang-orang Tionghoa mengatakan ini *'fung sib'* izinkan saya.

Kenaikan harga selepas ubat-ubatan tradisional dikenakan GST akan menyebabkan rakyat mendapatkan rawatan dan ubatan dari klinik, hospital dan farmasi untuk penyakit-penyakit yang tidak serius. Ini akan terus menambahkan beban rakyat kerana kos dan harga perubatan tradisional sebelum dikenakan GST lebih rendah berbanding daripada ubat-ubatan farmasi. Tambahan pula, kedai-kedai perubatan Cina dan produk-produk herba dan tradisional bumiputera akan terkesan dan kurang daya saing akibat dikenakan GST. Memandangkan kerajaan mengiktiraf perubatan tradisional dan komplementari melalui Akta Perubatan Tradisional, saya dengan ini memohon supaya ubat-ubatan ini dikecualikan dari GST.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang institusi kewangan yang memberikan pinjaman untuk projek perumahan terbengkalai termasuklah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Saya ingin bertanya tentang tanggungjawab institusi kewangan yang memberi pinjaman dalam projek terbengkalai ini. Apabila pemaju asal gulung tikar dan Jabatan Insolvensi Malaysia dilantik sebagai pelikuiditasi dan kemudian dijual kepada pemaju baru, pembeli asal langsung tidak diberitahu, sungguhpun mereka telah layak membayar balik hampir 95% pinjaman.

Jadi adakah ini benar berlaku dan di bawah pengetahuan kementerian? Apakah respons dan tindakan kementerian mengenai perkara ini? Bank pula merupakan pemegang wang serahan hak atau *assigning*. Jadi bukannya ia bertanggungjawab, bank ini memasukkan kepentingan pihak peminjam dengan Jabatan Insolvensi. Saya percaya ini mesti dimaklumkan kerana bank mesti ada masuk *caveat*, dengan izin. Jika ini kesilapan pihak bank yang akan mengakibatkan kerugian sepenuh peminjam, apakah tindakan yang diambil oleh Bank Negara atau kementerian.

Berhubung dengan BR1M Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan satu daripada manifesto Kerajaan Barisan Nasional. Maka kita amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan kerana sudi menunaikan janji menaikkan kadar BR1M secara berperingkat-peringkat. Ini bermakna tahun depan apabila GST dilaksanakan, kemungkinan pula ada peniaga-peniaga sengaja menaikkan harga barangan tidak berasas. Maka dengan kadar RM1,950 untuk golongan berpendapatan rendah yang kurang daripada RM3,000 sebulan maka ia dapat meringankan kos sara hidup daripada golongan ini.

■1250

Akan tetapi adakah kerajaan membuat kajian ataupun dengan izin *survey* ke atas impak BR1M dan adakah kerajaan betul-betul dapat menentukan rakyat yang benar-benar berpendapatan kurang daripada RM3,000. Oleh kerana kebun berskala besar, peniaga-peniaga kecil, kontraktor kecil yang memang berpendapatan lebih RM3,000 tetapi oleh kerana mereka tidak membayar cukai maka mereka juga sama mendapat BR1M. Maka pihak yang bertanggungjawab saya fikir perlu mengkaji perkara ini dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Baru-baru ini saya menghadiri MAHA bersama dengan Program MAHA 2014 bersama dengan beberapa rakan Senator ini diadakan di Serdang, MAEPS Serdang. Di peringkat negeri pun saya menghadiri juga. Peringkat kebangsaan pun saya menghadiri. Saya terfikir satu benda apabila kami melawat gerai-gerai ini mengenai pengeluaran beras.

Kami sempat melihat di bahagian NAFAS pertanian itu. Saya terfikir apabila balik dan saya pun membuat satu *research* mengenai tanah terbiar dan tanah pertanian. Bulan Mac 2012, media mengeluarkan kenyataan bahawa dalam tempoh 15 tahun statistik menunjukkan Semenanjung Malaysia telah kehilangan seluas 100,000 hektar untuk penanam padi yang telah diserahkan bagi tujuan pembangunan industri dan perumahan.

Manakala di Sabah dan Sarawak, kita kehilangan lebih kurang 6,000 hektar dalam tempoh yang sama. Jumlah kehilangan tanah pertanian ini terlalu besar jika dibandingkan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2013 dahulu berkaitan jelapang padi baru yang melibatkan Kota Belud, Batang Lupar di Sarawak serta Rompin dan Pekan di Pahang. Jumlah kehilangan tanah pertanian padi adalah amat besar.

Oleh itu kerajaan perlu menilai semula keperluan manfaat tanah pertanian terbiar. Ertinya kalau dalam golongan Bumiputera ini di luar bandar masyarakat luar bandar tanah adalah kehidupan mereka. Mereka berjasa kepada tanah. Jadi itulah sumber kepada pendapatan masyarakat luar bandar.

Kita tidak boleh menyalahkan petani 100% apabila mereka tidak mengusahakan pertanian padi sehingga menyebabkan tanah mereka terbiar. Begitu juga mereka menjual tanah pertanian mereka kepada pemaju-pemaju perumahan dan sebagainya. Antara faktor yang demikian berlaku ialah sistem pengairan. Saya ingin bercerita ini di kawasan saya sebab pada tahun ini saya bersama jurutera dari pedalaman di Sabah melawat beberapa kawasan penanaman padi yang kering kontang, tidak ada air dengan izin dia punya air *statement* tidak berjalan.

Jadi saya bertanya kepada ketua-ketua kampung, pengerusi-pengerusi JKKK dan jawatankuasa pembangunan dalam kampung itu mengatakan kenapa sawah-sawah padi ini tidak dibuka, tidak diusahakan? Jawapannya *simple*, dengan izin, iaitu tidak ada air. Kalau tidak ada air, bagaimana menanam sawah?

Jadi saya mohonlah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar melihat keluhan masyarakat luar bandar yang mengusahakan tanaman-tanaman padi ini agar memberi peruntukan yang besar tentang pengendalian *irrigation*, dengan izin. Jadi kalau ada sistem air yang baik, petani-petani akan dapat mengusahakan sawah padi mereka. Jadi saya mohonlah kepada kementerian agar melihat perkara ini lebih serius.

Saya juga melihat dalam *research* saya terhadap Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan. Saya ingin menyentuh mengenai penglibatan belia dalam bidang pertanian yang saya percaya berada di tahap kritikal. Statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang, agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menunjukkan sehingga Disember 2012 sebanyak 45% daripada 826,000 orang ahli persatuan peladang merupakan mereka yang berusia 60 tahun dan ke atas 45% dengan izin. Sebanyak 40% atau 330,000 orang yang berusia 40 tahun hingga 59 tahun. Manakala yang berusia di bawah 40 tahun seramai 15% daripada 3,000 orang ahli.

Fenomena menunjukkan kekurangan belia dalam pertanian telah di dokumentasi dengan baik tetapi sehingga hari ini kita masih kekurangan strategi untuk mengatasi masalah itu. Nampaknya belia tidak lagi berminat dalam bidang pertanian agaknya. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar langkah lebih gigih dilakukan, menggalakkan golongan belia menceburi diri dalam bidang pertanian.

Tren anak muda sekarang ini lebih memilih profesional kolar putih. Hendak senang duduk *aircond* dan sebagainya dan bekerja di bandar dan melihat bidang pertanian hanya untuk mereka yang benar-benar hampa dan kecewa kerana gagal mengejar karier ataupun profesional yang lain. Ini perlu dihentikan.

Kita tertanya-tanya ke manakah ribuan graduan daripada institusi pendidikan dan latihan pertanian yang sepatutnya menceburi bidang ini? Kita masih gagal menarik minat generasi muda melihat sektor pertanian sebagai sektor kerjaya. Ibarat kata Tun Abdullah Ahmad Badawi dahulu Mantan Perdana Menteri, pertanian adalah perniagaan. Betullah.

Jadi belia tidak berminat dalam pertanian kerana mereka berpendapat bidang ini bidang ketinggalan zaman dan petani merupakan golongan yang miskin dan mundur. Jadi perlu kita menukar stigma ini dan harus digantikan dan usaha gigih perlu dilakukan untuk melahirkan petani muda termasuklah menyediakan lebih banyak insentif dan mempertingkatkan sesi-sesi penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah kementerian sedar hari ini banyak peluang dalam pertanian sebenarnya tidak diketengahkan secara komersial. Maksudnya peluang yang ada dalam bidang ini tidak diberitahu dengan keadaan yang lebih baik supaya orang muda faham dan minat tentang bidang pertanian.

Saya minta kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Unit Agropreneur Muda diperkasakan dengan diberi peruntukan tambahan supaya mereka dapat menggunakan Unit

Agropreneur Muda ini menambah minat golongan-golongan belia terutamanya golongan muda dalam bidang pertanian.

Satu lagi ialah Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai program penyelidikan. Program penyelidikan diperuntukkan RM1.6 juta daripada bajet keseluruhan kementerian berjumlah RM6.07 bilion. Bagi saya ialah jumlah yang sangat kecil bagi tujuan penyelidikan. Jadi saya ingin tahu, penyelidikan apa yang dilakukan dalam jumlah yang sekecil itu? Adakah ia penyelidikan untuk *product development*, dengan izin, pembentukan produk ataupun untuk kajian pemasaran atau untuk *profile south economy* kumpulan sasaran dengan jumlah yang itu ataupun untuk menilai keberkesanan program-program pertanian yang dijalankan oleh kementerian.

Memang betul Bajet 2015 bagi aktiviti penyelidikan Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani bukan sekadar RM1.6 juta sahaja. Ada peruntukan lain serta penyelidikan perkhidmatan veterinar yang diperuntukkan RM14.9 juta. Penyelidikan pertanian RM33.3 juta dan satu pusat penyelidikan antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa kita sekarang sudah tepat pukul 1 tengah hari. Yang Berhormat boleh sambung sebelah petang.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cuma ada dua minit lagi. Jadi saya rasa sebelah petang nanti Yang Berhormat terus menggulung ucapan-ucapan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Dewan kita buat sementara hingga jam 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang kita mulakan persidangan kita semula dan saya dapati yang sedang berbahas sekarang ialah Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Yang Berhormat ada dua minit lagi ya di dalam buku catatan sini dan juga saya ingin mengambil kesempatan semua Ahli Yang Berhormat bersedia dan juga kalau boleh penuhkan. Siapa yang tidak ada kerja-kerja apa-apa itu elok duduk dalam Dewan. Ini kebersamaan kita, kebertanggungjawaban bersama. Ini penting sebagai satu Dewan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas. Silakan.

2.33 ptg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada hubungan kait dengan pertanian tadi. Saya hendak sentuh mengenai urus tadbir tanah di mana dalam sistem Kerajaan Negeri Sabah telah mengambil langkah-langkah positif memperkenalkan sistem *communal*

title dan juga merakyatkan pentadbiran tanah dengan melaksanakan program khas seperti yang dipanggil sebagai Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah (PANTAS) yang telah dipelopori dan diterajui, yang mencetuskan idea ini ialah Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah. Malah beliau juga mencetuskan idea untuk penubuhan Mini Estet Sejahtera (MESEJ).

Jadi ini adalah bertujuan untuk menaik tarafkan peningkatan kehidupan masyarakat luar bandar supaya ekonomi mereka bertambah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan PANTAS memerlukan dana untuk membiayai penyukatan tanah oleh juruukur swasta. Dalam hal ini kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana peruntukan RM35 juta di bawah NKRA khusus untuk menangani tuntutan hak tanah adat mengikut Adat Anak Negeri atau *Native Customary Rights*, dengan izin, di Sabah. Termasuklah menubuhkan Unit Khas Tanah Adat Negeri Sabah di Jabatan Tanah dan Ukur.

Kerja yang dijalankan oleh sistem PANTAS ini perlu berterusan sehingga penganugerahan geran tanah tercapai. Untuk mencapai misi tersebut, saya minta kerajaan persekutuan supaya menambah peruntukan berjumlah RM200 juta memastikan isu geran tanah ini selesai dalam masa 10 tahun. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pendidikan. Di dalam Kementerian Pendidikan ini adalah satu yang dekat di hati masyarakat orang-orang asal iaitu rumpun Pasokmomogun negeri Sabah iaitu mengenai kepupusan bahasa ibunda akibat kurangnya ibu bapa menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian mereka termasuk bercakap dengan anak mereka.

Dengan itu saya berbesar hati meminta agar Kementerian Pendidikan meluluskan cadangan tawaran Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah (DPLI) dengan pengkhususan dalam bahasa KadazanDusun di Fakulti Komunikasi Moden, Universiti Pengajian Sultan Idris (UPSI). Saya memohon agar Kementerian Pendidikan bersetuju dengan penubuhan Sekretariat Pengembangan dan Penyelidikan Bahasa dan Budaya Dusunik dan Iban di UPSI. Dalam hal perkhidmatan awam persekutuan Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa perkongsian di dalam perkhidmatan awam persekutuan nampaknya orang-orang asal ataupun rumpun Pasokmomogun dari negeri Sabah ingin melihat bahawa pegawai gred JUSA C yang berasal dari Semenanjung bertugas di Sabah dan menerima elaun EPW berjumlah RM1,500 berbanding dengan dari Sabah yang cuma mendapat RM1,300 agar disamaratakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya hendak maklumkan dalam Dewan yang mulia ini permintaan orang kampung yang banyak sangat penting sekali Tuan Yang di-Pertua iaitu Projek Pemajuan Kawasan Kampung Salarom Taka, Daerah Nabawan, Sabah yang boleh membantu 60 orang miskin. Ini semua daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, supaya meluluskan projek ini yang telah pun dipersetujui pada tahun 2013 iaitu 60 unit rumah, kemudahan infrastruktur, jalan penempatan, bekalan air, bekalan elektrik, imuniti sosial, surau, taska dan padang permainan, gerai dan aktiviti ekonomi inisiatif MBELB.

Jadi kita mohon agar kementerian-kementerian yang saya sentuh tadi agar melihat permohonan yang diajukan oleh masyarakat luar bandar negeri Sabah. Tidak lupa juga, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya seminit untuk merumuskan sedikit iaitu permintaan. Kalau kita lihat daripada Kementerian Pendidikan baru yang diumumkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pendidikan Malaysia, mengumumkan PIBG kebangsaan diberikan RM200 juta. Jadi ini adalah satu kejayaan kepada usaha yang...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, cukup Yang Berhormat, cukup.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ini termasuk juga peruntukan khas dana untuk persatuan-persatuan dan kumpulan etnik di Sabah termasuk Sarawak dan Semenanjung, termasuk orang-orang Siam agar diberi dana seperti mana yang diberi dana kepada *Indus Foundation*, RM5 juta kepada masyarakat India.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Sekian, terima kasih. Saya dengan ini mohon menyokong Perbekalan 2015, Bajet 2015 dengan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian semua Yang Berhormat, saya bersedia membenarkan dia bercakap panjang. Kalau boleh Yang Berhormat, buat *point* satu, dua, tiga, empat. Kurangkan menceritakan latar belakang dan komen kepada kementerian itu apa Yang Berhormat minta supaya hendak menjimatkan masa kerana saya fikir kita ada satu hari ini dan juga hari ini kita terpaksa habis cepat dan esok pun sama. Maka saya fikir ramai juga hendak bercakap. Cuba beri kerjasama. Ringkaskan dia punya ucapan, supaya dapat beri peluang kepada semua untuk berbahas pada hari ini. Tanpa buang masa saya silakan sekarang Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah.

2.39 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya terus kepada *point* saya yang pertama, kenaikan harga barang dan penguatkuasaan. Kerajaan telah memberi jaminan bahawa GST yang bakal dikenakan tidak akan membebankan rakyat dengan kenaikan harga barang yang tidak berpatutan. Namun, jika kita lihat sekarang telah timbul kegusaran di kalangan masyarakat yang berpendapatan rendah dan sederhana, bahawa terdapat kemungkinan besar para peniaga akan mengambil peluang menaikkan harga barang dan mengaut keuntungan berlebihan sewaktu GST dikuatkuasakan pada April 2015.

Sekarang pun saya dapat lihat di kampung-kampung dan yang terbaru dalam masa sebulan harga telur contohnya telah dinaikkan sebanyak RM1.50. Kalau dulu untuk telur gred 'A', 30 biji RM11.50 tetapi sekarang di kampung-kampung harganya telah menjadi 30 biji RM13. Sekarang sedang naik harga telur di kampung-kampung.

■1440

Jadi, tidak dapat dinafikan terdapat banyak akta yang digubal bertujuan mengawal kenaikan harga barang, namun aspek kelemahan penguatkuasaan sangat perlu dibaik pulih untuk keberkesanan akta. Jika kita lihat kepada premis yang menawarkan *goods and services*, dengan izin, di seluruh negara amat banyak. Saya kira jumlah anggota penguat kuasa yang ditambah masih belum mampu mengawal dan memantau aktiviti di *outlets* ini.

Justeru, saya mencadangkan penguatkuasaan bersepadu, terutama dengan anggota penguat kuasa pihak berkuasa tempatan pada waktu kritikal, terutamanya pada tempoh permulaan pengenalan GST. Penguatkuasaan bukan setakat di pasar-pasar raya malah pemantauan di kedai-kedai kecil di kampung-kampung. Justeru, kesan kenaikan harga bukan hanya terasa di pasar-pasar besar, malah terasa di kawasan kampung-kampung.

Maka, amat perlu anggota-anggota penguat kuasa PBT juga diberi pendedahan yang lebih jelas berkaitan dengan penguatkuasaan dan kawalan harga bagi mengawal harga-harga barang ini. Supaya anggota penguat kuasa PBT juga prihatin tentang aspek kenaikan harga barang dan bukan sahaja prihatin tentang isu pelesenan sahaja. Begitu juga dengan kempen pengguna bijak kepada ibu-ibu di kampung-kampung bagi pengurusan kewangan yang lebih efektif sewaktu GST diperkenalkan nanti.

Kedua, berkait dengan pengecualian ubat-ubatan dan peralatan ubat-ubatan daripada dikenakan GST. Di mana kerajaan telah mengumumkan bahawa sebanyak RM320 sebatian kimia akan diluluskan dengan kadar sifar GST termasuk lebih kurang 4,200 jenis jenama ubat. Namun, saya dimaklumkan bahawa ubat-ubat yang *zero rated GST* ini melibatkan ubat-ubat, contohnya ubat demam, batuk, selesema dan penyakit-penyakit kronik yang dibekalkan di hospital-hospital tetapi tidak melibatkan ubat-ubat yang dibekalkan di farmasi-farmasi.

Sedangkan hari ini jika kita lihat walaupun rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana, mereka kadang-kadang memilih untuk membeli ubat-ubatan di farmasi. Ini kerana ianya lebih cepat dan sesuai dengan keadaan kerja mereka yang kadang-kadang menuntut untuk tidak menghabiskan masa yang begitu lama di hospital. Jadi, di sini saya ingin mencadangkan supaya ubat-ubatan iaitu ubat yang melibatkan penyakit-penyakit yang biasa seperti demam, batuk, selesema, kencing manis, darah tinggi, buah pinggang dan juga mungkin kanser yang dijual di farmasi-farmasi turut diberi pengecualian daripada GST.

Begitu juga dengan peralatan perubatan, contohnya kerusi roda. Saya juga turut mencadangkan supaya kerusi roda dan peralatan-peralatan perubatan ini dikecualikan daripada GST. Di sini, saya ingin menyarankan, terutamanya bagi menggalakkan wanita-wanita hari ini memberi susuan ibu kepada anak-anak. Jika kita lihat pada hari ini, antara antibodi yang secara semula jadi memberi kesihatan kepada seseorang adalah membekalkan susu ibu secara eksklusif enam bulan pertama dan juga selama dua tahun. Ia merupakan satu antibodi semula jadi bagi setiap manusia.

Jadi, bagi tujuan menggalakkan rakyat Malaysia memberi susu ibu, terutamanya bagi wanita-wanita yang bekerja. Saya menyarankan di sini agar kerajaan menzero *ratedkan* GST bagi peralatan mengepam susu ibu yang hari ini terdapat pelbagai jenis alat pengepam susu ibu yang harganya agak

mahal. Bagi menggalakkan penyusuan susu ibu, saya cadangkan supaya ia turut dimasukkan *zero rated* GST.

Seterusnya, yang ketiga, kemudahan cuti bagi penjawat awam wanita kematian suami. Saya ingin merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan, Bil.10, Tahun 2002. Berkait kemudahan cuti urusan kematian ahli keluarga terdekat yang menyatakan bahawa kerajaan memberi cuti urusan kematian ahli keluarga terdekat selama tiga hari sebagai cuti tanpa rekod bagi menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan kematian ahli keluarga berkenaan. Ahli keluarga terdekat bermaksud suami atau isteri, anak serta ibu dan bapa kandung.

Saya cuba mengutarakan di sini keperluan cuti bagi seorang isteri yang kehilangan suami. Apakah cukup seorang isteri yang kehilangan suami hanya diberi cuti selama tiga hari yang dinyatakan tempoh tersebut dalam pekeliling untuk menziarahi jenazah dan mengurus kematian ahli keluarga. Apakah pekeliling ini tidak melihat keperluan persiapan emosi seorang isteri yang kehilangan suami, emosi seorang yang bergelar balu dan emosi seorang ibu yang bakal menempuh hidup memikul tanggungjawab sebagai ibu dan bapa sekali gus. Saya kira hal ini gagal dinilai dalam pekeliling ini dengan meletakkan isteri kehilangan suami adalah sama situasinya dengan suami kehilangan isteri, anak yang kehilangan ibu atau bapa dan ibu atau bapa yang kehilangan anak. Perkara ini begitu dipandang kritikal dalam Islam sehingga tempoh berkabung iaitu idah bagi seorang isteri yang kematian suami adalah empat bulan sepuluh hari.

Hadis Nabi mensyariatkan kewajipan berkabung bagi seorang isteri di mana sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari yang bermaksud, "*Tidak halal bagi perempuan yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat berkabung lebih daripada tiga hari kecuali berkabung kerana kematian suaminya selama empat bulan sepuluh hari*". Dalam tempoh ini, wanita tersebut dilarang berkahwin, dilarang keluar rumah melainkan untuk urusan yang penting seperti menyara keluarga, dilarang bersolek, berhias dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula Pekeliling Perkhidmatan Bil.10, Tahun 2002, berkait kemudahan cuti urusan kematian ahli keluarga terdekat dan memberi cuti yang lebih panjang bagi penjawat awam wanita yang kematian suami. Ini kerana justifikasi keperluan cuti yang berbeza. Dalam era wanita Malaysia yang berkerjaya hari ini, peranan ahli keluarga dan anggota masyarakat yang tidak kurang pentingnya selain keperluan peraturan tempoh idah.

Mereka perlu sentiasa dididik dan diberi kesedaran supaya dapat menghayati dan menghormati situasi wanita yang sedang beridrah dan berkabung serta membantu mereka agar dapat menjalani tempoh tersebut mengikut landasan syarak. Ini penting kerana pemahaman yang jelas berhubung hal ini, perkara-perkara yang ditegah oleh Islam dapat dihindari. Seterusnya, mengelakkan berlakunya fitnah, tohmahan dan unsur-unsur yang kurang menyenangkan terhadap wanita yang sedang beridrah dan berkabung.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit tentang syarat minimum kelayakan ke universiti melalui MUET. Ini juga berkait rapat dengan satu pengisytiharan yang telah dibuat sekitar tahun 2013,

berkait dengan syarat wajib lulus Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan SPM. Kemungkinan besar akan dikuatkuasakan pada tahun 2016, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Jadi, saya kira isu ini adalah sangat serius dan di sini saya bawakan beberapa statistik. Statistik yang pertamanya adalah berkait dengan pencapaian MUET. Jika kita lihat kepada pencapaian MUET bagi kemasukan pelajar-pelajar ke IPTA, yang ini saya dapat statistik daripada tahun 2014 Band 1 – 7.66%, Band 2 – 46%, Band 3 – 34% dan Band 4 – 10%. Di mana jika kita lihat Band 2 dan Band 3 merupakan majoriti pencapaian pelajar-pelajar kita yang memasuki IPTA.

■1450

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada beberapa statistik pencapaian Bahasa Malaysia SPM. Pertamanya, satu statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, pengumuman analisa keputusan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2011 yang dikeluarkan pada 21 Mac 2012 yang mengikut jadual 6 dalam laporan ini iaitu dinyatakan tentang perbezaan prestasi mata pelajaran teras bagi calon di bandar dan di luar bandar di mana ia mengambil di sini beberapa subjek teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Jika kita lihat kepada peratusan kelulusan, peratus kelulusan yang paling rendah adalah subjek Bahasa Inggeris di mana peratus kelulusan pelajar bagi subjek Bahasa Inggeris SPM di luar bandar hanya 70% berbanding dengan kawasan bandar yang angkanya adalah 83%.

Peratus kelulusan yang terendah adalah bagi subjek Bahasa Inggeris dan peratus ini jika dibandingkan antara bandar dan luar bandar, di luar bandar peratusnya adalah lebih rendah. Jika dibandingkan dengan subjek-subjek lain, di luar bandar Bahasa Melayu 91% kelulusan, Matematik 77%, Sains 92%, Sejarah 83%, Pendidikan Islam 88%, Pendidikan Moral 78%. Kelulusan Bahasa Inggeris bagi luar bandar adalah terendah jika dibandingkan dengan bandar, peratus kelulusannya adalah Bahasa Melayu 91%, Bahasa Inggeris 83%, Matematik 84%, Sains 91%, Sejarah 83%, Pendidikan Islam 91%, Pendidikan Moral 82%.

Jadi saya kira dengan sekiranya syarat Bahasa Inggeris menjadi syarat kelulusan SPM yang akan terjejas adalah masyarakat luar bandar. Saya ingin menganalisis satu lagi aspek yang saya dapat daripada Jabatan Pendidikan Kelantan. Saya tidak ada perangkaan daripada negeri lain, saya ada daripada negeri Kelantan. Sekali lagi suatu perangkaan yang saya kira jika perubahan ini, jika keputusan ini dilaksanakan yang akan menerima impak yang sangat berat adalah Kelantan dan Terengganu.

Kalau kita lihat Terengganu sendiri, saya ada satu keratan akhbar pada tahun 2012 atau 2013 kelulusan untuk subjek Bahasa Inggeris 27% tidak lulus dan Kelantan juga kalau kita tengok pencapaian subjek Bahasa Inggeris adalah antara yang paling teruk. Bukan antara yang paling teruk, paling teruk. Tahun 2013 Bahasa Inggeris peratus kelulusannya hanya 70%, 30% tidak lulus berbanding dengan subjek-subjek lain, Sejarah 89%, Tasawur Islam 84%, Sains 98%, Kesusasteraan Melayu 90%, Kejuruteraan Mekanikal 100%, Prinsip Akaun 97%, *Add Maths* 83%, Ekonomi Rumah Tangga 99% semuanya tinggi. Yang paling teruk adalah Bahasa Inggeris. Ini adalah keputusan pada tahun 2013.

Jadi sekali lagi saya mohon kerajaan melihat semula keadaan-keadaan ini kerana sekiranya kedua-dua perkara ini dilaksanakan, pertama pelaksanaan MUET yang saya kira kalau saya lihat bagi Negeri Kelantan, kebanyakan pelajar-pelajar SPM di Kelantan, mereka mempunyai prestasi cemerlang di subjek-subjek lain. Akan tetapi mereka mengalami sedikit masalah penguasaan Bahasa Inggeris. Sebagai contoh sebagaimana yang saya sebut tadi peratus kelulusan yang paling rendah adalah subjek Inggeris 70%. Yang lain-lain semuanya 80% ke atas. Jadi adalah agak tidak adil, tidak munasabah jika kemasukan ke IPTA dinilai dengan melihat subjek Bahasa Inggeris tanpa melihat kepada subjek-subjek lain yang lebih cemerlang. Saya kira terutamanya bagi pelajar-pelajar...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Sekejap, saya habiskan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh sekarang ini saya berikan peluang kepada Yang Berhormat. Mencelah-mencelah ini cuba kurangkan kerana saya fikir masa itu tidak cukup.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya, masa itu agak terhad.

Dato' Lim Nget Yoon: Sedikit?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Nanti dahulu, saya habiskan. Saya banyak *point* lagi yang perlu saya ketengahkan di Dewan yang mulia ini. Tadi dengan hanya menilai subjek pelajar kita walaupun mereka cemerlang dalam subjek-subjek lain sedangkan subjek Bahasa Inggeris yang lemah, maka hak mereka untuk masuk ke IPTA-IPTA dinafikan dan juga sekiranya dilaksanakan 2016 syarat kelulusan SPM adalah lulus Bahasa Inggeris, saya rasa kesannya sangat besar kepada pelajar-pelajar kita di luar-luar bandar sana khususnya bagi rakyat Kelantan, Terengganu yang majoriti tidak dapat menguasai bahasa Inggeris secara baik. Mungkin saya boleh benarkan Dato' Lim untuk soalan tadi, sekejap.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Kita dimaklumkan pengangguran graduan-graduan kita datang sebab penting ialah mereka lemah dalam bahasa Inggeris. Jadi apa gunanya kalau kita mengambil mereka dan mereka sudah jadi graduan dan tidak dapat kerja. Jadi itulah saya nampak kerajaan ambil tindakan begitu, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah menjelang 2016 keperluan lulus Bahasa Inggeris. Itu yang ditekankan tadi. Sekarang ini Yang Berhormat katakan kedudukan Bahasa Inggeris tidak begitu tinggi menyebabkan susah dapat kerja. Saya rasa ini dua perkara berbeza Yang Berhormat. Saya fikir teruskan Yang Berhormat, cepat sedikit. Masa tidak lama.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Okey, saya teruskan pada *point* seterusnya iaitu tentang pelaburan oleh KWSP. Saya dimaklumkan bahawa pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh KWSP 50% hingga 70% adalah pelaburan-pelaburan yang tidak patuh syariah. Di sini saya ambil maklum bahawa pencarum-pencarum di dalam KWSP memang tidak semuanya Islam ada juga yang bukan Islam. Namun saya kira jika pelaburan KWSP ini ada yang patuh syariah dan tidak patuh syariah dan tidak patuh syariah. Orang-orang Islam yang melabur mencarum di dalam KWSP perlu diberi

maklum perlu diberitahu kerana kita sebagai umat Islam apabila kita mengeluarkan wang kita daripada KWSP, bagi seorang Muslim, pertamanya dia perlu mengambil kira adakah dia perlu mengeluarkan zakat ataupun tidak, kewajipan berzakat sekiranya KWSP telah mengeluarkan zakat, maka tidak perlu lagi kita untuk mengeluarkan zakat.

Kemudian jika sekiranya pelaburan itu terdapat pelaburan yang tidak patuh Syariah, menjadi kewajipan seorang Islam juga daripada duit yang diambil dari KWSP itu untuk mengeluarkan sedekah-sedekah yang sepatutnya. Jadi saya kira perlu ada suatu *guideline*- suatu garis panduan dikeluarkan oleh pihak KWSP bagi pencarum-pencarum yang mengeluarkan wang daripada KWSP untuk mengeluarkan harta-harta yang tidak menjadi hak kita.

■1500

Bagi seorang Islam, walaupun duit tersebut namanya nama saya, Khairiah Mohamed, tetapi bukan seratus peratus duit itu adalah hak saya. Ada bahagian untuk zakat, ada bahagian untuk sedekah dan sebagainya. Jadi, saya mencadangkan di sini agar KWSP agar lebih telus berkenaan dengan pelaburan-pelaburan yang dibuat dan memberi maklum kepada pencarum-pencarum yang beragama Islam tentang hak dan kewajipan mereka terhadap wang-wang mereka yang telah dicarum dalam KWSP.

Seterusnya, kerajaan telah mengumumkan bahawa Christoph R. Mueller akan mengepalai sebagai CEO MAS yang baru. Cuma di sini saya kira semua rakyat berhak untuk tahu berapakah gaji CEO yang baru ini termasuk elaun-elaunnya? Saya kira ini adalah begitu penting sebab kita tahu ini adalah suatu penstrukturan semula yang dibuat agak begitu besar ke atas MAS dan ia juga melibatkan 6,000 pekerja akan terpaksa dipecat dengan tawaran-tawaran lain. Jadi, sebagai suatu kaedah penjimatan atau suatu kaedah yang sepatutnya, maka saya rasa semua rakyat perlu tahu berapakah gaji CEO baru kerana saya dimaklumkan gajinya agak besar dan jika dicampurkan dengan elaun-elaun yang diberikan juga agak besar.

Seterusnya berkaitan dengan aktiviti plagiat di pusat-pusat pengajian tinggi awam. Berkaitan dengan plagiat ini, ia bukan sahaja melibatkan pelajar-pelajar, malah saya dimaklumkan juga terdapat aktiviti plagiat oleh pensyarah-pensyarah. Jika ia melibatkan pensyarah, ianya menjadi begitu serius kerana ia bakal memberi impak kepada prestasi pusat pendidikan itu sendiri, prestasi dan imej pusat pendidikan itu. Jadi saya mohon di sini, terutamanya ada satu kes saya rasa yang telah dimaklumkan baru ini di UMK, maka saya mohon apakah tindakan yang diambil? Jika ianya benar, apakah tindakan yang akan diambil? Adakah tindakan tatatertib ataupun tindakan sewajarnya yang lain yang sesuai diambil? Ini kerana kita tidak mahu di kalangan pensyarah sendiri membuat perkara-perkara yang tidak sepatutnya dilaksanakan yang boleh menjejaskan imej pendidikan tinggi negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Okey. Seterusnya, berkaitan sedikit dengan- di Kelantan, baru-baru ini kita banyak berbincang tentang UDA Holdings dan seingat saya di Kelantan ada satu kedai yang dinamakan Arked UDA MPKB. Sekitar tahun 1986-1990, saya ingat kawasan Arked UDA MPKB itu begitu berdaya saing. Namun, hari ini, pusat tersebut adalah tempat membeli yang hidup

segaran mati tak mahu. Saya kira sebelum ini dalam lima tahun, sepuluh tahun ke belakang, ada rancangan daripada pihak UDA untuk menaik taraf tetapi sehingga hari ini ianya tidak dilaksanakan. Jadi saya mohon satu jawapan daripada pihak UDA berkait dengan Arked UDA MPKB ini.

Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Rahimah kerana telah mengutarakan tentang Hutan Lipur Bukit Bakar, Machang di mana Hutan Lipur Bukit Bakar, Machang ini, saya telah dimaklumkan bahawa terdapat peruntukan sebanyak RM100,000 daripada ECER untuk penyelenggaraannya. Jadi saya mohon pihak kerajaan untuk memaklumkan status peruntukan ini. Adakah telah diberikan kepada pihak berkenaan iaitu pihak Kerajaan Negeri Kelantan di bawah Jabatan Perhutanan Negeri untuk menguruskan penyelenggaraan di Hutan Lipur Bukit Bakar ini?

Di pihak kerajaan negeri juga, sebenarnya telah ada projek untuk menaiktarafkan pusat latihan perhutanan di situ kepada pusat latihan perhutanan dan pegawai-pegawai kerajaan dan tentu sekali ianya memerlukan peruntukan yang agak besar dan saya lihat kepada perancangan peruntukannya ialah sebanyak lebih daripada setengah juta yang saya harap ianya boleh direalisasikan dalam masa terdekat.

Satu lagi, berkait dengan penggunaan kenderaan-kenderaan berat di lebu-lebu raya dan juga jalan-jalan utama. Jika kita lihat kepada punca kemalangan jalan raya, antaranya adalah kenderaan-kenderaan berat di jalan-jalan yang menyebabkan kenderaan-kenderaan lain ataupun pemandu kenderaan lain berada dalam keadaan yang tidak sabar dan kadang-kadang *restless* dan keadaan ini yang menyebabkan terjadinya kemalangan dan sebagainya kerana pemandu-pemandu yang agak letih. Kenderaan-kenderaan berat ini biasa juga mengalami kemalangan kerana masalah lebih muatan.

Jika kita lihat di sepanjang jalan, ada terdapat pusat-pusat timbang tetapi kadang-kadang saya terfikir kenapa setiap kali saya lalu, pusat timbang ini tutup. Adakah tidak diwajibkan kenderaan berat yang melalui jalan-jalan ini wajib untuk melalui pusat timbang ini? Jadi, apabila pusat timbang ini tidak beroperasi, kemungkinan itu yang menyebabkan kenderaan-kenderaan berat lebih muatan dan bergerak dalam keadaan yang terlalu perlahan sehingga menyebabkan mengganggu kenderaan-kenderaan lain. Saya mohon kerajaan melihat perkara ini dan memastikan jalan-jalan sesuai disediakan bagi kenderaan-kenderaan berat ini agar tidak mengganggu pengguna-pengguna lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya kira itu sahaja poin yang ingin saya kemukakan dan di sini saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon peruntukan-peruntukan yang sewajarnya diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan sikit – sikit sahaja berkait dengan JPP.

Saya lihat di negeri-negeri minoriti ada JPP. Sikit ini, penting. Ada JPP. Ini masa mula-mula saya dilantik, ada JPP. Di negeri-negeri yang dikuasai oleh majoriti tidak ada JPP. Saya begitu musykil, adakah JPP ini hanya ditubuhkan semata-mata memenuhi *political mileage*? Tidak ada justifikasi lain selain daripada *political millage*. Sekiranya ini benar, sebenarnya ia telah membazir duit rakyat kerana peranan JPP, peranan pembangunan ini sebenarnya telah pun ada di semua kerajaan negeri. Kenapa

perlu dibentuk JPP ini yang sudah tentu akan mengeluarkan belanja untuk pegawai-pegawai dan juga premis berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya mohon jawapan daripada kerajaan ya.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *[Bangun]*

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, cukup dah Yang Berhormat. Nanti Yang Berhormat bercakap masa Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Okey. Biar pihak kementerian yang menjawab. Jadi saya kira itu sahaja daripada saya dan saya ucap terima kasih dan saya sokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta maaf kerana saya terpaksa nampaknya menyekat sikit kerana masa- inilah contohnya Yang Berhormat tak bagi nama awal-awal. Kalau sekiranya bagi, senang saya nak buat program. Walau bagaimanapun, saya akan cuba sebanyak mana yang saya boleh.

Sekarang saya silakan, nampaknya Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan ini dah berubah nama pula ke 'Nallahudin'? *[Dewan riuh]* Dia pakai baju Melayu hari ini. Silakan Yang Berhormat.

3.09 ptg.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tengok, Yang Berhormat Datuk Noriah tengok, sudah main mata. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat petang sahabat saya.

■1510

*Asal buah jadi petola,
Petola diberi pedagang Jawa,
Dewan Negara bersidang semula,
Tan Sri Yang di-Pertua sentiasa di jiwa.*

Tuan Yang di-Pertua: Mana, hebat sungguh ini. *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat, silakan. Masa tetap terhad juga.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan Bajet 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan semula saya sebagai Ahli Dewan Negara. *[Tepuk]* Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang menerima saya di dalam Dewan ini dan sahabat-sahabat yang sokong saya. Minoriti tak ada sokong saya, majoriti sokong. Negara ini majoriti Muslim. *So, sokong sudah cukuplah. [Tepuk]*

Pertama, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga selaku Menteri Kewangan kerana telah sekali lagi membentangkan sebuah bajet yang menyeluruh dan mengambil kira kepentingan setiap pihak di dalam negara. Sesungguhnya kejayaan Yang Amat Berhormat amatlah dihargai dan didoakan agar terus dipelihara untuk memimpin negara ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi.

Dalam perbahasan kali ini, saya ingin membentuk beberapa isu seperti berikut. Saya kira sememangnya sudah tiba masa untuk kerajaan memperkenalkan kaedah percukaian melalui pengenalan GST ini. Walaupun ramai yang berpendapat bahawa GST ini merupakan cukai baru tetapi pada akhirnya ia bukanlah satu bentuk cukai tambahan, sebaliknya merupakan satu sistem percukaian terbaik di dunia. Ramai yang sebenarnya tidak faham tentang GST serupa Ketua Pembangkang, dia pun tidak faham. Ketua minoriti. Akan tetapi bercakap seolah-olah merekalah yang pakar dalam percukaian negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam salah satu ucapan beliau. Beliau berkata, "*Sekiranya lebih 160 buah negara ada laksanakan GST, mana mungkin kita tersilap sekiranya hendak mengadakannya juga.*" Saya kira Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan seorang yang berani. Ini kerana dengan pengenalan sistem cukai GST ini sudah pastinya memberikan kesan jangka panjang yang baik walaupun mendapat banyak tentangan, terutamanya daripada pihak Ketua Pembangkang, minoriti ya.

Tuan Yang di-Pertua, GST bukan satu cukai yang baru di dalam dunia. Sekarang dalam dunia, 160 buah negara ada GST. Kita belum dapat merdeka tahun 1957, tetapi di *France* sudah ada GST pada tahun 1954. Kita belum dapat merdeka, dia sudah ada GST. Dalam dunia banyak tempat ada GST, kita belum dapat merdeka. Baru kita mahu angkat GST, itu pun minoriti yang tidak sukalah.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Datuk Nalla, Yang Berhormat Datuk Nalla boleh minta celah sedikit?

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Apa mahu tanya?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Satu minit sahaja. Sikit saja.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Satu *line* ya.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Satu *line*.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Okey, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua nanti tidak ada kasi sama saya tahu. Dia kasi dua minit, tiga minit. Tolong ya.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya...

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Baik, baik. Baik.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya begitu tertarik dengan GST ini dilaksanakan di banyak tempat. Banyak *Malaysian* selalu pergi ke London. Di *London* ini, di *United Kingdom*, GSTnya terlalu tinggi, lebih kurang 17%. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang GST yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia?

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Saya sokong GST sinilah. Kita sokong. Pembangkang minoriti tak ada sokong. Kita sokong. Tengok, *you* sudah kasi saya. Tadi *you* Yang

Berhormat cakap di *London*, itu Brioni baju, sut. Saya tengok *paper*lah, bukan saya cakap. Saya tengok *paper*. Itu dia kasi Saiful. Itu pun Brioni beli di London, di Bourne Street. Mana kedai, mana dia beli, siapa beli, itu pun saya boleh beritahu. Dia boleh tipu rakyat Malaysia, tetapi saya tahu. Dia tidak boleh tipu saya... *[Disampuk]* Siapa lagi, Ketua Pembangkanglah.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia tanya soalan, saya beritahu dia. Baru-baru ini saya pergi Australia, saya minum satu sup. Dia caj AUD20. Kita *convert into* Malaysia, sudah jadi RM60. Dia punya *tax* untuk RM20, RM1.99. Itu *you convert*. Kita di sini Malaysia, sudah jadi RM6. Kita pergi di Muar, lepas Datuk Noriah punya tempat, saya pergi ceramah Tan Sri Muhyiddin punya tempat. Lepas ceramah, saya mari duduk di Muar. Kita kawan-kawan pergi duduk tempat sup itu, sangat *famous* punya kedai sup itu. Apa kedai pun saya tak tahu, tetapi Datuk Noriah dia tahulah. Kita minum satu sup, *chicken soup* RM5 Malaysia. Tak ada *tax* kedai itu, nanti berapa sen dia mahu *tax*?

Akan tetapi di Australia tengok, RM1.99 satu sup. Kita lagi di negara ini mahu hidup senang, itu pun orang sudah mahu kacau. Ini kaum Melayu sini di Malaysia, kalau tidak jaga baik-baik negara ini, kita banyak, kita India 2 *million* tetapi kita depanlah. Bukan kita lari tahu. Kalau apa-apa susah untuk negara ini, kita ada depan. *[Tepuk]* Tak ada lari punya. Betul. Betul Datuk Noriah. Apa *you* main mata? Tak usahlah. Saya pakai... *[Dewan riuh]*

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Mohon Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Mohon mencelah sedikit boleh?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah sedikit?

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Sedikit sahaja. Mencelah sedikit.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya bukan tengok dia. Saya tengok Datuk Nalla, tahniah banyak-banyak kepada Datuk Nalla pakai baju Melayu. Orang Melayu pun datang tak pakai baju Melayu. Tahniah kepada dia. Saya tengok dia pakai baju Melayu, cerah macam orang Melayu. Cerah masa depan Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang, hari ini nama dia Dato' 'Nallaudin'...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Sudah tukar? *Color* baju dia sama pula dengan *color* baju saya pula hari ini. Cuma saya nak tanya dengan Datuk Nalla berhubung dengan makan sup tadi, dengan cukai GST.

■1520

Ini menandakan bahawa negara luar lebih dahsyat daripada negara kita. Kita lebih aman dan lebih makmur dan apa lagi yang kita hendak pada rakyat di Malaysia khususnya parti minoriti. Jadi untuk itu, kita minta kepada pihak minoriti supaya sama-sama menyokong kitalah. Kalau dia kata tidak hendak sebut minoriti, tidak hendak sebut pembangkang, lebih baik kita sebut penyokong. Saya tengok

orang yang ada dekat dalam ini, Tuan Syed Shahir semua nampaknya baik-baik belaka, jadi macam menyokong kita. Elok sama dengan kita dan *insya-Allah* negara kita lebih aman dan lebih makmur. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa '*Tun Nallaudin*' sahaja yang habis ini Yang Berhormat. *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan saya baru kenal, kawan lama tau. Ini tadi Datuk Noriah cakap pakai baju serupa. Hati pun serupa suka juga saya ingat. *[Ketawa]*

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Sikit mahu mencelah Tuan Yang di-Pertua, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Saya rasa kalau tak ditanya, pertanyaan ini agak begitu terkilan apabila selepas keluar Dewan ini nanti. Saya mahu bertanya sahabat saya Datuk Seri Nalla iaitu di dalam pemakaian yang dipakai baju Melayu pada hari ini yang begitu segar dan tampan, apakah ada niat untuk masuk Melayu? *[Ketawa]* Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: *[Ketawa]* Ini soalan, kalau susah mahu jawablah tetapi saya jawab. Tuhan sudah tahu. Banyak orang main mata pun saya cakap Tuhan tahulah, apa macam. *[Ketawa]* Kalau saya masuk Muslim, kalaulah, kalau, nanti saya jadi Indian Muslim. *[Ketawa]* Bukan saya jadi bumiputera tahu. *[Ketawa]* Saya tak boleh jadi bumiputera. Nanti orang panggil Indian Muslim. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat saya kira juga Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya pun minta...

Tuan Yang di-Pertua: Pasal Yang Berhormat pakai baju Melayu sekali ini. *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh Yang Berhormat?

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh, boleh.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yang sebenarnya hendak mencelah ini kerana sebelum dia- tengah hari tadi dia kata kalau Tan Sri Yang di-Pertua tidak mencelah masa saya bercakap, saya tidak akan tegur lagi Tan Sri.

Kedua, Tan Sri kena pakai baju Melayu sebab dia hendak datang tengah hari ini pakai baju Melayu. Saya kata saya minta maaf sebab isteri saya di hospital. Saya terpaksa pergi hospital dulu, hendak balik tukar baju Melayu tak dan. Kalau begitu saya kata Tan Sri lain kali bagi tahulah *one day notice* supaya orang lain boleh jadi yang duduk di Kuantan, duduk di Pahang macam mana pakai baju Melayu?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Isu baju Melayu jadi buang masa Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ya, ya, jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Seri Nalla nak bercakap sikit. *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Jadi oleh sebab itulah saya ambil masa awak itu, tetapi saya mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri kerana pakai baju Melayu hari ini kerana orang lain pun tidak pakai baju Melayu. Terima kasihlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana Dewan ini membenarkan mengikut peraturan ya, sama ada pakai suit ataupun baju Melayu. So hari ini Datuk Seri Nalla, Datuk Seri 'Nallaudin', dia hendak tunjuk kepada orang Melayu, dia lagi Melayu kepada orang Melayu. [Ketawa] Cukup Yang Berhormat, cukup. Baik, teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: *That's what I said. I am with the Muslim and Malays this country. That's one. Just I want to prove that I am with you,* dengan izin. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan. *Go to the next point* Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mahu mari ke Dewan, saya balik rumah, pagi saya pakai suit. Saya balik rumah, saya pakai ini baju di bilik saya. Bila saya turun, saya punya anak, isteri semua tengok sudah terkejut. Apa sudah jadi? [Ketawa] Isteri saya tanya, apa sudah jadi? Saya telefon saya punya sahabat, Olian tolong mari rumah. Dia datang ke rumah, dia cakap, "Datuk Seri Nalla mahu ucap, ini hari dia mahu pakai baju Melayu, tidak ada salah Datin, Datin Seri". Saya punya wife sudah ingat, banyak SMS sudah keluar, saya sampai sini saya ingat orang sudah hantar WhatsAppkah, macam-macam dia orang hantar. Dia orang tengok, "Oi, Datuk Seri Nalla, mana nikahkah?" Apakah? [Ketawa] Ada, ada, sini dalam ada, banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Okay Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi ini pakai ini baju saya hormat mahu sikit-sikit lebihlah.

Tuan Yang di-Pertua: Bersemangat Yang Berhormat. [Ketawa]

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, kasi sikit lebih *timelah*. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Saya pantun pun sudah cakap Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Dalam masa yang... [Ketawa] Yang Berhormat masih dalam masa yang dihadkan. Teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Akta Hasutan yang satu hasutan yang baik. Cakap itu nama pun orang yang takut tetapi saya tidak mahu ini nama, ini kerajaan mahu tukar itu nama untuk lain. Ini yang saya mahu kasi tahu sama Menteri Dalam Negeri. Akta Hasutan ini *is* untuk negara. orang yang minoriti yang tengok nama itu pun sudah takut. Belum *implement* tetapi itu nama tengok pun sudah takut. Akan tetapi ini nama yang baik. Dia orang ingat mahu tukar, tidak usah tukarlah. Ini nama yang baik. Ketua Pembangkang, minoriti punya kepalalah Ketua Pembangkang. [Ketawa] Minoriti punya kepala. Itu boleh cakapkah minoriti kepala, boleh ya? Boleh.

Ketua Pembangkang, minoriti kepala, dia cakap Dato' Seri Najib Tun Razak sudah *U-turn*, ini Akta hasutan punya pasal sudah *U-turn*. Dia cakap, *paper* ada keluar, saya ada baca. Akan tetapi Dato Seri Najib bila-bila tidak ada bikin pusing depan, pusing belakang, dia tidak ada. [Ketawa] Dia terus tengok punya orang. Akan tetapi ini minoriti punya kepala, dia pusing depan, pusing belakang, *U-turn* ini semua dia bikin. Macam-macam dia bikin tetapi dia kasi itu. Apa Barisan Nasional bikin, ini kerajaan bikin, salah. Semua salah. Satu pun tidak ada betul.

Hari-hari boleh tengok *paper*, hari-hari boleh tengok dia orang punya blog, kita yang salah. Dia cakap kita salah tetapi kita tidak ada bikin salah. Kita yang betul, memang betul. Kita punya Perdana Menteri ada *time* tidurkah? Saya ingat satu hari dua jam pun kadang-kadang dia tidak tidur. Sekarang dia ada di Korea. Dia balik lagi dia pergi lain tempat. Hari-hari saya ingat dia tidak, satu, dua jam dia duduk dalam kereta tidurkah, itu pun dia pakai telefonkah, dia cakap apa, kita tak tahu.

Akan tetapi ini Perdana Menteri, saya sudah tengok enam Perdana Menteri. Tunku Abdul Rahman pun saya ada cakap tau. Saya ingat itu dia orang belum tengok Tunku Abdul Rahman, saya ada tengok Tunku Abdul Rahman. Di Alor Setar dia punya rumah, saya ada pergi masa saya kecil-kecil. Saya sudah tengok enam Perdana Menteri. Ini Perdana Menteri tidak tahu, semua orang saya ingat tahu. Dalam negara semua tahu, dia tidak tidur, kerja yang rajin. Ini Perdana Menteri yang berani. Rakyat Malaysia, sepatutnya menjadi rakyat paling aman di dunia kerana negara ini selamat dari bencana alam. Kita ini negara, tengok lain-lain negara, mana satu negara tidak kacau? Thailand, Filipina, Indonesia, tepi-tepi, semua ada kacau. Di *Singapore*, dia pun ada ISA. Di Amerika ada ISA. Di India punya, di India panggil dia apa itu, bukan ISA tetapi itu yang paling *elite*, yang boleh tangkap taruh dalam. Kita Malaysia, itu ISA mahu angkat. Ini akta keluar, ini Akta Hasutan *is* untuk negara ini, jaga negara kita, ini yang paling baik. Akan tetapi Ketua Pembangkang itu minoriti, dia cakap ini tidak boleh, dia sudah *U-turn*. Ini kita mesti mahu ada untuk negara kita. Jaga negara sama rakyat, ini paling baik.

Tuan Yang di-Pertua, isu perpaduan kaum dan bangsa. Sejak kebelakangan ini, ikatan perpaduan rakyat Malaysia berbilang bangsa dan kaum semakin hebat diuji wujudnya. Golongan-golongan yang cuba membakar api perkauman yang akhirnya akan menjadikan perpecahan dan pergolakan di dalam negara. Sebagai seorang Presiden parti yang mewakili sebilangan besar bangsa India di Malaysia, saya berani menyatakan bagi pihak diri saya sebagai seorang India dalam juga ahli-ahli saya bahawa kami tidak memandang warna kulit dan demi memupuk perpaduan kaum.

■1530

Hubungan kami dan juga parti UMNO, parti saya dan Barisan Nasional macam abang dan adik. Saling hormat-menghormati dan saling memahami aspirasi untuk bangsa masing-masing. Walau bagaimanapun saya tidak berani untuk bercakap sebagai biar satu kaum yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri Komunikasi dan Multimedia, perkara ASTRO Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini telah berulang kali disebut di dalam Dewan yang mulia ini namun tiada tindakan dilihat telah diambil ke atas monopoli syarikat ini. Apabila hujan, cuaca mendung, siaran pasti akan tergendala. Apa yang dinampakkan *switch off*. *Channel* ini sangat mendukacitakan kita. Boleh

dikatakan hampir 100 pelanggan ASTRO mengalami masalah ini tetapi tidak ada apa-apa rebat atau ganti rugi dibayar kepada mereka akibat daripada kegagalan perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita mahu tengok TV ASTRO, kita tengok dengan izin, *very interesting football* kita Malaysia pergi luar negara dia orang main. Kita mahu tengok hujan sudah gelap serupa siapa ada warna lagi begitu hitam sama saya, tidak ada *very close*. Ini yang ini berapa kali kita sudah cakap tetapi mana yang kita tengok itu jam dia orang taruk *advertisement*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Itu kita bayar untuk ASTRO bukan dia orang mahu jaga kita tetapi dia orang mahu kutip wang untuk *advertisement* tetapi ini dia orang tidak mahu jaga. Ini ASTRO mana hujan tidak ada apa-apa tengok. Ini semua kementerian mahu angkat tindakan Tuan Yang di-Pertua. Ini saya punya minta kementerian Tuan Yang di-Pertua.

Saya pun ada tanya baru dua hari dahulu saya pergi satu jerat untuk parti saya dekat hotel Bukit Bintang ada 200, 300 orang dia orang tanya cuti Deepavali. Saya pun sudah tulis surat kepada Perdana Menteri kita, Perdana Menteri saya. Tanya cuti untuk Deepavali dua hari. Kita angkat Merdeka adalah Tun V.T. Sambanthan itu jam dia angkat tidak ada dapat Tunlah. *[Ketawa]* Tunku Abdul Rahman dan *The Chinese Party* tiga-tiga bangsa pergi angkat. Orang Melayu ada dua hari cuti untuk Hari Raya dia orang 10 hari pun kita tidak ada susah. *[Ketawa]*

Itu fasal majoriti ada dalam negara. Cina dia dapat dua hari, India dapat satu hari, Siam akan datang nanti. India tidak ada cuti, dua hari tidak ada. Saya minta saya sudah tulis surat untuk dekat Perdana Menteri tanya kasi dua hari untuk Deepavali. Dia sudah ada Korea saya ingat dia balik tengok saya punya surat tengok apa dia punya tindakan dia angkat lulus, saya sokong, semua Dewan kasi sokong sama kita angkat dua hari cuti.

Tengok dia orang kerja sini dari estet jauh-jauh dia orang balik, dia kerja sini. Dia mahu pergi tengok emak bapak di estet di jauh-jauh. Hari ini Deepavali mahu tengok kawan-kawan sini, dia orang mahu pergi rumah. Kalau esok Yang Berhormat *you* mahu pergi saya punya rumah saya sudah balik kampung apa macam? Tidak boleh. *So, first day*, hari pertama kita duduk sini, hari kedua dia orang boleh pergi tengok dia orang punya bapa emak balik. Itulah kita tanya dua hari pun bukan kita mahu pergi *demonstration* tau itu bukan ini bangsa, bukan India tidak ada bikin *demonstration*. Kita yang ikut siapa yang baik, ini negara yang ikut itu majoriti punya orang siapa yang *rule the country, sorry*, dengan izin, kita ikut.

Kita akan ikut orang kerajaan sama Perdana Menteri kita. Kita bila-bila pun sokong Perdana Menteri. Bila sudah merdeka sampai sekarang India tidak ada lari tetapi baru-baru *election* itu sedikit pusinglah, itu mana-mana pun orang pusinglah sekarang dia orang sudah balik, India sudah balik. Ketua Pembangkang itu apa itu, bukan Ketua Pembangkang, Bahagian punya Batu itu tanya dia pun boleh cakap. Adakah dia orang semua pusing? India sekarang ada sudah balik. Satu kali siapa pun boleh bikin salah.

Ketua Pembangkang pun bikin salah satu kali kita cakap tidak usah fikir ini hal, tidak usah bikin. Kita kawan, kita cakap saya pergi duduk Sungai Buloh berapa satu tahun. Di Bukit Aman saya duduk 52 hari kita kasi tahu satu kali boleh tolong kawanlah. Saya tidak mahu tunjuk saya punya tangan, bila

kawan susah bila kawan baik kita ikut dia, bila kawan susah kita lari tidak ada baik. Saya tolong sama kawan saya duduk. Penjara tahu bukan Sungai Buloh mana-mana duduk penjara duduk, satu tahun.

Kajang pun saya duduk. Kajang siapa punya bilik duduk sama saya tahu? Lim Guan Eng, Menteri Besar *Chief Minister* Penang dia sama saya duduk. Pagi dia bikin kopi kasi sama saya, petang saya bikin kopi kasi sama dia. *[Ketawa][Disampuk]* Itu Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cuba cepatkan Yang Berhormat, *next point*.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Menteri ini semua banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat sini Senator tidak tahu macam mana saya...

Tuan Yang di-Pertua: Okey teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Saya kasi terangkan dia orang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan dengan isu itu.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua kasi sedikit lebih *timelah* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tolonglah saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Okey teruskan dalam dua minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Dua minit tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Kasi lebih sikitlah Tuan Yang di-Pertua. Tidak habis ini, dia orang semua mahu cerita. Ketua Pembangkang dia ada di Kajang, saya pun ada sana juga. Dia cakap, "Marilah sini." Mari mana, sana pun kacau sini pun *you* mahu mari kacau saya kah dalam penjara? Saya okey saya tengok dia cakap. Ini kita sudah keluar kita akan cari Perdana Menteri *you* tidak usah susah hati. Dia sudah keluar dia panggil saya okeylah saya ikut dia. Ikut dia punya parti, PKR. Saya yang tolong bawa India semua saya yang *lead*. Sudah dia mahu kacau negara, itu tidak ada baiklah. Rosakkan negara siapa? Saya punya anak, saya punya bini mahu rosak negara pun saya tidak boleh tengok. *[Tepuk]* Ini negara kita, kita punya waris kita mahu duduk sini. Tidak boleh rosakkan negara. Ini Ketua Pembangkang minoriti dengan kepala dia, dia mahu kasi rosakkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Minoriti kepala dia. *[Ketawa]* Teruskan Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Tuan Yang di-Pertua boleh celah? Saya tertariklah bila Yang Berhormat cakap dia hendak rosakkan negara ini. Adakah ini Yang Berhormat punya persepsi yang ini ketua minoriti hendak rosakkan negara ataupun dia pernah sampaikan pada Yang Berhormat? Ini tidak boleh tipu Yang Berhormat dalam Dewan. Adakah dia sendiri yang bagi tahu Yang Berhormat dengan kata-kata atau Yang Berhormat punya persepsi sahaja yang dia hendak rosakkan negara? Ini sebab ini isu penting Yang Berhormat, sebab ini betul saya setuju dengan Yang Berhormat punya kenyataan ini masa depan negara untuk anak cucu kita. So minta Yang Berhormat jelaskan *whether he said by himself to you*, dengan izin, ataupun *your own perception*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua pasal apa saya mahu kasi orang susah. Kalau saya tidak tahu saya cakap tidak tahu, kalau saya tahu saya cakap tahu, kalau dia ada cakap sama saya, saya cakap dia ada cakap. Kalau dia tidak ada cakap sama saya, saya cakap tidak ada cakap, dia ada cakap. *[Tepuk]* Akan tetapi bukan serupa dia, saya sembahyang punya orang tetapi dia pukul lima boleh pergi liwat, lepas itu dia pergi duduk Masjid Negara depan sana dia boleh jadi imam. Panggil dia. Saya akan tunggu sampai sekarang. Saya mahu pergi mahkamah baru dia tahu tsunami. Tahu, tsunami ada tengok? Ramai orang tidak tahu macam mana tsunami. Itu boleh tengok di mahkamah. Saya tunggu. Saya tidak ada takut.

■1540

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Okey, saya terus cakap. Banyak baik. Ini fasal apa saya kasi tahu semua sahabat saya kita ini akan datang pilihan raya, kita tengok, kita mahu ingat baik-baik siapa yang mahu kacau negara kita. Itu kita tidak boleh tengoklah. Orang India cakaplah bila *you* sudah ada satu negara, ingat negara, ingat rumah. Anak bini ingat dahululah. Tidak ada nanti tidak boleh masuk dalam rumah. Ingat negara. Siapa yang mahu rosakkan negara. Hati kita tidak boleh tengok. Ini saya Datuk Seri Nallakaruppan, saya dapat Datuk Seri. Ini darah untuk negara ini. *[Tepuk]*

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Boleh mencelah sedikit?

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Habislah, nanti Tuan Yang di-Pertua tidak beri saya.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Habis sudah?

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Sedikit sahaja. Mencelah.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Dia mahu celah Tuan Yang di-Pertua. Saya hormat saya punya sahabat.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh, sekejap sahaja Yang Berhormat. Lepas itu tidak boleh lagi. Yang Berhormat kena gulung.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Cepat ya.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Sedikit sahaja, sedikit. Saya mahu mendapat pandangan Yang Berhormat iaitu berhubung dengan menjaga keselamatan negara ini. Apakah perlu kita membuat satu keputusan untuk mengutuk Naib Presiden Amerika iaitu Joe Biden kalau tidak silap saya yang telah pun campur tangan ke atas undang-undang negara Malaysia iaitu Akta Hasutan, di mana negara ini merupakan negara yang telah merdeka dan mempunyai maruahnyanya yang tersendiri. Saya mencadangkan.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Saya setuju orang lain tidak boleh campur kita punya negara tetapi kita punya negara terdapat kepala minoriti dia fikir seluruh dunia, dia rosakkan negara kita. Itu kita tidak ada tengok? Satu orang sana Amerika bising. Satu tengok. Dia pun bising sini, Ketua Pembangkang itu minoriti. Sini pun bising, pergi luar semua negara dia kasi rosakkan negara kita. Dia seorang pengkhianat negara dan agama. Ini saya cakap. Pengkhianat negara dan agama. Dia pergi semua negara dari kasi rosakkan negara kita. Tuan Yang di-Pertua lagi berapa minit?

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung, gulung Yang Berhormat. Cukup.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu pantun boleh cakapkah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Baik...

*Ke Janda Baik menanam halia,
Halia ditanam bersama peria,
Dewan Negara Dewan mulia,
Hadirnya Tuan Yang di-Pertua menambah ceria... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup Yang Berhormat. [Ketawa]

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Walau apa pun terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin.

3.44 ptg.

Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 2015. Selamat petang, *good afternoon, vanekam, sawadikap.*

Oleh kerana ini merupakan ucapan pertama saya di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin memulakan dengan dua perkara. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri seterusnya kepada Parti Gerakan dan tidak lupa juga kepada sekalung penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana memilih saya sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara.

Sebagai seorang kerdil dari sebuah kampung di Pasir Mas negeri Cik Siti Wan Kembang Tanah Serendah Sekebun Bunga Kelantan Darul Naim. Saya sangat terharu dan sangat menghargai pelantikan tersebut. Untuk itu saya berjanji akan turut serta bersama rakan-rakan yang berada di Dewan ini dalam memberi sumbangan buah fikiran demi kesejahteraan dan kemajuan negara kita Malaysia yang dicintai mengikut keupayaan minda yang dianugerahkan kepada saya. Sebagai orang yang baru di dalam Dewan yang mulia ini saya mengharapkan bimbingan dan tunjuk ajar dari Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua serta rakan-rakan lain dalam membantu saya menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. Untuk itu saya ingin menyampaikan dua buah pantun lama yang difikirkan sesuai dengan dua perkara yang saya perkatakan tadi.

*Kalau tidak kelapa puan,
Tidaklah puan kelapa bali,
Kalau tidak kerana tuan,
Tidaklah saya berada di sini.*

*Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan,
Ambo orang yang baru hendak belajar,
Mana salah tolong tunjukkan.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada perbahasan Belanjawan 2015 dengan memberi pandangan terhadap beberapa isu mengenai dengan harapan agar Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi pencerahan terhadap perkara yang saya bangkitkan.

Pertama mengenai kempen jihad memerangi orang tengah dan peranan yang dimainkan oleh FAMA di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Pada minggu lepas saya berpeluang untuk menghadiri dan melihat hasil-hasil pertanian yang ditunjukkan melalui pameran MAHA anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di MEPS Serdang.

Selain dari itu, beberapa inovasi pertanian serta jentera moden telah dipamerkan kepada para pengunjung. Sebagai seorang yang pernah berkecimpung dalam bidang pertanian saya berasa amat kagum kerana ia menggambarkan seolah-olah petani kita, nelayan dan penternak telah begitu maju sekali. Akan tetapi apabila dilihat kepada realitinya masyarakat tersebut, saya dapati kehidupan mereka masih lagi kais pagi makan pagi. Kehidupan mereka masih lagi daif dan miskin.

Ini kerana mereka menghadapi masalah ekonomi, kekurangan penghasilan produk pertanian, kualiti produk yang rendah, masalah tanah, teknologi dan saluran pemasaran yang tidak cekap. Petani boleh berjaya sekiranya produktiviti dapat ditingkatkan secara optimum dan mempunyai sistem pemasaran yang cekap. Kedua-dua faktor tersebut dapat membantu petani memperoleh pendapatan yang lebih tinggi dan seterusnya dapat membebaskan diri mereka daripada belenggu kemiskinan.

Dalam hal ini saya tertarik untuk membincangkan isu pemasaran. Ini kerana ia merupakan salah satu teras utama yang menjadi penentu kepada pembangunan industri pertanian yang diusahakan oleh petani-petani. Di negara kita didapati banyak pihak yang bertindak sebagai agen pemasaran pertanian termasuklah agensi-agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan seperti FAMA, LPP, LKIM, Bank Pertanian dan sebagainya.

Namun kita jangan lupa peranan yang telah dimainkan oleh tok peraih yang dipanggil di Kelantan atau lebih dikenali sebagai orang tengah. Mereka juga berperanan sebagai agensi pemasaran yang berkesan kerana mempunyai jaringan pemasaran yang luas dan cekap dalam membantu petani memasarkan hasil-hasil pertanian sejak dahulu lagi.

■1550

Oleh kerana tiada pihak dan peraturan yang mengawal aktiviti mereka itu, tidak hairanlah ada di antara mereka yang mengambil ruang untuk mengaut keuntungan secara berlebihan daripada keringat para petani sehingga mereka telah diibaratkan sebagai lintah darat. Dalam hal tersebut, Yang Berhormat Menteri Pertanian telah melancarkan kempen jihad bagi memerangi orang tengah dalam pemasaran pertanian. Ia bertujuan untuk memastikan kegiatan orang tengah dapat dihapuskan bagi menyelesaikan masalah yang diperkatakan tadi. Kempen tersebut pada dasarnya adalah bagus, namun

secara realiti, adakah pihak kementerian dan agensi kerajaan yang berkenaan telah bersedia untuk mengambil alih peranan orang tengah tersebut. Seperti mempunyai jaringan pemasaran yang luas dan cekap, menukar *attitude* pegawai dan kakitangan kerajaan untuk bersikap *business oriented*, tidak menjadi sebagaimana penjawat awam yang bertugas dari 8 pagi hingga 5 petang, mempunyai logistik serta peralatan yang mencukupi dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bagi menyelesaikan masalah tersebut, kita perlu menggunakan pendekatan *if you cannot fight them, join them*, dengan izin. Kita perlu bersikap positif terhadap kewujudan orang tengah dengan menjadikan mereka sebagai salah satu cabang atau rakan bagi membantu kita dalam menyelesaikan masalah pemasaran dengan mengadakan beberapa kawalan dan penguatkuasaan terhadap mereka. Mewujudkan insentif serta latihan penetapan harga di ladang dan lain-lain aktiviti bagi menyelesaikan apa jua kegiatan yang menindas petani serta menaikkan harga produk pertanian yang dipasarkan.

Namun begitu, kita tetap mengalu-alukan sekiranya pihak kementerian masih ingin meneruskan kempen tersebut bagi mengambil alih peranan yang dimainkan oleh orang tengah. Hanya saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menjelaskan di Dewan yang mulia ini, berapakah lama lagi masa yang diperlukan untuk kempen tersebut? Berapakah kos kempen yang akan digunakan? Berapakah keperluan logistik, kelengkapan serta kos yang perlu diadakan bagi menguruskan pemasaran hasil petani, nelayan serta penternak kita? Bagaimana pula kita mengubah penjawat awam supaya bersikap *business oriented* bagi memastikan keberkesanan kempen tersebut? Kita tidak mahu lagi wujud pelbagai kempen yang sekadar hanya enak untuk didengar, namun masalah petani masih di takuk lama.

Tuan Yang di-Pertua, isu saya yang kedua ialah mengenai tanaman kenaf yang diperkenalkan oleh Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara di Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Tanaman kenaf telah diperkenalkan bagi menggantikan tanaman tembakau yang dikatakan tidak kompetitif daripada segi hasil dan kos dengan tanaman tembakau yang diusahakan di negara-negara luar, khususnya di rantau ASEAN seperti Thailand dan Indonesia. Sedikit mengenai kenaf kerana akta telah *disigned* pada tahun- saya ingat akhir tahun 1980-an, 1990-an. Akta telah *disigned*, maka menghasilkan import daun tembakau lebih kurang dibebaskan dan cukai pun diturunkan. Maka itulah, keperluan tembakau tempatan diturunkan, maka kenaf diperkenalkan untuk *substitute* tanaman tembakau. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan tanaman-tanaman ini telah diperkenalkan kepada petani-petani, khusus kepada beribu-ribu petani penanam tembakau di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Pahang dan Melaka hampir sepuluh tahun yang lalu.

Untuk itu, saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini berapa banyakkah wang kerajaan yang telah dibelanjakan bagi memajukan tanaman kenaf ini hingga hari ini? Berapa ramaikah petani yang telah terlibat di dalam industri ini berbanding berpuluh ribu penanam tembakau di seluruh negara pada tahun 1980-an yang dahulu? Berapakah hasil yang diperolehi oleh pengusaha-pengusaha berbanding dengan pendapatan yang diperolehi oleh penanam-penanam tembakau yang boleh menjangkau 6,000 hingga 7,000

sehektar? Adakah kementerian menjalankan kajian terhadap kemajuan industri ini dari semasa ke semasa bagi menentukan masa hadapan sama ada ia menunjukkan daya maju atau sebaliknya?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengutarakan pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah untuk mengetahui kemajuan yang ditunjukkan oleh industri ini sejak ia mula diperkenalkan. Ini kerana kita perlu bersikap realistik di dalam menentukan sama ada sesuatu komoditi itu harus dan perlu diteruskan. Apa yang penting adalah adakah komoditi tersebut dapat membantu kerajaan dalam meningkatkan ekonomi rakyat, khususnya kepada petani di luar bandar. Sekiranya ia menunjukkan tidak *viable* untuk diteruskan atau hanya memberi faedah kepada segelintir pengusaha sahaja, saya berpendapat ia tidak harus diteruskan. Perkiraan yang paling mudah untuk difikirkan, adakah nilai pendapatan tahunan komoditi tersebut dapat mengatasi peruntukan tahunan yang disalurkan oleh kerajaan kepada agensi-agensinya?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh satu isu yang berkenaan dengan masyarakat luar bandar. Saya rasa isu ini boleh menyentuh dua kementerian iaitu Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Belia dan Sukan. Ia berkaitan dengan masalah kemalangan jiwa yang berlaku dalam kalangan anak-anak muda di kampung. Saya berasa sedih apabila mendengar berita di surat khabar dan di televisyen mengenai kemalangan jiwa yang berlaku di kampung-kampung. Anak-anak kecil terkorban di tali air, di kawasan lombong dan di tasik yang terbiar. Yang terkorban biasanya terdiri daripada budak yang berusia lima tahun hingga sepuluh tahun. Mereka ini kanak-kanak kecil, jadi biasanya kanak-kanak ini nakal dan suka bermain merata-rata.

Kadang-kadang ibu dan bapanya sukar mengawal mereka. Tidak salah jika saya mengatakan mereka ini sebabnya hendak belajar cara berenang atau ingin bermain di kolam air tetapi malangnya tiada kemudahan seperti di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ingin bertanya sama ada boleh disediakan kemudahan atau dibina fasiliti kolam renang di luar bandar. Ini kerana kedua-dua kementerian akan menerima sumber dana yang banyak daripada bajet ini. Maka, saya ingin mencadangkan agar dibina pusat renang atau kolam renang di kawasan luar bandar. Biarlah mereka belajar berenang di tempat yang betul dan nyawa tidak terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Sumber Manusia yang mana dalam bajet ini akan menerima RM800 juta. Semasa saya melawat ke Singapura, terutama di Lapangan Terbang Changi, saya melihat mereka yang membuat kerja domestik seperti tukang sapu dan pencuci tandas ialah mereka yang terdiri daripada warga emas Singapura. Saya sempat bertanya, berbual mesra dengan mereka dan rata-rata mereka tidak kisah akan pekerjaan yang mereka pikul sekarang. Asalkan duit yang mereka terima itu halal dan kerja yang tidak berat, malah begitu pun juga saya melihat suatu situasi yang sama yang mana warga emas mereka bekerja sebagai tukang sapu, membersihkan domestik dan lain-lain pekerjaan yang ringan. Maka, saya ingin bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia, sama ada kementerian ada merangka, bercadang atau ingin mengimplementasikan cadangan untuk mengkaji warga emas di negara kita untuk mengisi kekosongan kerja di pelbagai sektor di negara ini. Langkah ini secara langsung akan mengurangkan kebanjiran warga asing di negara kita dan saya berpendapat,

peningkatan warga asing sudah pun mencapai ke tahap yang membimbangkan dan boleh mengancam keselamatan negara.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Oleh kerana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari China iaitu *Vice Premier* Zhang Gaoli baru-baru ini. Pertemuan ini diadakan selepas pertemuan dengan Menteri Pendidikan China iaitu Yuan Guiren. Dalam pertemuan tersebut, pihak China sudi untuk membantu dengan menghantar 30,000 orang cikgu Mandarin untuk ditempatkan di 10 buah sekolah kebangsaan di Malaysia. Sebagai timbal balik, Kerajaan China juga bersetuju untuk meluaskan pengajaran Bahasa Melayu di negeri China. Maka, selain daripada kita belajar meningkatkan kecekapan anak murid kita, kita juga akan membantu mengembangkan Bahasa Kebangsaan kita ke negeri China. Saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat dan lain-lain agar kita menerima langkah ini secara positif dan menyambut baik usaha yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin: Hendak habis sudah. Oh senafas *deh*. Pertanyaan saya, apakah hasil dan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau berhenti sekejap, saya hendak memberi pengumuman ya. Bahawa untuk menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, malam ini kita ada satu majlis di Seri Pacific. Saya harap Yang Berhormat dapat hadir kerana ini adalah satu majlis anjuran yang telah pun disediakan di Seri Pacific. Kalau boleh semua yang hadir ini dapat berada di sana.

Juga untuk makluman, bahawa pada 17 Disember, satu jemputan mengenai majlis makan malam sempena taklimat Program Transformasi Negara oleh Jabatan Perdana Menteri memberi maklum berkenaan kedudukan negara sekarang dari segi Program Transformasi yang akan dilakukan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Idris Jala. Pada malam esok juga saya harap semua Yang Berhormat akan hadir dalam satu resepsi di mana kehadiran *Vice Chairman* daripada *Consultative Council* daripada China di Dewan Banquet kita pada jam 8 malam selepas saja kita bersidang itu kita terus ke sana. Ini kerana saya hendak selesaikan semua yang belum berbahas untuk kerana esok hari terakhir ya. Sekian, terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin: Pertanyaan saya, apakah hasil dan kata putus dari rundingan tersebut? Saya ingin tahu sekiranya langkah ini akan dilaksanakan tarikh yang akan dimulakan dan bermula di sekolah mana di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan perkara terakhir yang saya ingin utarakan pada sidang ini ialah amat penting bagi kita memupuk keharmonian, perpaduan dan kesepakatan antara kita masyarakat Malaysia. Negara kita terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama dan pelbagai kepercayaan. Tunjang kita ialah Perlembagaan Persekutuan dan teras kita ialah Rukun Negara sebagai asas kepada keharmonian di negara kita ini. 'Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya bahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Saya menyokong Bajet 2015.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, bagus Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan.

4.04 ptg.

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil peluang dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana memperuntukkan RM2.2 bilion kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk beberapa program untuk meningkatkan Orang Kurang Upaya di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini 10 Disember adalah hari Hak Asasi Manusia yang diraikan oleh seluruh dunia. Pada hari yang mulia ini dan di Dewan yang mulia ini, dalam perbahasan saya antara lain saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan tentang hak Orang Kurang Upaya. Tuan Yang di-Pertua, mengikut *World Report on Disability 2011* yang disediakan oleh WHO dan *World Bank*, 15% dari jumlah penduduk di sesebuah negara adalah terdiri daripada Orang Kurang Upaya. Ini bermakna Malaysia yang mempunyai jumlah penduduk 30 juta orang dianggarkan 4.5 juta adalah Orang Kurang Upaya. Ini merupakan satu golongan minoriti yang agak besar.

Minoriti ini bukan Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan bincangkan tadi tetapi ini mewakili golongan OKU. Golongan ini lebih besar dari jumlah Orang Asli yang diwakili oleh Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian, campur orang Siam yang diwakili oleh Yang Berhormat Dato' Boon Som. Ini adalah satu minoriti yang signifikan di negara kita. Walaupun terdapat 4.5 juta tetapi yang berdaftar dengan JKM hanyalah 508,487 orang setakat bulan Julai tahun ini, yang lain belum mendaftar. Saya harap JKM akan menggalakkan kempen untuk mendaftar OKU dalam tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua dalam Perlembagaan Persekutuan, di bahagian dua yang mengenai kebebasan asasi. Perkara lapan adalah menyentuh tentang kesamarataan dan fasa 8(1) berbunyi, "*Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang*". Ini bermakna tidak ada perbezaan sama ada orang itu OKU atau tidak, semua adalah sama rata dan berhak mendapat perlindungan yang sama. Ini meliputi semua undang-undang di Malaysia. Namun demikian, masyarakat umum masih memandang serong terhadap Orang Kurang Upaya. Seolah-olah mereka tidak ada hak dan hanya memerlukan pertolongan belas kasihan

sahaja. Sehingga ini menyebabkan Orang Kurang Upaya merasa diri mereka di diskriminasi, terpinggir dan tertinggal di belakang dan tidak diberi peluang untuk menyertai kehidupan biasa dalam arus perdana.

Perkara seterusnya yang ingin saya utarakan ialah Akta Orang Kurang Upaya. Akta ini telah dikuatkuasakan pada tahun 2008. Ini adalah satu usaha kerajaan yang patut dipuji sebab kerajaan melihat kumpulan OKU sebagai kumpulan rentan dan mereka harus diberi tumpuan khusus. Lalu kerajaan telah menggubal akta ini yang mengandungi peruntukan-peruntukan khas untuk melindungi hak OKU secara lebih terperinci. Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya membacakan sedikit petikan dari akta itu untuk menunjukkan hak yang diberi kepada OKU. Seksyen 26, akses kepada kemudahan, *amenity* perkhidmatan dan bangunan awam. Orang Kurang Upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada dan menggunakan kemudahan, *amenity* perkhidmatan dan bangunan awam yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai atas kesetaraan dengan orang upaya.

Seksyen 27, akses kepada kemudahan pengangkutan awam. Di mana dikatakan Orang Kurang Upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada dan menggunakan kemudahan, *amenity* dan perkhidmatan pengangkutan awam yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

■1610

Seksyen 28, akses kepada pendidikan. Orang kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan dan kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi atas asas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat.

Seksyen 29 adalah mengenai akses kepada pekerjaan. Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada pekerjaan atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

Saya ingin membawa perhatian Dewan kepada suatu hakikat iaitu walaupun dalam akta ini hak OKU dinyatakan dengan jelas, tetapi penguatkuasaannya masih menjadi satu masalah besar. Pada umum, keberkesanan akta ini masih diragui. Ini kerana sekiranya berlaku pelanggaran akta ini dari sudut ketidakpatuhan kepada apa-apa yang termaktub dalam seksyen-seksyen tersebut itu, tidak ada sebarang tindakan yang boleh diambil terhadap orang atau agensi yang dipertanggungjawabkan untuk, misalnya menyediakan sesuatu kemudahan atau peluang tetapi dia tidak menyediakannya. Ini adalah kerana akta ini tidak termasuk aspek penalti atau denda. Jadi untuk mengatasi masalah kerumitan yang dihadapi oleh OKU disebabkan ini, saya cadangkan supaya pindaan dibuat untuk memasukkan aspek punitif iaitu hukuman dalam bentuk denda ataupun suatu tempoh penjara supaya memperkasakan keberkesanan akta ini.

Perkara yang saya sebut tadi ini juga disokong oleh pihak SUHAKAM. Pada minggu lepas, pemangku Pengerusinya Datuk Khaw Lake Tee telah mengeluarkan satu kenyataan menyatakan bahawa kerajaan perlu mengkaji semula mekanisme perundangan untuk menangani ketidakpatuhan kepada Akta OKU 2008 ini.

Di samping itu, saya juga ingin mengesyorkan supaya seksyen-seksyen lain di Akta OKU yang berikut dikaji semula dan dibuat pindaan juga. Iaitu seksyen 3(2) mengenai keanggotaan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya. Di bawah seksyen ini, pada akta yang sedia ada sekarang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak diwakili dalam majlis tersebut. Walhal, kementerian ini mempunyai peranan yang amat penting untuk memantau penguatkuasaan Undang-undang Kecil Bangunan 34A (Pindaan) 1990 iaitu mengenai akses ke bangunan dan persekitaran oleh OKU yang terangkum di bawah seksyen 26, Akta OKU sendiri. Jadi amatlah penting untuk memasukkan keanggotaan kementerian ini dalam Majlis Kebangsaan OKU.

Satu lagi seksyen yang perlu dipinda ialah berkenaan kekerapan Majlis Kebangsaan OKU bermesyuarat. Pada masa ini, majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Sejak majlis ini ditubuhkan pada tahun 2008, keperluan minimum sahaja ditunaikan. Saya rasa ini tidak memadai kerana memandangkan banyaknya isu yang perlukan perhatian dan tindakan majlis. Boleh saya bagi satu contoh?

Pada tahun lepas, majlis ini telah membuat satu *road show* di seluruh negara untuk berjumpa dengan NGO. Ini dilakukan serentak pada 29 dan 30 Julai. Dua ahli telah pergi meliputi kawasan-kawasan di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Hasil dari *road show* ini, pihak sekretariat telah mengumpul sebanyak 600 isu yang perlu perhatian. Ini telah dikumpulkan dan sedang dikaji oleh JKM dan ia diberi perhatian. Inilah sebabnya saya meminta kekerapan mesyuarat majlis ini ditambah.

Saya rasa implikasi kewangan bagi tambahan mesyuarat ini tidak akan menjadi masalah kerana dalam Bajet 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan telah pun mengagihkan wang sebanyak RM1 juta bagi Majlis Kebangsaan OKU. Ini merupakan tambahan seratus peratus daripada tahun sebelumnya di mana peruntukannya adalah RM500,000.

Saya sekarang beralih kepada satu lagi perkara yang juga menyentuh hak orang kurang upaya. Ini adalah mengenai Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin, *National Human Rights Action Plan*. Ini adalah tanggungjawab yang telah diberikan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di bawah Jabatan Perdana Menteri. Antara tugasnya ialah untuk memperbaiki kedudukan hak asasi manusia dalam satu tempoh masa yang tertentu. Fokus agensi ini antara lain adalah termasuklah kumpulan rentan. Kumpulan rentan ini termasuk *vulnerable group* termasuk orang kurang upaya. NHRAP itu harus melalui lima tahap iaitu persediaan, pembangunan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Saya difahamkan bahawa Bahagian Hal Ehwal Undang-undang telah pun dalam proses persediaan. Saya ingin tahu, apakah status terkini dengan NHRAP ini berkaitan dengan hak asasi untuk OKU?

Berkaitan hak asasi juga, di arena antarabangsa, Kerajaan Malaysia setakat ini telah menandatangani tiga konvensyen di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Nombor satu ialah *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)* yang menghapuskan segala jenis diskriminasi terhadap wanita. Kedua ialah *Convention on the Rights of the Child* yang memberi perhatian kepada perlindungan dan kebajikan kanak-kanak. Kedua-dua konvensyen ini telah diratifikasi pada tahun 1995...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang hendak mencelah.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Dibenarkan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hendak mencelah sedikit sahaja, Yang Berhormat. Terima kasih.

Saya takut kalau-kalau benda ini terlepas pandang. Mungkin benda ini sudah ada dalam ucapan Yang Berhormat, tetapi yang saya hendak tahu, kalaulah tidak ada, saya ingin timbulkan perkara ini iaitu tentang penganiayaan atau eksploitasi orang-orang yang tidak berperikemanusiaan terhadap orang-orang OKU. Umpamanya dipaksa untuk meminta sedekah dan diupah untuk meminta sedekah. Kemudian hasil minta sedekah diserahkan kepada mereka. Sebenarnya saya timbulkan perkara ini kerana saya percaya Yang Berhormat telah melakukan banyak penyelidikan mengenai perkara ini. Adakah isu yang saya timbulkan ini sudah dikenal pasti dalam pelbagai penyelidikan yang dilakukan? Terima kasih.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya. Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan itu. Perkara ini ada dibawa kepada SUHAKAM dan mereka ada beri perhatian. Diharapkan dalam *National Human Rights Action Plan*, perkara ini akan dimasukkan juga.

Ketiga, konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya. Kerajaan Malaysia telah menandatangani CRPD ini, konvensyen ini pada tahun 2008 dan meratifikasikannya pada tahun 2010. Konvensyen ini adalah untuk menjamin golongan OKU menikmati peluang yang setara dengan orang upaya serta penyertaan penuh dan efektif dalam masyarakat dalam semua aspek kehidupan. Sebagai *state party* yang menandatangani konvensyen ini, ada juga tanggungjawab kerajaan kita untuk menghantar laporan *State Party Report* dalam tempoh dua tahun selepas meratifikasinya. Akan tetapi, kerajaan kita masih belum menghantar *State Party Report* itu.

■1620

Saya menyeru kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memberi perhatian segera atas perkara ini. Selepas *state report* yang pertama, yang kemudiannya empat tahun sekali. Jadi kita sudah meratifikasi dalam tahun 2010 dan sekarang ini sudah empat tahun. So, kita harus hantar *report* itu secepat mungkin.

Berkenaan dengan konvensyen ini, saya ingin memberitahu kepada Dewan juga bahawa sebagai Ahli Parlimen, kesemua Ahli Parlimen memainkan peranan penting dalam melindungi hak asasi rakyat seperti mana kita lihat dalam Dewan ini dan juga di Dewan Rakyat, betapa ghairah Yang Berhormat-Yang Berhormat memperjuangkan dan membela nasib rakyat. Jadi berkenaan dengan konvensyen ini, pihak *United Nations Office of the High Commissioner for Human Rights* dan juga *Inter-Parliamentary Union* telah mengeluarkan satu *handbook for Parliamentarians on the convention on the rights of persons with disabilities*.

Ini, saya akan memberi satu taklimat mengenai ini pada bulan tiga tahun depan di mana saya akan menjemput Ahli-Ahli Parlimen dari Dewan ini dan juga dari Dewan Rakyat untuk memberi taklimat kepada mereka mengenai bagaimana *handbook for Parliamentarians* ini boleh digunakan untuk mereka membela nasib dan membantu OKU di kawasan-kawasan mereka.

Beralih kepada satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua ialah hal ehwal OKU dan peranan Kementerian. Kalau kita lihat tanggungjawab untuk membela nasib OKU, untuk melihat dan memberi perkhidmatan kepada OKU, semuanya terletak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini adalah kerana dari tahap pra merdeka sampai sekarang, hal-hal OKU masih di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walhal dalam tempoh 56 tahun lalu, banyak perkara telah berlaku dan keperluan OKU pun telah bertambah. Golongan OKU bukan sahaja memerlukan bantuan kebajikan, tetapi juga dalam segala aspek kehidupan.

Jadi untuk melicinkan, untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada OKU, saya mengesyorkan supaya hanya bidang-bidang yang berkenaan dengan bantuan masih dikekalkan di bawah JKM dan yang lain diambil dan diletak di bahagian satu jabatan lain. Kita amat-amat memerlukan satu jabatan untuk menguruskan hal ehwal OKU.

Di sini mesyuarat Majlis OKU mempunyai satu tanggungjawab yang amat besar dan fungsi Majlis OKU seperti mana yang termaktub dalam Akta OKU meliputi tiga belas perkara. Antaranya ialah:

- (i) untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara berhubung dengan OKU;
- (ii) membuat syor kepada kerajaan mengenai semua aspek OKU;
- (iii) untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar negara untuk memantau dan menilai kesan dasar program dan aktiviti;
- (iv) untuk mengkaji semula aktiviti semua kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pelaksanaan dasar negara;
- (v) mengesyorkan kepada kerajaan perubahan kepada undang-undang;
- (vi) untuk membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran;
- (vii) untuk menerima pakai langkah yang berkesan, yang sesuai bagi menggalakkan pengiktirafan kemahiran, merit dan kebolehan OKU;
- (viii) memupuk sikap menghormati hak OKU dalam semua peringkat;
- (ix) untuk menasihati kerajaan mengenai isu ketidakupayaan termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;
- (x) untuk mengumpul, semak data dan maklumat;
- (xi) untuk menggalakkan pembangunan latihan awal dan berterusan bagi golongan profesional, kakitangan yang bekerja di dalam perkhidmatan habilitasi dan rehabilitasi;
- (xii) untuk menggalakkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya bagi OKU; dan
- (xiii) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain seperti mana yang di dalam akta.

Jadi, ini amat besar tugas...

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Majlis OKU ini memantau ataupun mengambil berat tentang hal-hal OKU. OKU dari segi orang kelam, orang buta minta sumbangan sedekah di tiap-tiap gerai, di tiap-tiap kedai di Kuala Lumpur ataupun di luar Kuala Lumpur. Adakah Majlis OKU mengambil tindakan dan memantau perkara-perkara ini? Terima kasih.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya, perkara ini juga dibawa di dalam persidangan yang lalu. Memang ini yang minta sedekah bukan? Okey. Ada dua pandangan. Bila kita bincang dengan pertubuhan OKU cacat penglihatan, mereka kata ini satu perniagaan tetapi ada juga yang dipergunakan oleh pihak lain. Jadi ini memang masih menjadi masalah. Jadi kita tidak dapat mencari satu penyelesaian yang tepat, yang sempurna untuk ini. Jadi kita harus peka sahaja yang mana kita boleh percaya. Kalau ada orang yang meragui, boleh membuat laporan kepada JKM dan mungkin mereka boleh menyiasat sama ada perkara ini memang betul orang berniaga ataupun orang yang cuba menipu orang lain, orang awam.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah? Silakan.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya semangat soalan saya tadi sama dengan semangat soalan itu. Akan tetapi Yang Berhormat mengatakan kalau ada yang syak, sila laporkan. Akan tetapi yang saya harapkan adalah tindakan proaktif di pihak yang bertanggungjawab oleh OKU ini, jangan hanya berharap kepada laporan daripada orang ramai sahaja kerana ini adalah satu bentuk eksploitasi senyap terhadap orang-orang OKU. Tidak boleh berharap kepada laporan orang ramai sahaja. Kalau orang ramai yang umumnya bersikap yang *apathy*, jadi perlu ada sikap tindakan yang proaktif bagi pihak yang bertanggungjawab nasib OKU.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Terima kasih Yang Berhormat untuk cadangan itu. Saya akan bawa ke majlis untuk membincang perkara ini. Terima kasih.

Jadi memandangkan tugas yang amat banyak disenaraikan bagi Majlis OKU, sekarang Majlis OKU terletak di bawah Bahagian Pembangunan OKU. Di sini wujud satu kedudukan yang sedikit aneh sebab Jabatan Pembangunan OKU terletak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini saya fikir harus dikaji semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada lima minit lagi Yang Berhormat.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya. Jadi saya mengesyorkan supaya jabatan ini dikeluarkan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dijadikan jabatan berasingan dan juga harus dianggotai oleh kakitangan yang secukupnya supaya dapat menangani dan dapat menguruskan semua tanggungjawab yang disenaraikan di Majlis itu. Barulah sekretariat Majlis boleh bertindak secara efektif demi kesejahteraan OKU di negara kita.

Berkenaan dengan cadangan saya, memang dalam akta pun ada majlis akta, fasal 10 dalam akta itu yang di mana dinyatakan majlis hendaklah dibantu oleh jabatan dalam pelaksanaan fungsinya dan perjalanan kuasanya di bawah akta ini. Jadi, sudah ada peruntukan di dalam akta. Jadi yang kita tunggu ialah penubuhan satu jabatan baru ini terasing dari JKM.

■1630

Satu lagi isu yang saya ingin bawa ialah perlunya penyelidikan mengenai isu-isu OKU. Saya ingin mencadangkan supaya penyelidikan mengenai keperluan OKU dijalankan oleh IPTA-IPTA dan ini adalah penting kerana apabila kita menjalankan penyelidikan, kita dapat kumpul fakta dan juga data. Hasil penyelidikan ini boleh dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk digunakan bagi penggubalan dasar dan rancangan pembangunan OKU pada masa hadapan.

Saya juga mencadangkan supaya pusat penyelidikan cemerlang atau *Centre of Excellence* ditubuhkan di IPTA. Untuk makluman Dewan, buat masa ini Universiti Sarawak sudah pun memulakan satu *Centre of Excellence for Disability Studies*. Bukan sahaja di Sarawak, saya juga menggesa kerajaan supaya menggalakkan IPTA-IPTA penyelidikan yang sedia ada iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Mara juga menubuhkan CoEDS atau *Centre of Excellence* untuk menjalankan kajian dalam bidang-bidang tertentu berkaitan OKU.

Di sini implikasi kewangan juga mungkin tidak akan jadi masalah oleh kerana kerajaan memang mengagihkan peruntukan kepada IPTA setiap tahun. Ada beberapa jenis geran yang ditawarkan. Misalnya LRGS ataupun *Long Term Research Grant Scheme* di mana sebahagian daripadanya boleh digunakan untuk penyelidikan mengenai OKU. Saya ingin sedikit masa lagi untuk mengemukakan dua tiga...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya, mengenai elaun pekerja cacat dan juga bantuan kepada OKU yang tidak berupaya bekerja. Dalam Bajet Tahun 2015, kerajaan telah meluluskan suatu kenaikan, sedikit sahaja yang saya minta ialah kenaikan RM200 dari RM300 yang sedia ada untuk dinaikkan RM500 bagi Elaun Pekerja Cacat. Akan tetapi yang diberi oleh kerajaan ialah kenaikan sebanyak RM50 sahaja. Jadi diluluskan RM350 untuk EPC dan elaun bantuan untuk OKU yang tidak bekerja atau tidak berupaya bekerja dari RM150 ke RM200 sahaja. Peningkatan RM50 sahaja.

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada senator-senator lain yang juga telah membangkitkan isu ini untuk menyokong kenaikan elaun bagi OKU seperti Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Bin Mat dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain. Terima kasih.

Saya ingin meminta dan merayu kepada kerajaan supaya dalam perbelanjaan tambahan sekiranya ada, boleh ditambahkan elaun untuk EPC dan juga untuk elaun bantuan OKU yang tidak mampu bekerja. Di samping itu, saya juga ingin mengutarakan suatu situasi iaitu bantuan penjagaan OKU terlantar. Pada masa ini hanya keluarga yang menjaga OKU terlantar menerima bantuan sebanyak RM300, tetapi bantuan tidak diberikan kepada OKU terlantar.

OKU terlantar ialah pesakit yang tidak mampu untuk bergerak dan tidak mampu untuk mengurus diri sendiri dan bergantung 100% kepada orang lain untuk menjaganya. Bagi OKU dalam kategori ini, mereka memerlukan pelbagai peralatan macam sebuah katil yang boleh diselaraskan, tilam khas macam *ripple mattress*. Oleh sebab tidak mampu menggerakkan badan dengan sendiri, mungkin suhu badan naik dan mereka tidak dapat kawal. Untuk melegakan kedudukan ini, mereka memerlukan kipas angin sepanjang masa dan mungkin juga penghawa dingin. Ini semua memakan belanja yang banyak. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah habis.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya sedikit lagi. Jadi saya minta kerajaan supaya memberi perhatian dan juga memberi elaun kepada OKU yang terlantar. Satu lagi untuk petugas Pemulihan Dalam Komuniti. Pada masa ini petugas yang bekerja di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti atau PDK hanya diambil secara kontrak dan mereka diberi elaun RM800 sahaja, manakala penyelia menerima RM1,200. Mereka tidak diberi latihan seperti petugas di KEMAS. Jadi saya minta supaya kerajaan beri perhatian kepada golongan ini sebab mereka amat diperlukan untuk kita memberi latihan kepada kanak-kanak OKU yang ada *down syndrome, autisme dan cerebral palsy* yang menerima latihan berdikari di pusat-pusat PDK ini.

Berkaitan ini, saya juga minta Bahagian Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau National Occupation Skill Standard untuk merangka suatu kursus yang khas untuk diberi latihan yang bertahap supaya mereka boleh meningkat dalam kerjaya dan mereka tidak akan pergi mencari kerja lain. Oleh sebab selepas mereka dapat latihan dan pengalaman untuk mengajar kanak-kanak ini, kalau mereka lari dan pergi ke kerja lain, kita akan mengalami suatu kerugian.

Jadi untuk mengekalkan mereka, saya harap jawatan mereka diiktiraf dan mereka diberi latihan dan mungkin elaun mereka pun dinaikkan menepati gaji minimum yang disyorkan iaitu RM900. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mencadangkan Yang Berhormat kalau Yang Berhormat masih banyak lagi *point-point* yang hendak dibincangkan, saya rasa Yang Berhormat boleh buat cadanganlah kepada kementerian yang bertanggungjawab ataupun berbincang dengan kementerian yang bertanggungjawab agar segala cadangan Yang Berhormat itu boleh dipertimbangkan.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Goonasakaren a/l Raman.

4.37 ptg.

Dato' Goonasakaren a/l Raman: Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana memberi saya ruang dan peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin dalam perbahasan ini ingin menyentuh sedikit tentang memperkasakan dan memartabatkan peranan wanita dalam arus pembangunan negara. Sehubungan itu, Dasar Pelan Pembangunan Wanita menggariskan 13 sektor yang utama. Ini bermakna kerajaan benar-benar dan serius untuk melihat kaum wanita ini terus berjaya dan menyumbang kepada ekonomi kesejahteraan negara.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu mengupas 13 sektor yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Wanita dan perlulah dihayati dan seterusnya diterjemahkan dalam program-program wanita yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat agar wanita-wanita dapat membina diri mereka dan terus berjuang dalam hidupnya. Kaum wanita tidak kira bangsa, warna kulit perlu ada input-input semasa. Sekiranya kaum wanita tidak ada input-input semasa daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat maka peranan wanita ini selamanya di dalam kertas sahaja.

■1640

Ia tidak akan sampai kepada di kalangan wanita dan peranan kerajaan untuk memartabatkan wanita ini tinggal sebagai dasar sahaja. Walaupun wanita di Malaysia telah mencapai kejayaan yang membanggakan, namun masih terdapat pelbagai cabaran yang perlu diselesaikan oleh kerajaan. Di antaranya ialah kemiskinan, permasalahan ibu tunggal. Kebelakangan ini wujud kelab-kelab ibu tunggal yang setahu saya kelab sukan ada, kelab rekreasi ada tetapi di kebelakangan ini, banyak kita lihat kelab ibu tunggal di peringkat Parlimen.

Peningkatan kes keganasan rumah tangga, pencabulan dan gangguan seksual di tempat kerja. Jadi kerajaan dan Kementerian Pembangunan Wanita perlu peka mengambil langkah yang sewajarnya supaya golongan wanita ini tidak ditenggelami dalam permasalahan ini. Adakah kerajaan dan Kementerian Pembangunan Wanita mempunyai program-program ataupun peruntukan khas untuk golongan ibu tunggal supaya mereka terus mengharungi hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada kerajaan. Sehingga kini berapakah jumlah wanita yang telah dilatih dalam program, melatih ahli lembaga syarikat yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dua tahun lepas hingga kini. Saya juga ingin tahu pecahan kaum yang terlibat dan apakah mekanisme yang diguna pakai dalam memilih peserta ataupun calon-calon. Dalam kesempatan ini, saya juga menyeru kerajaan agar memberi peluang kepada semua kaum wanita untuk menduduki sebagai ahli lembaga syarikat untuk mengimbangi konsep 1Malaysia yang diuar-uarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, Amanah Ikhtiar Malaysia juga membantu golongan wanita melalui program-programnya iaitu Program Ikhtiar Rezeki, Program Ikhtiar Bestari, Program Ikhtiar Sejahtera, Program Ikhtiar Penyayang. Masalahnya ialah sesiapa yang hendak mengikuti program Amanah Ikhtiar perlu bentuk kumpulan. Dalam kumpulannya mesti ada sekurang-kurangnya lima orang ahli ataupun sepuluh orang ahli.

Kita difahamkan bahawa sekiranya salah seorang ahli dalam kumpulannya apabila sudah mendapat pinjaman, katalah kumpulan ini diduduki oleh lima orang ahli, selepas mendapat pinjaman

dan salah seorangnya keluar daripada kumpulan, sudah tidak mahu bayar pinjaman yang diterima. Jadi yang tinggal empat orang ahli ini terpaksa tanggung pinjaman yang diambil oleh, yang keluar daripada kumpulan itu. Jadi ini merupakan satu masalah yang besar kepada ahli-ahli kumpulannya. Jadi kalau pinjaman ini tidak dilunaskan, maka empat orang ahli yang ada dalam kumpulan ini tidak mahu meneruskan program Amanah Ikhtiar ini.

Jadi pinjaman kena bayar, program tidak diteruskan, jadi tidak ada pendapatan untuk ahli-ahli yang ada dalam kumpulan ini. Jadi oleh kerana itu, program Amanah Ikhtiar ini tidak popular seperti mana yang popular di kalangan orang-orang Melayu. Ia tidak popular bagi kaum India. Di kalangan kaum India, memang Amanah Ikhtiar tidak popular. Walaupun dalam bajet ini, Bajet 2015 kerajaan telah memperuntukkan RM30 juta untuk usahawan wanita India.

Jadi di sini saya ingin bertanya bagaimanakah Amanah Ikhtiar hendak menguruskan jumlah duit yang besar ini sekiranya kaum India, yang RM30 juta ini adalah untuk kaum India. Jadi sekiranya Amanah Ikhtiar tidak popular di kalangan kaum India, bagaimana Amanah Ikhtiar ini menguruskan yang RM30 juta ini supaya duit yang diperuntukkan dalam Amanah Ikhtiar ini sampai kepada kaum India, golongan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, di bahagian TEKUN pula. Bahagian TEKUN, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk pembiayaan usahawan kaum India. Terima kasih kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, pengurusan ataupun pengendalian perlulah ada pembaikannya. Bagi kaum Melayu, TEKUN pada pandangan saya, apa yang saya difahamkan, bagi orang Melayu, TEKUN diuruskan di peringkat Parlimen tetapi untuk kaum India, walaupun borang itu diambil dari Parlimen tetapi pengurusannya adalah di peringkat pusat. Apakah salahnya pengurusan perlu ada, untuk kaum India pengurusan pun perlu ada di peringkat Parlimen supaya memudahkan proses dan juga tidak menyusahkan rakyat ataupun tidak menyusahkan belia-belia yang ingin berniaga. Jadi permohonan ini kita hantar ke pusat, selepas itu proses ini memakan masa yang panjang.

Jadi saya di sini memohon kerajaan, menyeru kepada kerajaan, TEKUN ini perlulah diberi peluang kepada pemohon-pemohon supaya dia boleh permohonan di peringkat daerah ataupun peringkat negeri sahaja pengurusannya. Tidak perlulah datang ke pusat dan selepas hantar permohonan dan banyak kali turun naik, ini menyusahkan pemohon. Saya kira juga apabila ada pilihan raya kecil, *by-election*, dengan izin, proses TEKUN memakan masa tiga, empat hari sahaja, lulus terus. Akan tetapi selepas keadaan-keadaan biasa, ia memakan masa sehingga enam bulan, satu tahun, dua tahun, tiga tahun sehinggakan pemohon *fed up*, kecewa, lari, marah pada pemimpin, marah kepada kerajaan.

■1650

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Minta laluan. Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat cakap itu menyeluruh tetapi kalau boleh Yang Berhormat cakap fakta ini, saya yakin bukan semua tempat macam itu. Bagi saya di Perlis tidak macam itu. Tidak tunggu pilihan raya. Kalau hendak tunggu pilihan raya, kena mati ramai lah ADUN. Jadi, kenyataan itu bagi saya tidak terimalah. Tidak betul.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya pun hendak pohon mencelah sedikit. Saya pun boleh bagi penerangan di Kelantan, pun tidak terjadi, hanya pilihan raya sahaja. Di Kelantan sama, asal ada pilihan raya kah tidak, sama sahaja. Terima kasih.

Dato' Goonasakaren a/l Raman: Inilah perbezaan yang kita nampak. Mungkin kaum Melayu diuruskan oleh Parlimen. Parlimen yang uruskan. Bukan Melayu, kaum India tidak diuruskan oleh Parlimen. Walaupun kita ambil borang itu daripada Parlimen, Parlimen tidak uruskan untuk kaum India. Jadi, mungkin berbeza, keadaan itu mungkin berbeza.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh saya mencelah sedikit.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Boleh mencelah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Mana satu Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Mohon saya dahulu ya. Yang sebenarnya TEKUN ini dia tidak *discriminate*. TEKUN ini akhirnya dia kena mendapatkan kelulusan di peringkat Pusat. Cuma boleh jadi bezanya ialah oleh sebab parti lah, keadaan ada cawangan dan sebagainya sebab TEKUN ini dibuat melalui parti politik. Boleh jadi itu masalahnya. Walau bagaimanapun, saya mengambil kesempatan di sinilah. Saya berharap ada pegawai-pegawai kerajaan yang mengambil catatan perkara ini kerana saya *notice*, pagi penuh pegawai kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua: Betul Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: ...Di belakang untuk mengambil catatan berhubung dengan apa Yang Berhormat cakapkan ini tetapi sekarang ini saya tidak tahulah. Adakah catatan diambil untuk Menteri-menteri dan kementerian menjawab soalan-soalan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya minta celah boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bagi orang mencelah kah?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun begitu setuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim. Memang TEKUN ini saya pun berpendapat daripada implementasi, dia memang *color blind* tetapi masalahnya bagi pendapat saya peruntukan RM50 juta sahaja untuk orang India tetapi yang hendak memohon itu banyak sangat.

Jadi bila mereka memohon secara berterusan dengan ibu pejabat dia ambil masa lambat sedikit. Kalau ada kadang-kadang *by-election*, TEKUN sendiri turun di sana dan dia beri prioriti sebab itu dia cepat sedikit. Jadi saya rasa cadangan seperti Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim kalaulah ada *officer* dekat sini, dengarlah sebab memang banyak *complaint* bila mereka memohon terus dengan pejabat TEKUN, mengambil masa yang lama. Banyak dia punya ini- kadang-kadang yang memohon tahun ini dapat tahun depan. Itu memang masalah orang-orang India *facing*lah. Apa pendapat Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak mengingatkan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat izinkan rakan-rakan mencelah ia akan mengambil masa Yang Berhormat. Akan tetapi saya tidak akan bagi masa lebih ya Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Goonasakaren a/l Raman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Tanpa Sri. Saya tidak bercakap tentang diskriminasi, tidak ada diskriminasi. Cuma saya hendak menegaskan kerana ada pelarasan dalam mengendalikan proses permohonan, tidak kira bangsalah.

Tuan Yang di-Pertua, kaum India juga khususnya belia India ramai juga bergiat dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tetapi dalam Bajet 2015 kita tidak nampak peruntukan khas untuk membantu PKS kaum India. Mungkin kerajaan terlepas pandang. Saya menyeru kerajaan agar PKS kaum India diberi perhatian dan diberi peruntukan yang cukup agar PKS kaum India yang menceburkan diri dalam PKS juga dapat pembelaan seperti mana kaum-kaum lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai program PR1MA 1Malaysia. PR1MA 1Malaysia bertujuan untuk menawarkan perumahan kualiti tinggi berkonsepkan gaya hidup moden bagi penduduk-penduduk bandar berpendapatan sederhana. Syaratnya warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas dan berkahwin. Berumur 21 tahun ke atas dan berkahwin. Inilah yang menjadi masalah kepada belia-belia. Mereka kecewa kerana 21 tahun selepas itu sudah kahwin. Umur 17 tahun dia menduduki peperiksaan SPM, umur 20 tahun dia selesai diploma, umur 24 ataupun 25 tahun mengambil *degree*. Lebih kurang itulah.

Kaum Melayu yang berumur 21 hingga 22 mungkin sudah kahwin tetapi dalam kaum India umur 21 jarang kahwin. Sekiranya 21 dan anak sulung lelaki, sekiranya dalam keluarga ada tiga, empat orang adik perempuan, sehingga adik perempuan itu selesai kahwin dia tidak kahwin. Jadi, maknanya sehingga 30 tahun, 35 tahun dia tidak bolehlah mohon rumah PR1MA Malaysia. Kerajaan kena berfikir balik supaya syarat 21 tahun tidak perlu kahwin. Sekarang ramai tidak suka hendak kahwin. Dia hendak relax sampai umur 30 tahun, 35 tahun. Selepas itu sudah dapat *degree* dia hendak cari kerja. Dalam zaman ini bukan senang mendapatkan kerja. Jadi, hendak dapatkan kerja, hendak beli kereta. Semua sudah dapat baru dia fikir untuk kahwin.

Jadi, syarat ini perlulah ditimbang balik. Syarat 21 tahun bagus tetapi syarat mesti kahwin itu saya kira tidak sesuai dalam zaman ini untuk belia-belia. Kalaulah kita letak 21 tahun lepas itu suruh kahwin, belia-belia sekarang ini marah. Marah pemimpin, marah kerajaan. Jadi, saya minta apakah rancangan ataupun alternatif yang disediakan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

Skim perumahan FELDA untuk generasi kedua. Ini sangat popular semasa PRU Ke-13, sangat popular. Skim perumahan tidak ada untuk generasi kedua di FELDA-FELDA tetapi sekarang ada banyak skim perumahan di FELDA untuk generasi kedua. Akan tetapi, apabila generasi kedua memohon setakat permohonan sahaja. Pinjaman tidak dapat dari bank.

■1700

Apabila pinjaman tidak dapat, pemohon yang tinggal dalam FELDA tidak layak untuk mendapat rumah di bawah Skim Perumahan FELDA. Akan tetapi anak peneroka yang tinggal di bandar-bandar

besar seperti Kuala Lumpur, sudah mempunyai satu-dua rumah, dia balik ke FELDA, dia mohon, dia dapat. Jadi, anak-anak peneroka yang duduk bersama dengan ibu bapa di ladang-ladang, di FELDA...

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd. Sharif: Mencilah.

Dato' Goonasekaran a/l Raman: Saya kira saya hendak habiskan dulu. Sikit saja ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terpulang pada dia Yang Berhormat. Ruang dia.

Dato' Goonasekaran a/l Raman: Saya hendak teruskan. Minta maaf Yang Berhormat. Jadi, ini timbul rasa kekecewaan daripada anak-anak muda di FELDA. Mereka mengatakan bahawa kami duduk bersama dengan ibu bapa di FELDA. Kami mengundi di sini tetapi apabila ada skim perumahan, kita tidak layak. Walaupun kita layak, pinjaman tidak dapat dekat bank, jadi kita tidak layak menduduki rumah di bawah Skim Perumahan FELDA. Jadi, ini adalah satu masalah di kalangan generasi kedua di FELDA. Jadi, saya menyeru juga kerajaan memberi perhatian, ambil isu-isu ini, memberi perhatian yang khusus supaya bagaimana kita boleh bantu generasi kedua di FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Belia dan Sukan. Saya ingin bertanya, apakah kedudukan sebenarnya Kompleks Belia dan Sukan di setiap daerah? Nama sahaja belia dan sukan, dalam kompleks itu belia pun tidak ada, sukan pun tidak ada. Kompleks tinggal kompleks. Contoh, daerah Bera. Daerah Bera ada kompleks sukan. Bersama kompleks sukan ada asrama saya ingat, saya kira asrama. Akan tetapi kosong saja. Jadi, apakah kompleks ini benar-benar berfungsi untuk memberikan akses kepada belia-belia kita di seluruh pelosok negara?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada empat minit lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Goonasekaran a/l Raman: Saya dapati kompleks ini berfungsi sebagai dewan serba guna ataupun dewan orang ramai. Digunakan untuk majlis-majlis perkahwinan dan program kemasyarakatan. Jadi, saya minta kerajaan, kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membina kompleks belia dan sukan. Apa salahnya, berilah peluang kepada belia-belia di daerah masing-masing untuk menguruskan kompleks tersebut supaya belia dapat menghabiskan masa-masa yang terluang itu di kompleks. Jadi, berilah tugas menjaga, Ahli-ahli Parlimen boleh menjaga kompleks belia dan sukan yang ada setiap Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya marilah kita seluruh rakyat dalam negara ini untuk menjaga perpaduan di kalangan rakyat. Saya menyeru kerajaan agar dapat memainkan peranan yang lebih holistik dalam menjaga keamanan serta perpaduan yang telah kita bina sejak 1969. Semangat kejiranan serta sensitiviti perkauman juga harus diutamakan. Kita tidak lagi boleh membuang masa dan tenaga untuk menghadapi sebarang kecelakaan dalam kesibukan kita. Mengejar Wawasan 2020, negara maju berpendapatan tinggi. Oleh kerana ada empat minit saja, saya ingat tinggal dua minit saja. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Dipersilakan.

5.05 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan bagi saya membahaskan Rang Undang-undang Akta Perbekalan 2015.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan yang diunjurkan oleh kerajaan pada tahun 2015 adalah RM273.94 bilion dan pecahannya adalah seperti berikut:

- (i) unjuran perbelanjaan belanja mengurus - RM223.4 bilion;
- (ii) belanja Pembangunan - RM50.5 bilion; dan
- (iii) simpanan luar jangka - RM2 bilion.

Bagi perbelanjaan ini, belanja emolumen kerajaan menjadi semakin besar hingga mencatatkan unjuran RM65.6 bilion. Nilai ini menunjukkan kenaikan sebanyak 7.62% berbanding emolumen tahun 2013 iaitu RM61 bilion dan meningkat sebanyak 176% berbanding RM23.78 bilion pada tahun 2004 iaitu menjangkau 10 tahun yang lalu. Oleh yang demikian, saya memohon jentera kerajaan memainkan peranan yang lebih efektif dan meningkatkan kecekapan penyampaian awam agar wang perbelanjaan yang amat besar dalam menampung emolumen anggota perkhidmatan awam setimpal dengan kos yang dibelanjakan.

Di sini saya ingin bertanya kepada kerajaan, pada tahun 2014 sehingga akhir November 2014, berapakah jumlah jabatan kerajaan yang telah diluluskan dasar re-organisasi dengan kelulusan penambahbaikan, laluan kenaikan pangkat dengan cara rasionalisasi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi dan berapakah perbelanjaan yang terlibat serta justifikasi kelulusannya. Saya mohon kerajaan memperincikan keputusan JPA dalam meluluskan rancangan re-organisasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2015 melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan, kerajaan akan membelanjakan sebanyak RM356 juta untuk menubuhkan empat *Urban Transformation Center* (UTC) di Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dan satu mini UTC di negeri Kedah. Umumnya mengetahui semenjak dasar transformasi kerajaan dimulakan pada 2009, produk UTC dan RTC ini merupakan produk yang berjaya. Ini kerana akses kepada kemudahan dan perkhidmatan kerajaan lebih terbuka dan mudah. Soalan saya, sejak penubuhan UTC dan RTC ini, berapakah statistik yang direkodkan bagi semua transaksi yang dibuat di kaunter-kaunter jabatan kerajaan? Berapakah unjuran sebenar KPI kerajaan dalam memastikan perkhidmatan bahagian hadapan kerajaan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat dan terjemahan kepada belanja operasi UTC dan RTC ini memberi keuntungan kepada rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Bajet 2015 juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara serius menitik beratkan keseimbangan *capital economy* dan *people economy*, dengan izin. Ini kerana kebergantungan antara *people economy* dan *capital economy* penting bagi menunjangi ekonomi keperluan rakyat. Pada masa ini prestasi minyak sawit mentah, getah dan minyak mentah petroleum kurang memberangsangkan. Justeru itu, prestasi merudum yang direkodkan ini oleh komoditi-komoditi ini akan mengurangkan unjuran pendapatan cukai kerajaan. Tambahan pula kebelakangan ini Ringgit Malaysia mencatatkan prestasi paling buruk sejak 1997 jika dibandingkan

dengan USD dan *Singapore Dollar*. Apa yang dibimbangkan adalah inflasi akan turut meningkat dan kos sara hidup rakyat akan lebih tertekan.

Untuk itu saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan. Apakah langkah jangka pendek kerajaan untuk mengatasi masalah prestasi buruk mata wang negara supaya tidak menjejaskan ekonomi keperluan rakyat.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, antara salah satu sebab utama kemerosotan ringgit adalah kerana kesan daripada pengaliran keluar modal asing dan wang negara oleh warga asing. Mengikut kajian oleh *Berita Harian* pada Sabtu, 6 Disember sebanyak RM25.13 bilion setahun dikeluarkan. Dengan pengaliran wang oleh nilai kiriman wang pekerja daripada Indonesia - RM4.8 bilion, daripada Bangladesh - RM3.23 bilion, dari India - RM1.33 bilion dan dari Filipina - RM800 juta.

Berdasarkan kajian yang dibuat setiap pekerja asing menghantar pulang wang gaji sebanyak hampir 80% dari gaji bulanan mereka. Kalau bergaji RM1,500 maknanya RM1,200 dihantar pulang setiap bulan. Macam mana Ringgit Malaysia tidak turun merudum. Kita langsung tidak dapat menikmati *spin-off economy* akibat kita menggaji pekerja asing ini.

Oleh yang demikian, soalan saya adakah kerajaan membuat kajian terperinci berapakah nilai sebenar projek-projek berimpak tinggi seperti MRT, Rapid dan pembangunan wilayah dan pembangunan ekonomi serta seperti ISKANDAR Malaysia, ECER, NCER dan Greater KL benar-benar memanfaatkan rakyat tempatan. Justeru itu saya mohon statistik terperinci dari Kementerian Kewangan dan EPU mengenai status penggajian pekerja di semua projek berimpak tinggi dan berapakah nilai sebenar pengaliran wang asing.

Tidak guna kita membuat projek ekonomi berimpak tinggi tetapi majikan swasta yang mendapat manfaat kontrak cenderung untuk menggaji pekerja asing. Saya juga mendapat banyak rungutan dan rintihan daripada pelajar lepasan kolej komuniti, Akademi Binaan CIDB, politeknik dan juga Institusi Latihan Perindustrian bahawa mereka dianaktirikan oleh syarikat-syarikat yang mendapat manfaat projek berimpak tinggi ini. Saya mohon kerajaan menjalankan kajian mengenai perkara ini dan memberikan maklum balas sebenar. Kita tidak boleh lagi membiarkan projek berimpak tinggi ini hanya di kecapi oleh golongan kaya raya sedangkan rakyat lain masih susah.

Tidak guna kita merencanakan pelbagai program pembangunan modal insan dan *reskilling* tetapi majikan swasta tidak membantu kerajaan untuk mengambil pekerja tempatan. Apa salahnya jika kontraktor yang mendapat manfaat kontrak ini menawarkan skim latihan *apprentice* kepada warganegara agar perolehan pendapatan rakyat tempatan membantu ekonomi negara kerana hampir 100% wang gaji mereka akan dibelanjakan untuk *spin economy* tempatan.

Justeru itu bagi memastikan kestabilan pengaliran keluar wang asing ini tidak memudaratkan pertumbuhan ekonomi negara dan nilai mata wang, saya ingin mencadangkan yang berikut:

- (i) satu moratorium yang dikenakan atas pengambilan pekerja asing. Sementara itu kerajaan pula melalui Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia perlu bertindak segera untuk membuat perancangan teliti di Skim

Latihan *Apprentice* atau *Matching Placement* bagi semua graduan lepasan IPT, politeknik dan Institusi Latihan Kemahiran;

- (ii) wajibkan semua syarikat swasta yang mendapat manfaat projek-projek dalam RMK-11 dan *Economic Transformation Programme* memanfaatkan tenaga buruh tempatan sehingga 85%; dan
- (iii) saya juga mencadangkan LHDN mengenakan cukai pendapatan kepada semua pekerja asing di Malaysia. Adalah tidak adil kita mengenakan skim cukai GST, cukai pendapatan dan lain-lain tarif serta levi kepada rakyat tempatan tetapi...

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Silakan. Jangan lama-lama Yang Berhormat.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat mengenai ini hal *upskilling* dan *reskilling* ataupun peningkatan kemahiran. Apakah ertinya sekiranya pada dasar atau hal yang sangat fundamental yakni kedudukan penggajian itu sendiri. Maksud saya ialah apa ertinya *reskilling* atau *upskilling* sekiranya mereka itu masih dalam keadaan penggajian yang tidak menentu yang saya sebut sebelum ini *pre-carriers* iaitu ianya diletakkan mungkin untuk satu tempoh tertentu sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih. Perkara ini juga yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi perlu juga dikaji dan diberi penambahbaikan oleh kementerian yang sewajarnya. Saya ulang balik ya.

- (iii) adalah tidak adil kita mengenakan skim cukai GST, cukai pendapatan dan lain-lain tarif serta levi kepada rakyat tempatan tetapi pekerja asing yang memanfaatkan ekonomi negara dan mendapat faedah dari pemberian subsidi kerajaan seperti LPG, minyak masak, beras, tepung dan kemudahan kesihatan yang tidak dikenakan cukai. Saya mohon bermula tahun 2015 ini LHDN dapat membuat formulasi ke atas percukaian pendapatan pekerja asing ini. Saya minta kalau ada wakil LHDN di sini mendengar cadangan ini dan seterusnya ialah supaya cadangan ialah dijangkakan sekiranya 15% yang dikenakan kepada jumlah kiriman wang keluar negara oleh pekerja asing, kerajaan akan menjana hampir RM6.28 bilion dapat dikutip setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ekonomi rakyat perlu diterjemahkan secara relatif. Dengan kemampuan kuasa beli rakyat berbanding perolehan pendapatan bagi setiap isi rumah, kemampuan kuasa beli rakyat hanya mampu ditingkatkan jika nisbah hutang isi rumah lebih rendah dan pendapatan isi rumah lebih rendah dan pendapatan boleh guna rakyat meningkat dengan ketara.

EPU telah mengumumkan bahawa pendapatan bulanan isi rumah telah meningkat kepada RM5,900, sedangkan kita dapati masih ramai lagi isi rumah yang mendapat pendapatan di bawah RM1,000 terutama di luar bandar dan hampir 60% penduduk di bandar mendapat pendapatan di bawah

RM3,000. Kalau kita bandingkan pula dengan sektor awam hampir 60% penjawat awam mendapat gaji di bawah RM2,500 sebulan.

Oleh itu semakan dan kajian serius perlu dilakukan dan cerapan data yang lebih tepat dan komprehensif perlu dilakukan melalui bancian pendapatan isi rumah agar keadaan sebenar kesusahan rakyat dapat diperoleh. Kerajaan juga perlu mendapatkan nilai yang lebih tepat bagi cerapan data isi rumah tempatan agar agihan subsidi dan bantuan lebih bersasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kerana menangani isu penyelewengan subsidi bahan petroleum dan barangan subsidi dengan segera dan berkesan. Selaras dengan rasionalisasi subsidi dan meningkatkan upaya pengurusan fiskal kerajaan saya ingin mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan skim subsidi yang lebih bersasar ke atas minyak masak dan LPG yang saya rasakan jumlah subsidi yang diberikan amat besar dan tersasar. Mengikut rekod yang dikeluarkan oleh KPDNKK pada tahun 2013, subsidi bagi minyak masak berjumlah RM1.6 bilion dan LPG diesel dan RON95 berjumlah RM24.029 bilion setahun. Maka di sini saya ingin mencadangkan agar subsidi minyak masak disusun semula dengan memberikan kupon sebanyak 60kg minyak masak setahun dan 12 tong LPG 14 kilogram setahun kepada setiap isi rumah tempatan.

Mengikut kiraan saya dengan jumlah tujuh juta isi rumah di Malaysia, kerajaan hanya akan menampung subsidi seperti berikut. Produk minyak masak, penjimatan RM1.25 bilion, LPG 14 dan RON95 dan diesel, penjimatannya adalah RM20.7 bilion dan total dianggarkan dalam 22 bilion.

■1720

Bagi membantu nisbah boleh guna atau belanja pendapatan isi rumah mempunyai nilai lebihan ketara, kerajaan haruslah menyusun semula rating kredit pengguna isi rumah. Pada masa ini, hampir 48% pendapatan isi rumah dibelanjakan untuk membiayai sewa beli kenderaan dan 28% bayaran sewa rumah atau pinjaman perumahan. Justeru itu, kerajaan perlu mengatasi masalah hutang isi rumah secara lebih saksama agar bebanan rakyat dapat diatasi secara bijaksana.

Pada masa ini, jika rakyat berpendapatan isi rumah sejumlah RM1,000 sebulan, sebanyak RM480 dibelanjakan untuk pembelian kereta dan minyak petrol, RM280 hingga RM300 untuk sewa rumah atau pembayaran skim rumah mampu milik.

Bagi meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah, saya cadangkan agar cukai eksais kenderaan distrukturkan semula. Bagi golongan baru bekerja, saya mencadangkan kerajaan hendaklah memperkenalkan skim pembelian kereta pertama dengan mengecualikan sepenuhnya cukai eksais sebanyak 75% ke atas pembelian kereta nasional seperti model *Axia*, *Saga*, *Exora*, *Alza*, *Preve*, dan *Myvi*. Dengan penolakan cukai eksais ini, maka bayaran ansuran bulanan akan menjadi rendah dan dasar ini juga akan meningkatkan keupayaan pengeluaran dan jualan kereta nasional.

Tuan Yang di-Pertua pun menunggu poin ini. Saya dapati kerajaan telah tertinggal dalam membantu golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan bekalan susu bukan premium bagi kanak-kanak berumur satu bulan hingga enam tahun. Kalau dilihat kepada harga pasaran kini, kebanyakan kedai runcit mengambil kesempatan yang keterlaluan dengan menekan pengguna

terutama golongan berpendapatan rendah dengan menjual susu jenama, contoh *Dutch Lady* satu kilogram dengan harga RM29 dan *Dumex* 900 gram *pack* berharga RM27.90. Harga ini didapati lebih tinggi sehingga RM6 atau RM7 jika dibandingkan dengan harga di pasar raya besar yang menawarkan harga yang lebih murah.

Bagi meringankan beban golongan ini, saya mencadangkan agar Program Susu Sekolah dihapuskan dan digantikan dengan pembekalan susu kepada golongan ini dengan had lima kilogram sebulan bagi satu kanak-kanak melalui Klinik 1Malaysia atau Klinik Ibu.

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Petang tadi saya baru turun beli susu bagi anak. Anak saya ada dua orang, kecil lagi. Peruntukan saya sebulan untuk beli susu sahaja hampir RM500 sekarang ini di mana negara jiran kita Thailand, susu itu disubsidikan. Saya minta Kerajaan Malaysia supaya melihat bahawa susu ini *basic thing* untuk kanak-kanak untuk memberi mereka sejak kecil lagi, melentur buluh biar dari rebungunya, menanamkan kesihatan kepada bayi-bayi ini dengan memberikan subsidi kepada susu kanak-kanak ini. Sekarang ini bebanan kepada keluarga makin tinggi dengan harga susu yang meningkat. Setiap bulan meningkat harga susu sekarang ini. Jadi kerajaan harus memberikan perhatian yang berat terhadap perkara ini kerana ia adalah *basic thing* untuk kita manusia daripada kanak-kanak hingga membesar.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta subsidi susu untuk kanak-kanak ya?

Dato' Boon Som a/l Inong: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus. Terus kan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Boon kerana menyokong cadangan saya dan saya setuju memang susu ini adalah makanan asasi bagi kanak-kanak dari satu hingga tiga tahun dan juga tambahan untuk tiga hingga enam tahun dan mungkin kepada yang tua. Saya ulangi lagi, ini adalah asasi, bukan sahaja di bandar dan juga di luar bandar. Mana-mana keluarga akan perlu membeli susu ini, susu kanak-kanak.

Saya menjangkakan dengan pengedaran susu di klinik kerajaan ini, kartel pengambilan keuntungan berganda oleh pekedai runcit boleh dikekang dan eksploitasi peniaga terhadap produk susu ini dapat dikawal sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi ke sektor pendidikan dan saya amat berbangga dasar berterusan kerajaan untuk meningkatkan kemahiran modal insan. Saya juga memuji langkah kerajaan untuk meningkatkan kualiti penyampaian dan meningkatkan keupayaan kompetensi guru dalam pengajaran amat saya sokong. Di sini saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan tentang apakah kekangan dalam menangani isu jurang pendidikan luar bandar, pelajar bandar dan golongan miskin menengah di bandar yang dipanggil miskin bandar?

Di sini saya ingin menggesa agar Kementerian Pendidikan mengenal pasti lebih banyak sekolah di luar bandar, di Wilayah Persekutuan dapat meningkatkan kemasukan pelajar cemerlang UPSR dan PT3 di bawah skim program khas pelajar cemerlang. Pelajar-pelajar ini perlu ditempatkan di asrama di sekolah-sekolah cemerlang atau berprestasi tinggi agar kesinambungan kecemerlangan mereka dapat diteruskan. Oleh itu, saya menggesa kerajaan menubuhkan lebih banyak sekolah

berasrama terutamanya saya pohon selaku mewakili Wilayah Persekutuan, Maktab Rendah Sains Mara di Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan, sejak tahun 1971 telah wujud sekolah-sekolah MRSM di merata negeri di Malaysia. Perlis yang kecil pun ada dua. Akan tetapi untuk makluman, di Wilayah Persekutuan tiada satu pun sekolah MRSM dan ini saya rasa tidak adil, Tuan Yang di-Pertua. Di situ saya ingin memohon satu sekolah MRSM untuk Wilayah Persekutuan dan sekali gus ia akan dalam tempoh 10 tahun selepas memasuki MRSM ini, mereka bakal mengubah nasib keluarga mereka di dalam tempoh 10 tahun selepas memasuki MRSM ini. Ini tergulung di bawah subkepala daripada bajet kita iaitu menyejahterakan rakyat.

Juga dalam Bajet 2015, kerajaan telah mengumumkan untuk menaikkan syarat lulus minimum MUET bagi syarat kelayakan untuk melanjutkan pelajaran di IPTA menjelang Januari 2015. Saya berharap polisi ini ditangguhkan dahulu kerana ia bakal menjejaskan ramai pelajar cemerlang. Rasional syarat itu hanya hendak memastikan kualiti pelajar mahir berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Langkah ini telah mendapat tentangan daripada rakyat. Mereka persoalkan mengapa IPTA sahaja, kenapa tidak IPTS?

Oleh itu, saya mohon kerajaan menangguhkan pelaksanaan syarat MUET ini dan carilah kaedah dan langkah yang lebih menepati kerana kita maklum, untuk fasih Bahasa Inggeris untuk skor MUET yang perlu diutamakan. Saya mencadangkan supaya pastikan dahulu teknik pengajarannya, selidiki dahulu cara penggunaannya dan paling penting, semak dahulu kompetensi guru-guru dan pensyarahnya. Barulah buat syarat atau aturan kelayakan dan kurikulumnya, juga jumlah jam kreditnya. Barulah rakyat tidak memberontak dan golongan muda menghormati kita.

Dalam Bajet 2015 juga, kerajaan telah mengumumkan agar nilai pengecualian cukai pendapatan individu dinaikkan dari RM5,000 setahun kepada RM6,000 setahun. Saya mohon mencadangkan agar pengecualian penuh kos diberikan kepada wanita yang menanggung kos pembedahan *cesarean* dan kos pediatrik. Juga saya ingin masukkan dalam kumpulan ini ialah kumpulan yang menjalani rawatan penyakit kritikal dan kronik. Isu ini diajukan oleh ramai wanita. Saya harap LHDN dapat menilai semula semakan pengecualian cukai ini kerana ianya membantu rakyat yang memerlukan.

Dalam Bajet juga, kerajaan mengumumkan akan mempermudah kemudahan cuti menjaga anak selama setahun tanpa terikat dengan cuti bersalin.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa kita sudah tepat 5.30 petang. Masih banyak lagikah, Yang Berhormat?

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, sambung lagi esok, tetapi Yang Berhormat masih ada lima minit esok. Terima kasih.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Lima minit, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis 11 Disember 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]